

BAB DUA

Latarbelakang Masyarakat dan Politik Muslim di Malaysia

2.0 Pendahuluan

Sistem Undang-undang Malaysia mengalami perkembangan dan perubahan dari zaman Hindu-Budha kepada Islam dan kemudian undang-undang Barat. Tanah Melayu pernah dijajah selama 446 tahun iaitu dari tahun 1511 hingga tahun 1957 oleh tiga kuasa kolonial: Portugis, Belanda dan British. Pengaruh undang-undang Barat telah menguasai sistem perundungan di Malaysia. Undang-undang Inggeris telah berjaya mengikis peranan undang-undang Islam yang dahulunya menjadi asas sistem perundungan kerajaan Melayu. Proses pengikisan kuasa perundungan Islam dalam sistem pemerintahan di Malaysia bermula dengan pemerintah kolonial British. Inggeris berjaya mempengaruhi pembesar-pembesar Melayu supaya menerima sistem mereka mengasingkan peranan agama daripada sistem pemerintahan, dan menjadikan urusan agama sebagai urusan pribadi, ritual dan terasing daripada hal ehwal awam. Bab ini akan membincangkan latar belakang masyarakat dan politik Muslim, kesan kolonialisasi dari aspek pentadbiran, perundungan dan pemikiran masyarakat Muslim, sejarah undang-undang, organisasi politik dan institusi kerajaan di Malaysia. Perkara yang dikemukakan ini perlu dibahas dengan terperinci kerana ia akan memperlihat sama ada tahap cita-cita kerajaan tinggi atau rendah.

2.1 Pembentukan Masyarakat dan Politik Muslim

Umat Melayu pernah menganut fahaman Hindu-Budha sebelum kedatangan Islam¹, menjadikan latarbelakang sejarah masyarakat Melayu suatu yang unik dari aspek geografi² dan

¹Kawasan Nusantara sebelum kedatangan Islam adalah di bawah pengaruh kuat agama Hindu-Budha. Penduduk di rantau ini beragama Hindu dan Budha, selain menganut kepercayaan anamisme. Lihat Ismail Hamid, Peradaban Melayu dan Islam. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1985, hal. 15

² Melalui kedudukannya yang terletak di tengah-tengah kepulauan Melayu, dan laluan antarabangsa untuk menghubungi timur dan barat melalui jalan laut. Melaka pernah satu ketika dulu menjadi pusat

demografi sosial apabila penduduknya yang datang dari pelbagai latarbelakang kaum, keturunan, budaya, dan agama, mempunyai citarasa yang berbeza khususnya aspek politik. Komposisi bilangan antara kaum Melayu dan bukan Melayu di Malaysia adalah seimbang.³ Ini memberi gambaran, untuk membina sebuah negara yang kuat dengan kepelbagaiannya identiti budaya dan pegangan agama bukanlah suatu yang mudah. Ia memerlukan satu kemahiran politik yang tinggi dan sistematik, dan kepimpinan yang unggul dan berwawasan.⁴

Sebelum kedatangan British, negeri-negeri Tanah Melayu ditadbir oleh raja-raja feudal Melayu. Raja Melayu mempunyai kuasa mutlak dalam kepimpinan negara.⁵ Sebagai lambang perpaduan dan kuasa, hidup raja dikelilingi oleh kemuliaan dan kemewahan. Raja selalunya dikelilingi oleh para penasihat yang terdiri daripada orang besar istana. Para pembesar negeri walaupun di bawah raja tetapi mereka agak bebas. Contohnya ada pembesar negeri, mengutip cukai daripada pelombong Cina tanpa merujuk kepada baginda sultan sehingga menimbulkan krisis dalam masyarakat.

perdagangan antarabangsa dan perhubungan antara Timur dan Barat. Pusat perkembangan ilmu pengetahuan dan pusat perkembangan Islam. Lihat D S Richard, Islam and the Trade of Asia. Pennsylvania: 1970, hal. 170. Lihat Dr Ismail Hamid, Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melalu. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia), 1986, hal. 95 - 96. Lihat juga W G Shellebar, Sejarah Melalu. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1977, hal. 54 - 56. Lihat juga Sayed Muhammad Naquid al-Atas, Preliminary Statement on A General Theory of the Islamisation of the Malayan-Indonesia Archipelago, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969, hal. 10. Lihat juga M Y Hashim, Legas Lodes of The Malaka Sultanate: An Appraisal, dlm Malaysian History Jurnal of the Malaysian Historical Society, Jld. 26, hal. 84.

³ Pada tahun 1991 kedudukan penduduk Semenanjung Malaysia mengikut koposisi kaum ialah 55 peratus orang Melayu, 34 peratus Cina dan 12 peratus orang India, sementara 1 peratus lagi bangsa-bangsa lain. Selalunya pertumbuhan penduduk ini dalam jangka masa 10 tahun ialah 4 peratus mengikut jangkaan Jabatan Statistik Malaysia.

⁴ Sidid Fadhil, Kepimpinan Melalu Era Perubahan, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, 1996, hal. 13.

⁵ J M Gullick, Sistem Politik Bumiputera Tanah Melalu Barat, London: 1958. Dalam Bab 3 dan 4 Gullick menerangkan hubungan di antara raja dengan rakyat amat jauh dan berbeza sekali. Lihat juga R S Milne dan Diana K Mauzy, Politik dan Kerajaan di Malaysia, (terj) Abdul Rauf Mohd Napis, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hal. 4.

Struktur pemerintahan kerajaan Melayu agak mudah. Di peringkat negeri, pemerintahan diketuai oleh Sultan kemudian diikuti oleh barisan pembesar istana yang bertindak sebagai penasihat raja dalam semua hal ehwal ekonomi, politik, keselamatan, kemasyarakatan dan juga dalam hal-hal yang berhubung dengan agama dan adat istiadat Melayu. Peringkat wilayah (kampung) diketuai oleh seorang Penghulu sebagai wakil raja. Penghulu bertanggungjawab dalam hal kutipan cukai hinggahal dalam soal yang berhubung dengan kemasyarakatan dan agama. Struktur yang ringkas ini memudahkan sesuatu peraturan atau undang-undang dilaksanakan dengan cepat dan sempurna.

Kedatangan Islam pada abad 15 ke Tanah Melayu telah mempengaruhi corak budaya, pemikiran, sistem politik dan sistem sosial masyarakat Melayu yang sebelumnya dipengaruhi oleh faham agama Hindu-Budha. Penglibatan istana dalam proses perkembangan Islam amat ketara dan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Pihak istana bukan sahaja menyebarkan Islam dalam bentuk lahiriah bahkan mengisi krangka lahiriah itu dengan roh ilmu pengetahuan dan pendidikan. Kecintaan terhadap agama dan inginkan ilmu pengetahuan telah mempengaruhi jiwa raja-raja Melaka. Mereka bukan sahaja menggalakkan rakyat supaya menganut Islam bahkan menjadikan istana sebagai pusat pengajian dan menyanjung tinggi hari-hari kebesaran agama, amal ibadat, ilmu pengetahuan dan kitab agama.⁶ Sultan-sultan juga memberi kedudukan yang tinggi kepada ulama dan berguru dan menghadiri kuliah-kuliah yang dibuat oleh ulama di rumah mereka.⁷ Ulama bukan sahaja sebagai guru tetapi juga dijadikan sebagai penasihat kepada pemerintah dalam hal-hal yang berhubung dengan hal ehwal agama dan awam, satu kedudukan strategis yang membolehkan mereka berfungsi dalam skima pengislaman negara dan masyarakat keseluruhannya. Muhamad Abu Bakar menulis:

Pendampingan ulama dengan pemerintah, apakah lagi jika perhubungan itu ditentukan oleh perwatakan ulama, iasanya mampu menjadikan ilmuwan itu orang

⁶ Abdullah Ishak, Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hal. 128.

⁷ W. G. Shellaber, Sejarah Melayu or the Malay Annals, Singapura: The Malay Publishing House, 1948, hal. 67, 128.

*dalam yang dapat memainkan peranan yang bermakna dalam pentadbiran dan proses politik, di samping mempunyai ruang yang lebih besar untuk bergerak dalam masyarakat.*⁸

Proses Islamisasi terus berlaku di Tanah Melayu sekalipun selepas penaklukan Portugis pada 1511. Kejayaan Islam merubah nilai dan pandangan hidup orang Melayu adalah kesan daripada hubungan yang lama dan mendalam antara orang Melayu dengan orang Arab, terutama ulama Arab yang berdagang di Tanah Melayu. Dan hubungan antara wilayah-wilayah Islam seperti Hadramaut, Hejaz, Turki dan Mesir dengan Tanah Melayu mempunyai pengaruh yang besar ke atas tamadun orang Melayu. Menurut Morley, Islam telah berjaya mempengaruhi dari segi moral, bahasa, organisasi politik, adat resam dan undang-undang masyarakat Melayu.⁹ Hubungan keagamaan antara orang Melayu dengan pedagang Arab yang kebanyakannya terdiri daripada ulama meningkat, dan diperlanjutkan dengan pergi melanjutkan pelajaran ke negara Arab. Winstedt berpandangan bahawa pada awal-awal abad 20 an, banyak kalangan orang Melayu pergi ke Makkah untuk menuntut ilmu.¹⁰ Golongan inilah apabila selesai menamatkan pelajaran masing-masing, sesetengahnya menjadi penulis agama dan menterjemahkan buku-buku agama ke dalam bahasa Melayu, dan menjadi guru-guru agama di sekolah-sekolah pondok.¹¹

Pemerataan Islam dalam masyarakat Melayu sekurang-kurangnya melalui dua pendekatan yang agak menonjol iaitu melalui sistem pendidikan dan penulisan di kalangan ulama. Dalam abad ke 19 dan awal abad ke 20 banyak buku agama bahasa Arab telah diterjemahkan kepada bahasa jawi yang berhubung dengan teologi, fiqh, hadis, sufisme dan

⁸ Muhammad Abu Bakar, Ulama Terengganu : Suatu Sorotan, Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn Bhd. 1991, hal. 16.

⁹ Morley, J.A.E. The Arabs and the Eastern Trade, JMBRAS. Vol. xxii. Bhg. 1, 1949, hal. 143 – 1476.

¹⁰ R.O. Winstedt, A History of Malaya, JRASMB, Vol. xiii, bhg. 1, 1943, hal. 1 – 270.

¹¹ G. E. Morrison, Persian Influences in Malay Life, JMBRS. Vol. xxvii, bhg. 1, 1955, hal. 52 – 69.

beberapa tafsir al-Qur'an.¹² Antara tokoh yang selalu diketengahkan dalam soal penulisan ini ialah Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari yang menulis buku *Sabilu al-Muhtadin* pada 1780. Daud Abdullah al-Fatani menulis *Furu'u al-Masaa'il* pada 1838, Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani menulis kitab *Matla'u al-Badrain* pada 1885. Ketiga-tiga buku ini adalah kitab yang masyhur di kalangan orang Melayu dan menjadi rujukan yang muktabar bagi mereka dalam bidang ilmu fiqh. Dalam bidang ilmu kalam atau teologi, nama yang agak tersohor ialah Uthman bin Abdullah bin Yahya dari Betawi menulis kitab *sifat Dua Puluh* pada 1886, Uthman bin Syihab al-Din al-Funtiani yang menterjemah buku yang ditulis oleh Ibn Ata' Allah iaitu kitab *Taju' al-'Arus* pada 1886, Ahmad Khatib Ibni Abdul Ghafar Sambas menulis buku berjudul *Futuh al-'Arifin* dan Abdullah bin Abdul Mubin menulis buku *Tanbih al-Ghafilin* pada 1885.

Selain menulis dan menterjemahkan kitab-kitab agama, golongan berpelajaran agama yang lebih terkenal dengan panggilan *ulama* ini telah mendirikan sekolah-sekolah agama yang lebih dikenali dengan sekolah pondok. Menurut Abdullah Munshi dalam bukunya *Hikayat Abdullah*, tidak ada sekolah formal di Semenanjung Tanah Melayu sebelum kedatangan Eropah. Yang ada ialah tempat-tempat untuk belajar membaca al-Qur'an dan menulis yang dinamai sekolah al-Qur'an yang selalunya diadakan di rumah-rumah guru, surau dan masjid.¹³

Sistem sekolah pondok mula diperkenalkan di Tanah Melayu pada awal abad ke- 19 hasil difusi dari Petani.¹⁴ Petani adalah salah satu wilayah Tanah Melayu yang besar dan penting pada abad ke - 14. Kepentingannya adalah disebabkan oleh perkembangannya sebagai pusat pengajian dan tradisi Islam sebelum dicerobohi oleh Siam pada abad ke- 19 dan ke- 20. Penaklukan Siam terhadap Pattani menyebabkan sesetengah orang Melayu termasuklah di

¹² Amran Kasimin, Agama dan Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melalu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hal. 182.

¹³ Gordon P. Means. The Role of Islam in the Political Development of Malaysia Comparative Politics JMBRAS, vol. 1, bhg. 2. Kuala Lumpur: 1969, hal. 264 – 84.

¹⁴ Robert L Winzeler. Traditional Islamic School in Kelantan. JMBRAS, vol. xxxviii, bhg. 1, 1975, hal. 92

kalangan ulama mereka berhijrah terutamanya di Kelantan dan Terengganu. Menurut Winzeler, hubungan antara Petani dengan Kelantan, dari hal-hal yang berhubung dengan politik, ekonomi dan agama amat rapat dan berterusan sehingga kini.¹⁵ Kesan daripada perpindahan ini menyebabkan percambahan sekolah pondok, bukan sahaja di Kelantan tetapi juga di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu. Misalnya pondok Ahmadiah di Bukit Payung yang diasaskan oleh Hj Abdullah Tahir bin Hj Ahmad 1931 dan Madrasah Manabi al-Ulum di Bukit Martajam yang diusahakan oleh Syeik Othman Jalaluddin pada 1934. Kesan daripada sekolah pondok ini bukan sahaja telah melahirkan penulis-penulis terkemuka dalam bidang keilmuan Islam, tetapi juga melahirkan beberapa tokoh ulama yang terkenal antaranya ialah Syeik Muhammad Idris al-Marbawi, Hj Hasan Yunos dari Johor, Hj Ahmad Mahir bin Ismail dan Tuan Hussein bin Mohd Nasir bin Mohd Raib al-Masudi al-Banjari.¹⁶

Menurut Yegar, penerimaan Islam dalam masyarakat Melayu mempunyai kesan yang mendalam. Ia bukan sahaja membawa pemikiran agama baru, perubahan struktur masyarakat, tetapi juga memperluas hubungan dengan orang lain, dan memperteguh perasaan perpaduan dengan dunia Islam yang lain.¹⁷ Kepercayaan terhadap keesaan Tuhan yang disosialisikan dengan pemerintah Islam melalui jenis-jenis aktiviti pendidikan yang formal dan informal, telah mengatasi Hinduisme dan Buddhism yang tiba lebih awal dari itu. Pertukaran faham atau pegangan umat Melayu dari Hindu-Budha kepada Islam bertaku tanpa mengganggu masyarakat yang ada. Akhirnya seluruh orang Melayu di Semenanjung menganut agama Islam.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Amran Kasimin, Agama dan Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hal. 185.

¹⁷ Moshe Yegar, Islam and Islamic Institutions in British Malaya: Policies and Implementation, Jerusalem: Hebrew University, 1979, hal. 21.

2.1.2 Pengaruh Islam dalam Undang-undang

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu bukan sahaja telah mempengaruhi sistem masyarakat dan politik, tetapi juga telah mempengaruhi sistem perundangan negara. Para pengkaji undang-undang khususnya mengenai undang-undang Islam di negara ini seperti M B Hooker pada asasnya berpendapat bahawa Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah sebahagian besarnya bercirikan undang-undang Islam.¹⁸ Mengikut buku *Sejarah Melayu* agama Islam telah menjadi agama rasmi bagi kerajaan Melaka.¹⁹ Pada ketika itu pemerintah Melaka telah melantik kadi sebagai penasihat kerajaan dalam hal-hal yang berhubung dengan agama. Antara mereka yang disebut sebagai penasihat itu ialah tokoh-tokoh agama yang terkenal seperti Kadi Yusof, Kadi Menawar, dan Kadi Sadar Johan untuk menjaga kepentingan agama.²⁰ Selain melantik ulama sebagai penasihat, Sultan juga melantik mereka sebagai fakih dan kadi²¹. Mereka juga dipertanggungjawabkan untuk mendidik masyarakat dalam bidang agama, dan tanggungjawab ini telah dilaksanakan sehingga menjadikan Melaka sebagai pusat ilmu pengtahuan,²² dan telah merubah nilai, budaya dan pemikiran rakyat negeri Melaka. Umpamanya Mahmud Saedon memperlihat hukum yang tercatat dalam undang-undang

¹⁸ M B Hooker, Adat and Islam in Malaya, dlm *Malaya Law Review Legal Essey in Memorium Bashir Ahmad Mall* (cetakan kembali), Singapura: hal. 170. Lihat juga Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaya, Singapore: Malaysian Sociological Research Institut, hal. 161.

¹⁹ M Y Hashim, Legal Codes of the Melaka Sultanate : An Appraisal dlm Malaysian History, Journal of Malaysian Historical Society, Jld. 26, hal. 84. Lihat juga Hamid Jusoh, Op.cit., hal 2.

²⁰ C C Brown, Malay Annals (terj) dan pendahuluan oleh R Roolvik, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970, hal 95 - 147.

²¹ W G Shellabear, Op.cit., hal. 55. Lihat juga Ismail Hamid, Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu, Kuala Lumpur: Heinemann Malaysia, 1986, hal. 95 - 96.

²² Ismail Hamid, ibid., hal.98. Lihat juga W G Shellabear, ibid., hal. 91 - 93. Banyak buku dijadikan bahan rujukan yang diterjemahkan daripada bahasa Arab antaranya ialah *Hikayat Saydina Hamzah*, *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*, *Hikayat Amir Hamzah* dan kitab *Darul Mazlum* yang dibawa oleh Maulana Abu Bakar dari Jedah dan kemudian diterjemahkan dalam bahasa 'zat' dan bahasa 'sifat'.

Melaka sesuai sekali dengan pendapat yang dikemukakan oleh Muhammad al-Sarbanī al-Khatib lantaran pendapat itu sesuai dengan apa yang telah dikemukakan oleh Imam al-Syafī'ī²³.

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah banyak membawa perubahan terhadap struktur masyarakat dan sistem perundungan negara²⁴. Banyak pengkaji dan sarjana perundungan bersetuju bahawa undang-undang Melaka sesuai sekali dengan kehendak dan roh perundungan Islam. Teks Undang-undang Melaka yang dikumpulkan oleh Ph.S Ronkel mengandungi 27 fasal , sementara **Kitab Undang-undang Melaka** yang terdapat di Muzium British mengandungi 44 fasal dan **Undang-undang Melaka** yang dikumpulkan oleh Liaw Yock Fang mengandungi 44 fasal merangkumi perkara-perkara yang berhubung dengan jenayah, perkahwinan dan pewarisan.²⁵ Kata Liaw :

*Undang-undang Melaka ini mengandungi 44 fasal yang meliputi tanggungjawab pemberas, pantang larang di kalangan anggota masyarakat, hukum-hukum di atas kesalahan jenayah dan sivil, masalah ibadat, muamalat, kekeluargaan dan acara keterangan.*²⁶

²³ Mahmud Saedon Awang Othman, Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 220. Untuk melihat pendapat al-Khatib al-Syarbini sila rujuk Mughni al-Muhtaj, Jld. 4. Mesir: Syarikah wa al-Matba'ah Mustafa al-Babi al-Hilbi, 1957. hal. 189.

²⁴ M B Hooker, Islamic Law in South East Asia, Singapore: Oxford University Press, 1976. hal 31 - 32.

²⁵ Lihat Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, The Hague: Maritimes Najhoff, Fasal: 39.2. British Museum. Ini Kitab Undang-undang Sultan Melaka, London: MSS No. 13795, 1976. Lihat juga Mahmud Saedon Awang Othman, hal. 219. Untuk lebih jelas lagi diperturunkan Fasal-fasal tersebut yang meliputi kesalahan melakukan zina, qazaf, mencuri, merompak, murtad dan minum arak. sebagaimana yang diperuntukan dalam Fasal 42(2), Fasal 43(5), Fasal 36(1), Fasal 12(3), Fasal 7(2), Fasal 11(1), Fasal 42 dan Fasal 43. Sementara Sementara asal 43(5) adalah hukuman berhubung dengan kesalahan melakukan hubungan jenis sesama lelaki.

²⁶ Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, The Hague: Maritimes Najhoff, t.t. hal. 62 - 177.

Menurut pendapat R O Winstedt, kerajaan Melayu Melaka adalah kerajaan Melayu pertama yang menyusun undang-undang bertulis sesuai dengan unsur-unsur Syariat Islam.²⁷

Menurut Liaw Yock Fang lagi, Undang-undang Melaka amat bersesuaian dengan pendapat Mazhab Syafie, apabila Undang-undang kanun ini telah memperuntukkan undang-undang Qisas dalam Fasal 5[1], [3], 8[2], [3]. Misalnya dalam Perkara 18 [4] dan 39 tentang pembunuhan dengan sengaja dilakukan oleh orang Islam ke atas orang-orang kafir yang menderhaka dan pembunuhan ke atas hamba dan bapanya ke atas anaknya.²⁸ Sultan yang bertanggungjawab memperkembang undang-undang Islam di Melaka ialah Sultan Mansur Shah (1456 - 1477M) dan diperkuuh secara praktikal oleh Sultan Alauddin Riayat Shah (1477 - 1488 M).²⁹

Undang-undang yang dilaksanakan dalam masa pemerintahan kerajaan Melayu Melaka bukan sahaja diamalkan di Melaka tetapi telah mempengaruhi undang-undang di negeri-negeri di bawah naungan kerajaan Melaka yang berhampiran denganannya seperti Brunei, Pontianak, Pahang, Kedah, Terengganu dan Johor³⁰. Abu Bakar Abdullah mengulas hal ini : Setelah kerajaan Islam Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511 masihi, maka kerajaan warisan Melaka bertapak di Johor Riau, pertalian dan perkembangan kerajaan warisan Melaka dengan negeri-negeri Melayu masih tetap teguh, kerana negeri-negeri Melayu masih tetap melaksanakan undang-undang Islam yang dipengaruhi oleh *Undang-undang Melaka* sama ada

²⁷ R O Winstedt, A History of Classical Malay Literature, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966, hal. 167.

²⁸ Liaw Yock Fang, ibid., hal. 177

²⁹ Muhammad Yusof Hashim, Kesultanan Melayu Melaka, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hal. 113

³⁰ Untuk mendapat keterangan lanjut sila rujuk kepada Hj Buyung Adil, Sejarah Johor, hal. 12, Sejarah Terengganu, hal. 8 - 10, dan Sejarah Perak, hal 1- 4, dim Sejarah Melaka dalam Zaman Kerajaan Melaka, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1973.

secara langsung atau tidak langsung. Pelaksanaan Undang-undang Islam di negeri-negeri berkenaan berterusan sehingga campur tangan Inggeris.³¹

Misalnya *Undang-undang Pahang* yang ditulis semasa pemerintahan Sultan Abdul Gafar Muhiyuddin Syah di antara tahun 1592 sehingga 1616 masih telah digubal berpandukan kepada risalah *Undang-undang kanun Melaka*. Setelah diteliti *Undang-undang Pahang* lebih banyak menerima pengaruh Islam berbanding dengan *Undang-undang Melayu Melaka*³². Misalnya ada beberapa peruntukan dalam kanun tersebut antaranya ialah Fasal 47 soal qisas, Fasal 25 soal zina, Fasal 59 soal murtad, Fasal 52 soal minum arak, Fasal 54 soal menyamun, kes liwat disebut dalam Fasal 50, soal meninggalkan sembahyang disebut dalam Fasal 60, sementara kesalahan yang boleh dikenakan hukuman diat disebut dalam Fasal 48. Kes-kes ta'zir pula disebut dalam Fasal 51.

Hal yang sama juga berlaku kepada *Undang-undang Johor* yang dibuat dalam tahun 1203H (1788/9) semasa pemerintahan Sultan Mahmud al-Ghazi Ibn Abdul Jalil Shah³³. Undang-undang ini mengandungi 19 fasal dan didapati Fasal 5 sehingga Fasal 9 berkaitan dengan undang-undang Islam. Undang-undang Islam di negeri Johor terus diperkuuh dan berkembang dari masa ke masa. Umpamanya pada tahun 1331H, sultan Johor telah memerintahkan supaya hukum syarak digubal berpandukan undang-undang Turki ditulis dalam majalah *Ahkam Johor*.³⁴ Pada akhir abad 19, Johor mengisyiharkan perlombagaannya.³⁵

³¹ Abu Bakar Abdullah, Ke arah Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia: Masalah Penyelesaian. Kuala Terengganu : t . t , hal. 58 - 59. Lihat juga Mahmud Saedon Awang Othman, Op.cit., hal. 223.

³² Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaysia. JMCL, Jld. 8, hal. 23

³³ Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, op.cit., hal. 37

³⁴ Majalah Ahkam Johor. Kerajaan Johor, Muar: 1331h, hal. 1, Majalah ini berasal daripada undang-undang Turki, iaitu Majallah al-Ahkam al-'Adiyah, Turkey, 122h. Sila rujuk Othman Ishak, Satu Kajian Kritis mengenai Institusi Fatwa dalam Hukum Syarak di Negeri Melayu: Sejarah dan Interpretasinya. Desertasi Ph.D. Universiti Malaya. 1979, hal. 45

Artikel 2 perlembagaan itu menyebut : “ Bahawa raja yang dipilih hendaklah daripada bangsa Melayu, berdarah raja, keturunan sultan Johor, laki-laki dan pengikut agama Islam. Sementara agama rasmi bagi negeri Johor adalah agama Islam dan akan kekal berterusan selamanya walaupun agama-agama lain dibenarkan untuk diamalkan”. Hooker mengakui bahawa Perlembagaan Johor juga telah dipengaruhi oleh *Undang-undang Melaka*. Katanya:

*bahawa idea pemerintahan dan sifat kedaulatan ditentukan oleh pemikiran Islam, peraturan untuk menjaga ketenteraman awam dan penyelesaian perselisihan bercorak Islam dan tempatan dan undang-undang keluarga secara dasarnya adalah Islamik.*³⁶

Sementara di Kedah, undang-undang Islam yang ditulis pada tahun 1211H (1898) daripada 40 Fasal, 8 Fasal mengenai undang-undang Islam yang berhubung dengan kesalahan Jenayah³⁷. Catatan yang dibuat oleh Winstedt menyebut, *Peruntukan Undang-undang Dato' Paduka Tuan* pada tahun 1667 adalah berkaitan dengan Islam³⁸. Pendapat yang sama dikemukakan oleh Gibson, seorang penasihat undang-undang jenayah Kedah yang mengungkapkan bahawa: Undang-undang jenayah yang dipakai di Mahkamah Kedah sehingga kini berlandaskan hukum syarak.³⁹ Sementara Undang-undang 99 di Perak bersesuaian sekali

³⁵ Perlembagaan ini telah diisytiharkan pada 4 Sept 1895. Lihat Perlembagaan Johor (dpenyunting oleh J de V Alleh, A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia 1761 - 1963. New York : Oceana Publication Jld. 1, hal. 77. Lihat juga Hamid Jusoh, Op.cit., hal. 15.

³⁶ M B Hooker, Op.cit., hal. 17.

³⁷ Lihat bin Komis, Ondang-onhang Kedah, K/Pu 1, Arkib Negara Malaysia. Antara fasal-fasal tersebut ialah Fasal 3, Fasal 5, Fasal 7, Fasal 8, Fasal 9, dan Fasal 12.

³⁸ Lihat Winstedt, Undang-undang Kedah, dalam JMBRAS (1928) 6 (2), hal. 8.

³⁹ Great Britain, Pejabat Perhubungan Komenwel, Kedah, Negeri Melayu, No Kiriman 60 bertarikh 25hb Mei 1918. Rumah Kerajaan Singapore disebutkan oleh Abdul Majeed Mahmood Mackenc. Contemporary Islamic Legal Organization in Malaya”, Siri Monograf, No.13. Connecticut Yale University South Esat Asia Studies, 1969. Lihat juga Hamid Jusuh, Op.cit., hal. 134

dengan perundangan Islam. Daripada sembilan puluh sembilan fasil, lima belas daripadanya adalah mengenai undang-undang Islam yang bersangkutan dengan jenayah⁴⁰.

Undang-undang di Terengganu juga dipengaruhi undang-undang Islam yang dapat dilihat seawalnya pada abad 19, terutamanya pada masa kekuasaan Sultan Umar (1837 M). Dalam catatan yang dibuat oleh Hugh Clifford,⁴¹ Sultan Umar digambarkan sebagai pemerintah yang amat mengambil berat tentang pelaksanaan hukum syarak. Kerajaan Terengganu telah mengisyiharkan perlombagaannya sendiri pada tahun 1911m yang lebih terkenal dengan '*Itqannul Muluk fi Ta'dil al-Suluk*'. Di dalam perlombagaan tersebut Perkara 51 ada menyebut bahawa Terengganu ialah sebuah negeri Islam dan agama Islam sebagai agama rasmi negeri, walaupun sekiranya agama lain yang mempunyai pengikut yang lebih ramai. Sementara raja Terengganu hendaklah datang daripada mereka yang menganut agama Islam, berbangsa Melayu dan berketurunan Sultan Terengganu.⁴² Demikian juga dengan Undang-undang Mahkamah Melayu Serawak yang digubal pada 1915⁴³ dan dikuatkuasakan serta terpakai untuk

⁴⁰ R J Wikenson, The Ninety-nine Laws of Perak, dlm Paper on Malay Subject, ed. J Rigby, Kuala Lumpur: The Government Of Federated Malay States Press, 1, 1908, Part 11. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Bidang Kuasa Jenayah dalam Undang-undang Mahkamah Syariah di Malaysia : Satu Penilaian dari Aspek Pencapaian Objektif Hukum Syarak. Thesis Ph.D., Syari'ah, Universiti Malaya, 1992, hal. 134.

⁴¹ Hugh Califford *Expedition : Terengganu and Kelantan*, JMBRAS, Jld. xxxiv, bhg. 1, 1961, hal. 107.

⁴² Lihat dokumen asal dalam bahasa Melayu Jawi (Federal) Laws Statut: Undang-undang Kerajaan Terengganu 1911. (disalin semula) 1931. Lihat juga seksyen I mengenai keturunan yang sebenar. Lihat juga Hamid Jusuh, ibid, hal., 14.

⁴³ Dalam draf pertama undang-undang ini mengandungi 67 bab, tetapi ianya telah diubah suai pada tahun 1926 Bab 62 telah terbalik oleh Bab 6. Lihat dalam LSO 161/1926. Lihat juga Hamid Jusuh, Op.cit, hal.

⁴⁴ Lihat juga Ahmad Ibrahim, Op.cit, hal. 23.

orang-orang Melayu adalah merujuk kepada undang-undang adat dan mempunyai sedikit sebanyak hubungkaitnya dengan undang-undang Islam⁴⁴.

Undang-undang Islam di negeri-negeri Melayu itu boleh disifatkan sebagai undang-undang adat. Walau bagaimanapun ia sudah dipengaruhi oleh undang-undang Islam, kerana terdapat beberapa perkataan yang membuktikan keadaan itu. Umpamanya sebutan tentang “mengikut hukum Allah”, “mengikut dalil Allah”, “pada hukum Allah” dan sebagainya. Malah juga diperakui oleh para sarjana dan penyelidik sejarah seperti William R Roff⁴⁵, Alfred P Rubin⁴⁶ dan lainnya⁴⁷. Di samping itu dapat pula dilihat daripada kenyataan yang dibuat oleh Sultan Muzaffar Syah dalam membahaskan Hukum Kanun Melaka. Katanya:

*Bermula menitah hamba sekalian Sultan al-'Adil Kamil Muzaffar Syah
Mulkan Huwa Sultan Wa Qada 'ala al-Birriyah adluhu wa Ihsanuhu, ialah
mengikut perintah ayahanda baginda seri Sultan Muhammad Khalifah al-
Mukminin Zillullah fi al-'Alam melakukan hukum Allah taala di dunia dan
di dalam akhirat kepada segala hamba yAllah ta'zim li Amrillah wa*

⁴⁴ Braddell CJ. C dalam kes Shik Abdul Latif dan lain-lain lwn Shik Elias Bux, beliau menyatakan, sebelum perjanjian pertama penduduk negeri ini terdiri daripada orang-orang Melayu pengikut Nabi Muhammad, di samping orang-orang Cina yang mengendalikan kegiatan perindustrian, pertanian dan perlombongan. Satu-satunya undang-undang yang diterima pakai oleh orang-orang Melayu waktu itu adalah Mohammadan Law yang telah diubahsuai mengikut adat tempatan (1915) IIFSLR 204. Kes-kes yang sama juga telah dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dalam kes Ramah lwn Laton, lihat (1927) 6 FMSKR 127.

Khususnya dalam peruntukan yang berhubung dengan perkahwinan, penceraian dan perwarisan. Umpamanya dalam Fasal 15, Fasal 49 dan Fasal 47 adalah perkara yang berhubungan dengan wali (penjaga), sementara fasal 50 adalah mengenai wanita-wanita yang dilarang dinikahi. Sementara perkara yang berhubung dengan penceraian disebut dalam Fasal 21, Fasal 22, Fasal 23, Fasal 51, Fasal 58. Aspek perwarisan dibebut dalam Fasal 59, Fasal 60 dan Fasal 61.

⁴⁵ William R Roff, The Origin of Malay Nationalism. Kuala Lumpur : University of Malaya Press, 1967, hal. 6.

⁴⁶ Alfred P Rubin, The International Personality of the Malay Peninsular : A study of International Law of Imperialism. Kuala Lumpur : University of Malaya, 1974, hal. 7

⁴⁷ Tokoh yang lain ialah W C Shellbear. Sejarah Melayu. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hal. 168

*Syafa'tihi 'ala Khalifihi. Demikianlah amar Ma'ruf wa al-Nahi al-Munkar bermula hampapun melakukan hukum Allah hendaklah kebijakan kepada segala rakyat.*⁴⁸

Demikian juga beberapa tindakan yang dilakukan oleh pemerintah pada ketika itu telah menunjukkan satu kecenderungan yang mendalam dalam pelaksanaan undang-undang yang berdasarkan kepada agama. Sejarah Melayu menyatakan:

*Syahdan, adalah Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan terlalu baik perangainya, dengan adil dan murah dan seksama pada memeriksa segala rakyat, dan ialah menyuruh membuat undang-undang supaya jangan bersalahan adat segala hukum menterinya.*⁴⁹

Berdasarkan kepada kenyataan di atas jelaslah bahawa Islam telah mendapat tempat dan telah dapat mempengaruhi sistem perundangan kerajaan Melayu Melaka dan negeri-negeri yang di bawah jajahan takluknya. Walaupun undang-undang itu tidak lengkap sebagaimana yang dikehendaki dalam sistem undang-undang Islam, tetapi usaha-usaha telah dilakukan dan pelaksanaannya telah pun diusahakan sesuai dengan kehendak dan suasana pada masa itu. Dalam ertikata lain, pemerintah ketika itu mempunyai cita-cita melaksana undang-undang Islam tetapi belum sampai ke tahap maksima.

2.2 Kesan Kolonialisme ke atas Masyarakat dan Politik Muslim

Kedatangan penjajah British telah merubah struktur pentadbiran, fungsi dan tanggungjawab raja serta pegawai-pegawai Melayu. Pada peringkat awal, British tidak berminat untuk mengambil berat tentang kedudukan daerah-daerah pedalaman kerana kekurangan

⁴⁸ V Ronkel, **Hukum Kanun Melaka**, bahagian akhir. Untuk melihat secara jelas kesesuaian undang-undang Melayu Melaka dengan undang-undang Islam, rujuk Mahmood Saedon Awang Othman, *Op.cit.* hal. 217 - 242.

⁴⁹ W G Shellabear, *Op.cit.*, hal. 63 - 64

sumber hasil. Mereka hanya menumpukan perhatian di daerah-daerah yang lebih maju seperti negeri-negeri Selat⁵⁰. Bagi mereka selagi kedudukan mereka tidak terancam dan kepentingan mereka tidak terugat mereka tidak mengganggu kehidupan di daerah pedalaman. Tetapi sikap itu tidak kekal. British mengubah fikiran dan masuk campur dalam kehidupan masyarakat Melayu sehingga mencorak budaya, pemikiran dan sistem pemerintahan masyarakat Melayu.

2.2.1 Sikap Masyarakat Muslim

Barat telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu moden sama ada dalam politik, ekonomi, pendidikan, bahasa, sastera dan sehingga kecabang-cabang seni yang lain. Sidiq Fadhil dalam analisanya membayangkan bahawa penjajahan intelek dan budaya sebenarnya bukanlah suatu hal yang terjadi hanya sebagai akibat sampingan daripada penjajahan politik, tetapi ia adalah suatu program khusus yang sememangnya direncanakan dengan teliti dan sistematik oleh barat.⁵¹ Dan tidak hairan pendidikan Inggeris telah melahirkan kelas elit pentadbir Melayu yang berbudaya Inggeris; mereka tidak ada model untuk ditiru melainkan gaya hidup pegawai-pegawai tadbir Inggeris yang telah lama mereka perhatikan.⁵²

Kesan kolonialisasi di kalangan masyarakat Melayu cukup mendalam. Umat Islam menerima penjajahan bukan sahaja dalam bentuk fizikal tetapi menjangkaui bentuk pemikiran dan emosi. Kesan penjajahan ini telah menukar nilai hidup, cara berfikir dan beremosi umat Islam sehingga menganggap Barat suatu yang agung dan serba maju. Inilah dibayangkan oleh

⁵⁰ R . S Milne dan Diana K. Mauzy, Politik dan Kerajaan di Malaysia, (terj) Abd Rauf Mohd Napis. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992. hal. 15.

⁵¹ Sidiq Fadhil, Pemikiran Barat Moden; Sikap Para Cindekiawan Muslim, op.cit., hal. 18.

⁵² Untuk melihat lebih mendalam tentang cara berfikir, hidup dan budaya golongan pentadbir melayu ini sila lihat tulisan yang dikemukakan oleh Tun Ismail Muhammad Ali, Pelajaran, Penjajahan dan Politik Kemerdekaan: Satu catatan Peribadi, dlm Malaysia dari segi sejarah, No 10, 1981, hal. 2 - 4

seorang sarjana Islam Zaki Badawi dalam rumusannya terhadap sikap umat Islam apabila bertembung dan berhadapan dengan pengaruh Barat.⁵³

Ada empat aliran pemikiran umat Islam apabila berhadapan dengan pengaruh Barat. Pertama, mereka yang bersikap jumud dan menolak apa juga bentuk perubahan yang datang dari Barat.⁵⁴ Golongan ini terdiri daripada mereka yang ingin mempertahankan 'status quo' umat Islam. Kedua, ialah golongan pengkagum Barat, dan berusaha menganjurkan proses pembaratan secara total dalam kehidupan keluarga dan masyarakat.⁵⁵ Ketiga, ialah golongan sekularis-Muslim; pada mereka agama harus dipisahkan daripada negara, kerana kedua-dua unsur ini tidak dapat dipertemukan dalam satu gagasan.⁵⁶ Keempat ialah golongan menentang, la itu sikap yang ingin membina semula keagungan umat dengan mengembalikan mereka kepada al-Qur'an dan al-Hadis.

Nordin Selat mengupas kehidupan golongan kelas menengah Pentadbir Melayu yang digelarkannya sebagai Orang Kaya Baru (OKB). Beliau berpendapat mereka ini sebagai golongan yang mempunyai unsur-unsur dua kerat dalam diri mereka, dan mereka ini mengalami kekeliruan dan kekecewaan budaya.⁵⁷ Sementara Atan Long merumuskan ciri-ciri golongan ini

⁵³ Zaki Badawi, The Reformasi of Egypt : A Critique al-Afghani, Abduh and Ridda, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976, hal. 13.

⁵⁴ Untuk mendapat keterangan lebih lanjut sila rujuk Muhammad Abu Bakar, Ulama Terengganu, op.cit. hal. 56

⁵⁵ Mereka bertindak menerima sepenuhnya budaya barat serentak dengan penerimaan sains dan teknologi sama ada kebaikan dan keburukannya sekali tanpa ada tapisan lantaran melihat barat sebagai pemangkin kepada perubahan dan kemajuan. Dalam sejarah Islam; tokoh yang paling ke depan dan menonjolkan pemikiran ialah Taha Husayn. Untuk mendapatkan maklumat secara terperinci tentang pemikirannya sila rujuk The Future of Culture in Egypt, (terj) S Glazar, Washington: American Council of Learned Societies, 1954.

⁵⁶ Umpamanya pendapat 'Ali 'Abd al-Raziq yang melihat Khalifah dan segala urusan kenegaraan tidak ada hubungkaitnya dengan nilai agama. Untuk mendapatkan pandangannya yang jelas sila rujuk 'Ali 'Abd al-Raziq, al-Islam Wa Usulu al-Hukm, ed. Muhammad 'Imarah, Beirut: al-Mu'assasat al-'Arabiyyah Li al-Dirasah Wa al-Nashr, 1972.

sebagai orang lebih fasih berbahasa Inggeris, tetapi tidak pun boleh bertutur bahasa ibunda mereka sendiri.⁵⁸

Sidiq Fadhil menganggap mereka adalah golongan sekular, anglicised dan westernised yang kehilangan akar; mereka adalah kelompok elit kelas menengah atas yang terpisah daripada rakyat jelata, sama ada dari segi sosial dan psikologikal. Kehidupan mereka berorientasikan materialisme dan individualisme yang melahirkan sifat konsumerisme yang rakus dan boros, yang menghilangkan minat terhadap hal-hal kerohanian, kesucian dan adat resam Melayu.⁵⁹ Prof Syed Hussien al-Atas, mengatakan:

*Golongan ini sebagai 'The Captive Mind' yang cara berfikir mereka tunduk kepada pemikiran Barat, meniru secara melulu dan tidak kritis, pemikiran yang tidak kreatif dan tidak mampu menimbulkan persoalan-persoalan asli (original) tidak mampu mencipta kaedah penghasilan yang tersendiri dan bebas dari apa yang sudah wujud dalam bentuk stereotypes, mempunyai pandangan yang bersifat serpihan, terasing dari persoalan-persoalan besar dalam masyarakat dan terpisah dari kebudayaan bangsa sendiri.*⁶⁰

Bagi Poh Teo Cheiw, kelas menengah pentadbir Melayu lebih mengenali universiti Barat seperti Oxford, Cambridge dan Harvard daripada institusi tinggi Asia. Mereka lebih mengenali dan menghormati profesor Barat yang dijadikan autoriti sandaran yang paling kuat termasuk dalam hal-hal yang berhubung dengan dunia Timur.⁶¹ Tokoh pertama yang menyerah

⁵⁷ Nordin Selat, Kelas Menengah Pentadbir Melayu, Op.cit., hal. 345. Lihat juga Nordin Selat, Renungan, Kuala Lumpur : Utusan Publication, 1978, hal. 57.

⁵⁸ Atan Long, Fikiran Tentang Pendidikan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hal. 69.

⁵⁹ Sidiq Fadhil, Op.cit., hal 57

⁶⁰ Sayed Husein al-Attas, The Captive Mind and Creative Development, *dim Asian Vacues and Modernization*, (ed) Seah Chee Meow, Singapore : Singapore University Press, 1977, hal. 77.

⁶¹ Poh Teo Cheiew, Eastern Intellectual and Western Solutions-Follower Syndrome in Asia, New Delhi: Vikes, Publishing House, 1980, hal. 12.

pada tekanan peradaban Barat modern dan berkerjasama dengan pemerintah kolonial ialah Abdullah Munshi [1796 - 1854]. Beliau tidak hanya membantu para penguasa Inggeris, khususnya Stamford Raffles, tetapi juga banyak membantu para pendeta dan misionari Kristian dalam penterjemahan Injil ke dalam Bahasa Melayu.⁶² Juga Abdul Majid Zainal Abidin seorang yang pernah aktif di Special Branch Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Beliau menganggap penjajah telah membawa banyak kebaikan, lebih jauh dari itu beliau telah menjustifikasi di mana orang-orang Melayu Islam boleh tunduk di bawah pemerintahan orang-orang bukan Islam (Inggeris) dengan alasan kononnya Nabi Muhammad saw sendiri bersama-sama sekumpulan sahabatnya zaman awal Madinah juga pernah berada di bawah kekuasaan pemerintah bukan Islam⁶³. Dalam kenyataannya Abdul Majid Zainal Abidin menyatakan:

*He infused 'loyalty to the crown' in his preachings, while he showed that the Islamic ideals as practised by the prophet and taught in the Islamic doctrines are far superior to the British ideals. I entirely agreed with him that the only hope for the ascendancy of Islam should be based on the principles of working hand in hand with the ambitions of the British Empire.*⁶⁴

Dari kalangan Pembantu Pengawas Sekolah-sekolah Melayu yang bersikap prokolonialisme ialah Muhammad Yusof Ahmad. Menurutnya kedatangan Inggeris diperlukan untuk memerintah negeri, menjaga hak dan kepentingan orang-orang Melayu, dan melatih mereka dalam hal-hal yang tidak diketahui.⁶⁵ Ia bukan sahaja menyokong landasan dualisme ekonomi Inggeris yang membatasi kegiatan masyarakat Melayu dalam bidang pertanian, tetapi

⁶² A.C Milner, A Missionary Source for a Biography of Munshi Abdullah. JMBRAS. L111, pt.1, 1980, hal. 117.

⁶³ Abdul Majid Zainal Abidin, The Malay in Melayu by One of Them. Singapura: Malaya Publishing House, 1928, hal. 95 - 96.

⁶⁴ William R. Roff, The Wandering Thoughts of a Dving Man, t.t, hal 131.

⁶⁵ Anak Negeri, "Negeri-negeri Melayu Bukannya Crown Colony", dim. *Majalah Guru*, Jilid .vii, no.3, 1930, hal. 48 -49.

juga mendokong model pendidikan Inggeris yang membezakan sekolah atas dua jenis.⁶⁶ Kekaguman masyarakat Melayu terhadap keupayaan British bukan sahaja didokong oleh mereka yang berpendidikan Barat tetapi juga mereka yang berpendidikan agama. Misalnya Sayid Syekh al-Hadi dalam satu ketika amat ekstrem menentang kolonial tetapi dalam masa yang lain beliau amat membenci golongan aristokrat dan penguasa-penguasa agama dan ikut menyanjung tindakan Inggeris menundukkan golongan ini yang disebutnya golongan Fir'aun.⁶⁷ Dan memuji penjajahan Inggeris kerana telah memberi kebebasan serta membuka mata telinga orang-orang Melayu sehingga dapat melihat dunia yang luas.⁶⁸ Lebih jauh daripada itu Sayid Syekh al-Hadi melihat Bangsa Inggeris itu sebagai tentera Allah. Katanya:

*Bangsa Inggeris adalah tentera Tuhan Rabbul 'Alamin yang diperintahkanNya ke sini untuk mengeluarkan kita dari gelap gulita penjara kebodohan, kejahatan, dan kebengisan pemerintah-pemerintah bangsa kita sebelumnya. Kerana Inggeris adalah bangsa pandai yang menghormati aturan pemerintahan dan keamanan, serta memakmurkan dunia.*⁶⁹

Za'ba tokoh ilmuan Melayu juga terpengaruh dengan sikap dan identiti yang ditonjolkan oleh British. Za'ba mengkritik mereka yang bersikap anti-Inggeris seperti katanya:

Perkataan yang menyebut bahawa kita diperbudak bangsa lain tentu menyimpan perasaan dan benci dan tidak loyal kepada pemerintah kita... jangan sekali-kali disentuh bangsa pemerintah. Kekayaan dan kekuatan di atas kita kerana itu

⁶⁶ Anak Negeri. "Memandang ke Kiri ke Kanan". dlm *Majalah Guru*. Jld vii. No.9. Sept 1930. hal. 168.

⁶⁷ Sayid Syekh al-Hadi. Tafsir al-Qur'an Juz 'Amma. Jld 1. Pulau Pinang: Jelutung Press. t.t. hal. 43 - 44

⁶⁸ Ibrahim Abu Bakar. Islamic Modernism in Malaya the Life and Thought of Sayid Sveikh al-Hadi 1867 – 1934. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press. 1994. hal. 154 – 164

⁶⁹ Sayid Syekh al-Hadi. "Teguran dan Jawapan". dlm *al-Jkwan*. Nov 1926. hal. 26.

*semata-mata dapat menyemarakkan bara api yang ada di dalam hati setiap bangsa yang diperintah oleh bangsa asing. Dan tiada faedahnya.*⁷⁰

Kesan kolonial bukan sahaja telah mempengaruhi nilai pemikiran masyarakat Melayu tetapi juga telah mempengaruhi nilai perundangan Islam yang telah diamalkan di negara ini. Misalnya bekas ketua hakim Negara Tun Muhammad Sufian dan bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, beranggapan bahawa undang-undang Islam telah dipengaruhi oleh undang-undang Barat.⁷¹ Ada juga beranggapan undang-undang Islam sudah tidak sesuai dengan zaman⁷². Lebih ketara lagi ada di kalangan ahli undang-undang melihat undang-undang Islam kejam dan tidak boleh dilaksanakan. Kebanyakan hakim dan pegawai undang-undang di Malaysia lulus dan mahir dalam bidang undang-undang Inggeris, dan amat kurang pengtahuan mereka dalam undang-undang Islam. Bagi Abdul Kadir Audah, masalah ahli undang-undang inilah masalah yang paling rumit dan menyulitkan dalam pelaksanaan undang-undang Islam, kerana mereka bukan sahaja ramai tetapi mereka terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses penggubalan dan pelaksanaan undang-undang.⁷³ Mereka adalah golongan yang menguasai institusi kehakiman dan jabatan peguam negara, sudah tentu fokus dan jurus pemikiran mereka melihat undang-undang barat suatu yang sempurna dan undang-undang Islam suatu yang asing. Bagaimana mungkin mereka suka melihat undang-undang Inggeris diganti dengan undang-undang Islam yang belum pasti memperlihat sesuatu yang ada

⁷⁰ Za'ba, "Kemiskinan Orang Melayu", dlm, *Ikhwan*, 16 April 1927. Lihat juga ibid.

⁷¹ Lihat C A Nallio, Nazarutun Fi 'Alaqat al-Fiqh al-Islami bi al-Qanun al-Rumi, dlm Hal Li al-Qur'an al-Rumi Ta'thirun 'ala al-Fiqh al-Islami, (terj) Oleh Muhammad Hamid Abdullah, Dar al-Buhuth al-'Ilmiyah, 1973, hal. 7.

⁷² Lihat Tunku Abdul Rahman, op.cit., hal. 183. Lihat juga kenyataan Musa Hitam, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, ketika berucap di Singapura pada 1989. New Straits Times, Ogos, 1989, hal. 3.

⁷³ Abdul Kadir Audah, al-Islam Bayna Jahl Abnaihi Wa 'Ajzi 'Ulama'ihi Kaherah: Dar al-Thurath Publisher, 1977, hal. 40.

kebaikan.⁷⁴ Mereka lah sebenarnya yang menentukan undang-undang itu dapat dilaksanakan atau tidak. Bagi kerajaan (kuasa eksekutif), mereka hanya menentukan dasar dan untuk merealisasikan undang-undang Islam adalah terletak di atas keupayaan dan kehendak badan perundangan dan kehakiman.

Tun Muhammad Sufian, bukan sahaja menyatakan sikap ragunya terhadap undang-undang Islam, tetapi turut memperkecil dan mempertikai kemampuan, kesesuaian dan kebaikan undang-undang tersebut.⁷⁵ Menurut Ahmad Ibrahim para pengamal undang-undang bukan setakat tidak meyakini tetapi sanggup mencabar keutuhan dan kewibawaan undang-undang Islam, dengan menuduhnya tidak sesuai dengan zaman moden, malah mereka mencadangkan supaya undang-undang tersebut harus diketepikan dan diganti dengan undang-undang Inggeris.⁷⁶

Kesimpulannya, semasa menjajah negara Melayu-Muslim, Inggeris bukan sahaja menguasai sistem pendidikan tetapi juga bidang ekonomi, politik, dan budaya orang Melayu. Mereka telah berjaya menakluki alam pemikiran masyarakat Melayu sehingga ke akar umbi.⁷⁷

2.2.2 Kesan kepada Pentadbiran

Pada pertengahan abad 19, ekoran kegiatan perlombongan di Perak dan Selangor yang kurang stabil, dan untuk menjaga aliran kepentingan pembiagaan, British telah mengambil sikap untuk campur tangan di negeri-negeri Melayu⁷⁸. Pergaduhan pelombong-pelombong Cina dan pertikaian di kalangan pembesar Melayu tentang pengganti raja, telah dijadikan alasan untuk

⁷⁴ Mohd Salleh Abas, Mengenal Undang-undang Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hal. 3.

⁷⁵ Utusan Malaysia, 8 Nov 1979, hal. 1.

⁷⁶ Ahmad Ibrahim, Undang-undang Islam di Malaysia, op.cit., hal. 1.

⁷⁷ Nordin Selat, Kelas Menengah Pentadbir Melayu. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad, 1976, hal. 334 - 335.

menghalalkan keterlibatan langsung mereka dalam pentadbiran kerajaan Melayu.⁷⁹ Perjanjian Pangkor tahun 1874.⁸⁰ membolehkan mereka masuk campur dalam sistem pentadbiran di negeri-negeri Melayu selain negeri-negeri Selat yang telah lama mereka kuasai. Perjanjian itu menuntut negeri-negeri Melayu melantik seorang Residen yang bertanggungjawab menasihati Sultan dalam hal ehwal pentadbiran, kewangan dan keselamatan. Nasihat mereka mesti dikuatkuasakan dalam semua hal melainkan agama dan adat istiadat Melayu.⁸¹ British telah memperkenalkan sistem Residen ke negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang untuk menjaga kepentingan mereka di sana.

Dalam memperkuuh cengkamannya ke atas pentadbiran kerajaan Melayu, British telah menubuhkan sebuah Majlis Penasihat Negeri yang diketuai oleh Residen dan berfungsi sebagai badan penasihat pentadbiran negeri dan mengadakan penyelarasan pentadbiran bagi empat buah Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1895, di bawah satu pengawasan pentadbiran iaitu Residen Jeneral. Ia bertanggungjawab terhadap segala pengurusan dan pentadbiran kakitangan melainkan soal-soal agama dan adat istiadat Melayu.

Pada tahun 1909 British membentuk Majlis Persekutuan, dengan keanggotaannya daripada raja-raja Melayu, Residen Jeneral, keempat-empat Residen British dan empat orang tidak rasmi yang dilantik oleh Gabenor.⁸² Majlis Persekutuan berkuasa kepada empat buah negeri di bawah satu pemerintahan pusat, dan berkuasa meluluskan undang-undang untuk dikuatkuasakan di seluruh Persekutuan. Kerajaan negeri pula dibenarkan menubuhkan Majlis

⁷⁸ C. Northcote Parkinson, British International in Malaya 1867 – 1877. Singapore: t.t. 1960, hal. 62.

⁷⁹ Sir Frank Swettenham, British Malaya, London : Allen And Unwin, 1948, hal. 120.

⁸⁰ Robert Heussler, British Rule in Malaysia : The Malayan Civil Service and its Predecessors 1867 - 1942. England : Clio Press, 1981, hal. 12.

⁸¹ C Northcote Parkinson, Op.cit., hal. 132.

⁸² S W Jones, Public Administration In Malaya. London : L. T., 1953, hal. 19. Lihat juga R. S Milne, Op.cit., hal. 18.

Negeri dan berkuasa meluluskan undang-undang yang tidak boleh berlawanan dengan undang-undang yang telah diluluskan oleh Majlis Persekutuan.

British telah melebarkan pengaruhnya di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Negeri Johor telah menerima penasihat Inggeris dalam tahun 1914⁸³, diikuti oleh Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Isi kandungan perjanjian yang dilakukan oleh negeri-negeri ini hampir sama. Antara lain, negeri-negeri Melayu bersetuju menerima naungan kerajaan British dan kerajaan Inggeris pula bersetuju mengawal negeri-negeri itu daripada serangan luar. Setiap negeri akan menerima seorang pegawai Inggeris sebagai penasihat. Nasihat mereka mesti didengar dan diikuti kecuali yang berkenaan dengan agama dan adat istiadat Melayu. Kerajaan Inggeris menjamin bahawa keturunan raja akan tetap menjadi raja di negeri masing-masing. Sementara kemuliaan, kehormatan dan taraf mereka terpelihara. Raja-raja juga menerima pendapatan dan sara hidup yang tetap.

Kesimpulannya sebelum Perang Dunia Kedua, Tanah Melayu mempunyai beberapa corak pemerintahan yang berlainan iaitu; corak Persekutuan yang dianggotai oleh Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, corak pemerintahan tidak bersekutu yang dianggotai oleh Kedah, Perlis, Johor, Kelantan, dan Terengganu, dan corak tanah jajahan yang dianggotai oleh negeri Selat. Ketua pentadbir bagi ketiga-tiga sistem ini ialah Persuruhjaya Tinggi yang disandang oleh Gabenor negeri Selat dan ia bertanggungjawab kepada Kerajaan Inggeris di London. Pada tahun 1945, British mencadangkan penubuhan *Malayan Union*⁸⁴ iaitu satu sistem pemerintahan terpusat dengan menyatukan ketiga-tiga sistem yang telah diperkenalkan itu untuk memperkuuh cengkaman mereka di Malaya dan menafikan hak raja.

Masyarakat Melayu menentang keras penubuhan *Malayan Union*⁸⁴ kerana gagasan itu menjelaskan ketuanan orang Melayu; antaranya pertama, pemerintahan secara langsung daripada British. Kedua, raja-raja Melayu hilang kedudukannya. Ketiga, gagasan ini telah

⁸³ R S Milne, *ibid.*, hal. 19.

menghilangkan fungsi raja-raja Melayu dan mereka hanya bertanggungjawab mempengerusikan majlis orang-orang Melayu sahaja. Keempat, kewarganegaraan negara sama taraf antara orang Melayu, Cina dan India. Kelima, menambah kuasa mengundi di kalangan orang bukan Melayu dan keenam, menjelaskan keistimewaan orang-orang Melayu⁸⁵. Onn Jaafar, Presiden UMNO pertama ketika itu mengatakan:

*kita mestikekalkan negara ini menjadi negara orang Melayu, hak kerajaan mesti tersimpan kepada orang Melayu, di sekililing kita ada berbagai bahaya, tetapi kita yakin bahawa dengan bersatu kita akan berjaya dalam tujuan kita*⁸⁶.

Tentangan orang Melayu telah memaksa British membubarkan *Malayan Union* kerana ia bertentangan dengan cita-cata rasa orang-orang Melayu, dan menerima penubuhan *Persekutuan Tanah Melayu*. Konsep yang dicadangkan pada tahun 1948 itu masih mengekalkan kuasa penjajah, tetapi ia tidak menyentuh soal kuasa raja.⁸⁷

⁸⁵ M R Stenson, The Malayan Union and the Historian, dlm Journal of Southeast Asian History, Jild. x, No. 2, 1969, hal 247. Lihat juga R S Milne, Op.cit., hal. 34.

R S Milne, Ibid, hal. 32. Setiausaha Negara British ketika itu berkata “ Perlunya untuk memupuk semangat perpaduan dan kewarganegaraan yang sama rata yang akan membina perpaduan dan kebolehan negara dalam membina kerajaan sendiri di bawah Komenwel British. House of Commons Debates, Jild. 414, lanjur 255, 10 Okt 1945. Lihat juga Abdullah Arshad, Cara Pemerintahan Tanah Melayu 1957 – 1963, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978, hal. 28.

⁸⁶ Koleksi Ucapan 3, ucapan Dato Onn Jaafar selaku pengurus Kongres Melayu pada 1 Mei 1946, hal. 99. Lihat juga Ahmad Fauzi Basri dan kawan-kawan, Bumi di Pijak Milik Orang, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hal. 24.

⁸⁷ Lihat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur: 1948. Perenggan 19 d dan c, juga perenggan 5 dan perenggan 8. Lihat juga R S Milne, Ibid, hal 35 - 36.

2.2.3 Kesan kepada Politik Kaum Tanah Melayu

Dasar British telah membolehkan orang-orang Cina dan India masuk ke Tanah Melayu dan mewarnai corak politik dan ekonomi negara. Masyarakat Cina khususnya telah menguasai bidang perlombongan dan mencebur ke dalam pembiagaan bersama-sama dengan pelabur Eropah. Hampir seluruh pembangunan ekonomi di Tanah Melayu dijalankan oleh orang bukan Melayu terutama sekali orang Eropah dan Cina⁸⁸. Kaum Cina tinggal di kawasan-kawasan bandar terutama di kawasan pantai Barat dan Utara Semenanjung⁸⁹. Sementara kaum India yang dibawa masuk dari Selatan India iaitu masyarakat Tamil, tertumpu kepada sektor buruh di ladang-ladang getah.⁹⁰

Mulai awal abad 20, penduduk Tanah Melayu terdiri daripada tiga komponan bangsa yang berbeza dari aspek fahaman, pegangan agama, citarasa politik, keturunan dan bidang kerjaya. Kehadiran golongan pendatang ini telah merubah politik Tanah Melayu dan mencabar proses pembinaan sebuah negara bangsa. R. S Milne contohnya mengungkapkan bahawa untuk mencipta sebuah negara yang berkerajaan sendiri daripada kelompok masyarakat berbilang kaum yang dijajah adalah masalah yang paling rumit dan sukar⁹¹. Khususnya setiap kaum itu datang daripada tempat-tempat yang berbeza sudah pasti mempunyai sikap dan pandangan yang berbeza. Orang-orang Cina yang tebal dengan semangat kecinaan dan dipengaruhi oleh semangat Koumintang, di mana semangat ini berhasrat menjadikan Malaya

⁸⁸ R S Milne dan Diana K Mauzy, Ibid., hal 21. Lihat juga G C Allen dan A C Donithorne, Western Enterprise in Indonesia and Malaya, London : Allen and Unwin, 1957, hal. 42.

⁸⁹ Victor Purcell, The Chinese in Malaya, London: 1948. Lihat juga The Chinese in Morden Melayu, Singapore, University press, 1960, hal. 46.

⁹⁰ Kernal Singh Sandhu, Indians in Malaya Some Aspects of their Immigration and Settlement, Cambridge, 1969. Lihat juga T H Silcock dan Engku Aziz, Nationalism in malaya, dlm Asia Nasionalism and The West, William L Holland, ed. New Holland: 1953, hal. 273 - 274.

⁹¹ R S Milne, op.cit., hal 28

sebagai wilayahnya yang ke sembilan belas.⁹² Kaum India dengan semangat kelindiaannya yang tebal, sementara orang-orang Melayu dengan semangat nasionalisme Melayu yang melihat kaum lain sebagai satu ancaman yang mengugat kedudukan mereka terutamanya daripada aspek ekonomi.⁹³ Keadaan ini digunakan oleh British untuk memudahkan pihaknya meneruskan polisi penjajahan mereka di Tanah Melayu. Situasi ini membantu British mengekalkan kuasanya di Tanah Melayu.

Hubungan di antara tiga kaum terbesar di Malaysia telah lama berlaku. Sejak zaman kerajaan Melayu Melaka lagi telah terjalin hubungan dagang antara Melaka dengan negara China. Melaka pernah membayar ufti kepada kerajaan China untuk mendapatkan perlindungan daripada ancaman Siam. Hal yang sama juga berlaku dengan masyarakat India. Sebelum kedatangan Islam, penduduk negara ini menganut agama Hindu atau Budha di samping para pedagang India sering singgah di Tanah Melayu dalam dagangan rempah. Ada teori mengatakan kedatangan Islam ke alam Melayu juga daripada tanah besar India. Ini bermakna tamadun Melayu, China, dan India sudah bertembung beberapa lama⁹⁴.

Kewujudan semangat berpolitik di kalangan masyarakat Cina berkisar dalam tahun 50-an. Kebanyakan ahli masyarakat Cina yang datang ke Tanah Melayu adalah penduduk dari

⁹² Ong Poh Seng, The Koumintang in Malaya 1912 - 1941, dlm, Journal of Southeast Asian History, Jld. 11, No 1, 1961, hal. 15.

⁹³ Raden Seornarno, Malay Nationalism 1900 -1945, dlm Journal of Southeast Asia History, Jild 1, 1960, hal. 17. Lihat juga Gordon P Means, The Role of Islam in the Political Development of Malaysia, dlm Comprativ Politics, Jld 1, No 2, 1969, hal. 229. Lihat juga William R Roff, The Origins of Malay nationalism, New Haven, 1967, hal. 6 dan 7.

⁹⁴ Kesan-kesan sejarah tentang pengaruh Cina dan India di negara ini dapat dilihat daripada bentuk-bentuk seni bangunan lama seperti masjid, khususnya di Negeri Melaka. Satu tempat yang menunjukkan tiga budaya ini dapat berinteraksi dengan baik ialah di Kampung Keling. Di kawasan ini terdapat tiga buah rumah ibadat Islam, Cina dan India yang duduk berselbaran antara satu sama lain dan masih lagi berfungsi atau digunakan. Juga cara berpakaian dan nilai budaya masyarakat Melayu juga ada di antaranya dipengaruhi oleh masyarakat Cina dan India.

Mancau⁹⁵. Penghijrahan mereka sama ada dibawa oleh British sebagai buruh, atau mereka datang sendiri kerana perperangan yang berlaku di Tanah Besar China. Pada awalnya British beranggapan pendatang ini akan pulang ke China setelah tamat perperangan, tetapi anggapan itu meleset. Kebanyakan ahli masyarakat Cina memilih untuk terus tinggal di Tanah Melayu. Masyarakat Cina yang tinggal di sini selain mendapat pendidikan formal daripada dasar terbuka British turut juga mendapat pendidikan Cina. Mereka membawa guru-guru dan buku-buku rujukan daripada Tanah Besar untuk mendidik anak-anak mereka bagi mengekalkan identiti kecinaan mereka. Justeru itu dari tahun 1900 sehingga 1930, semangat atau keinginan masyarakat Cina tidak pernah luntur dan masih tebal dengan semangat kecinaan dan tidak melahirkan minat untuk terlibat dengan politik tempatan, melainkan segelintir kecil mereka yang dilahirkan di Tanah Melayu⁹⁶.

Masyarakat Cina mula menunjukkan minat kepada politik tempatan apabila Negara China jatuh ke tangan Komunis. Selepas Perang Dunia Kedua banyak orang Cina terlibat dengan pertubuhan *Malayan People's Anti Japanese Army* [MPAJA] dan *Malayan Race's Liberation Army* (MRLA) yang menentang kerajaan Jepun.⁹⁷ Parti politik masyarakat Cina pertama ditubuhkan pada tahun 1949. Yakni *Malayan Chinese Association* (MCA) yang berdasarkan kepada sentimen kaum Cina. Tujuan MCA ditubuhkan adalah untuk menggalakkan, melindungi, memajukan dan menjaga keselamatan politik, masyarakat, pendidikan, ekonomi, dan lain-lain kepentingan ahli, berdasarkan kepada keagungan dan kehendak perlombagaan, menghormati, membantu dan membahagikan masalah ahli

⁹⁵ Bruce Ross Larson, Issues in Contemporary Malaysia, Kuala Lumpur: Heinemann Education Books, 1977, hal. 30. Antara etnik yang datang ialah Hokien, Kwongfu (Cantoness), Hakka (Khek), Tiuchiui, Hailam dan Hak Cheiw.

⁹⁶ Wan Hasim Wan Teh, Race Relation in Malaysia, Kuala Lumpur: Heinemann Education Books, 1983, hal. 30.

⁹⁷ Kerana itu masyarakat Cina sering berulang-alik ke Tanah Besar Cina. Lihat Heng Pek Koon, Chinese Politics in Malaysia : A History of the Malaysian Chinese Association, Singapura: Oxford University Press, 1988, hal. 2. Lihat juga James P Ongkili, Op.cit, hal. 17

keseluruhan secara efaktif. Memelihara dan mempertahankan penggunaan dan pembelajaran bahasa Cina.⁹⁸

MCA digerakkan oleh mereka yang mendapat pelajaran Inggeris dan golongan peniaga⁹⁹, para pelombong timah, pemilik ladang getah dan orang-orang Cina yang berpelajaran yang kebanyakannya lahir di Tanah Melayu¹⁰⁰. Penubuhan MCA adalah hasil dorongan daripada British untuk melihat kaum-kaum lain berfungsi dan terlibat sama dalam Malaya yang merdeka dan untuk mengimbangi pengaruh komunis di kalangan orang Cina. Untuk menjaga kepentingan orang Cina, MCA mengambil pendekatan mengadakan persefakan dengan orang-orang Melayu dalam UMNO.

Parti politik kaum Cina lahir atas dasar semangat kebangsaan Cina yang sukar dihapuskan. Sikap ini akan mempengaruhi sistem politik Tanah Melayu dan memberi kesan kepada cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Sentimen yang sama juga wujud di kalangan orang-orang India. Masyarakat India datang ke Tanah Melayu di bawah satu sistem perjanjian bertulis buruh dengan had tempoh kedatangannya selama lima tahun. Antara tahun 1910 sehingga 1938, pekerja India dikendalikan oleh satu sistem yang dipanggil Kangani. Sistem ini bertanggungjawab merekrut dan menjadi penyelaras pekerja-pekerja India yang ada di ladang-ladang. Selepas tahun 1938, masyarakat India datang ke Tanah Melayu atas kehendak mereka sendiri. Majoriti yang datang terdiri daripada mereka yang miskin, dan tidak mempunyai kemahiran.¹⁰¹

⁹⁸ Constitution of the Malaysian Chinese Association, 12 Nov 1963, hal. 2- 3. Tujuan perlembagaan ini adalah diambil daripada Perlembagaan asal 12 Jun 1949.

⁹⁹ Heng Pek Koon,op.cit., hal. 3.

¹⁰⁰ Horld Crouch, op.cit., hal. 44.

¹⁰¹ Antara kelompok etnik yang datang ke Tanah Melayu ialah Tamil, Telagu, Malayati dan Shik. Oleh kerana golongan ini kurang kemahiran pada awal tahun 50an golongan ini banyak bergantung kepada parti-parti yang ada iaitu *Independence of Malaya Party*. Lihat Bruce Rose Larson, Op.cit., hal. 40 - 43

Pada peringkat awal masyarakat India tidak begitu terlibat dalam kegiatan politik Tanah Melayu. Antara sebab berlaku demikian ialah kerana masyarakat India terdiri dari kalangan masyarakat golongan bawahan yang belum mempunyai kesedaran yang mendalam dalam gerakan politik. Dasar kolonial juga tidak mahu melihat orang-orang India terlibat secara aktif dalam mana-mana organisasi politik kerana mereka datang untuk bertugas di ladang-ladang getah dan pekerja-pekerja am kereta api dan kedatangan mereka di Tanah Melayu berdasarkan perjanjian Buruh dengan kerajaan India. British lebih suka mereka mengendalikan urusan membangunkan ekonomi masyarakat mereka daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan politik yang boleh menggugat kestabilan ekonomi British. Di samping itu dasar penjajah tidak mahu orang-orang India tinggal kekal di Malaysia¹⁰².

Kegiatan politik masyarakat India bermula pertengahan abad ke - 20, iaitu dekad 1930-an dan 1940-an. Pemikiran politik masyarakat India juga banyak dipengaruhi oleh kegiatan politik di India, terutama di bawah pimpinan Nehru, yang pernah melawat Singapura 1937, kemudian menubuhkan *Central Indian Association of Malaya* (CIAM) di bawah pimpinan Subhas Chandra Bose.¹⁰³ Pada tahun 1946 *Malayan Indian's Congress* (MIC) ditubuhkan dengan tujuan untuk ikut terlibat bersama-sama dengan orang Melayu dan Cina dalam proses kemerdekaan. MIC bergabung dengan UMNO dan MCA di bawah Perikatan pada 1953 selepas pilihan raya umum *Majlis Bandaran Kuala Lumpur*.

Berdasarkan latarbelakang politik kaum-kaum di Tanah Melayu, dapat dibuat kesimpulan bahawa kewujudan parti-parti politik di Tanah Melayu sejak awal sehingga merdeka berdasarkan kepada kepentingan kaum. Justeru itu landasan pemikiran dan falsafah

¹⁰² Orang-orang India seperti barang dagangan. Mereka akan diambil apabila diperlukan dan akan dihantar pulang sekiranya mereka tidak dikehendaki. Banyak orang India di import ke Tanah Melayu jika permintaan ekonomi meningkat dan dieksport semula ke India apabila perkhidmatan mereka tidak diperlukan atau permintaan ekonomi berkurangan. Lihat R S Milne, *Op.cit.*, hal. 24.

¹⁰³ James P Ongkili, *Op.Cit.*, hal 18., Lihat juga Arasaratnam S. Indians in Malaysia and Singapura. Oxford Universiti press kuala Lumpur: 1970, hal. 96 - 111. Lihat juga Industrial Conflict in Malaya. London: oxford university, 1970, hal. 25 - 33.

perjuangan parti berdasarkan kepada perkauman, ini memberi kesan kepada cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.¹⁰⁴

Gerakan menuntut kemerdekaan telah merubah corak politik Malaya. Pada 27hb September 1956, ketiga-tiga parti perkauman tadi telah menghantar memorandum bersama menuntut kerajaan sendiri.¹⁰⁵ Parti kaum yang tidak sehaluan pada peringkat awal dapat bersatu mewujudkan pemerintahan negara.¹⁰⁶ Gabungan antara kaum telah mewarnai politik Malaysia sehingga kini. Sikap toleransi, perbincangan, kerjasama dan pemuaafakatan dijadikan teras dalam sistem pemerintahan.

Sikap pemuaafakatan ini dapat dilihat melalui pilihan raya pertama Majlis Bandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952. UMNO iaitu parti politik yang ditubuhkan oleh orang Melayu dan MCA parti yang diasaskan oleh kaum Cina telah membentuk satu ikatan kerjasama untuk menentang parti IMP (Parti Malaya Merdeka) di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar. Gabungan UMNO dan MCA memenangi 9 daripada 12 kerusi yang dipertandingkan. Ini bermakna pemuaafakatan antara kaum mula mengambil bentuk politik Malaya. Corak politik kesepakatan terus dipertahankan dengan wujudnya Perikatan pada tahun 1953 gabungan antara parti-parti UMNO, MCA dan MIC.¹⁰⁷ Dasar pemuaafakatan ini telah diuji ketahanannya melalui pilihan raya umum

¹⁰⁴ Horold Crouch, op.cit., hal 12 - 15.

¹⁰⁵ Zainal Abidin Wahid, Merdeka, dalam Glimpses of Malaysia History. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, hal. 150

¹⁰⁶ Kata Lloyd "Ethnic divisions on the peninsula, where there is nearly equal balance between indigents (malay) and Non- indigenous (Chinese and Indians) are much more slient. This situation has both stabilizing and destabilizing effects. Tension is produced by the claims that flow naturally from each group. It has been in the interest of the Malays to assert their claim to special treatment as natives, and the interest of the Chinese and Indians to assert that all Malaysians must be treated alike". Lloyd D Musolf and J Frederick Springer, Malaysia's Parliamentary System : Representative Politics and Policy Making in a Divided Society. England : Westview press, 1979, hal. 21.

¹⁰⁷ H Miller, Prince and Premier London : Harrap, 1959, hal. 1147 - 161. Lihat juga R S Milne, op.cit. hal 34 - 42

Persekutuan yang pertama tahun 1955¹⁰⁸, apabila Perikatan berjaya memenangi 51 dan pada 52 yang dipertandingkan, dan YM Tunku Abdul Rahman Presiden UMNO telah dilantik menjadi Ketua Menteri pertama Persekutuan Tanah Melayu. Dalam ucapan sulungnya, Tunku menekankan soal kerjasama, pemuaafakan dan toleransi antara kaum sebagai fokus dan penentu kepada politik Malaya Merdeka. Katanya :

The result of new urge that has found expression in the people... the urge for freedom... we are truly the party of the people. We are fully conscious of our obligations and responsibilities.... we shall need all the... co-operation ...¹⁰⁹.

Sikap toleransi Tunku sekali lagi diperlihatkan Tunku dengan menyatakan:

Saya telah memanggil mesyuarat mereka yang pro kepada Perikatan ini, UMNO dan MCA telah mengadakan mesyuarat meja bulat, buat kali pertama saya yang dipilih menjadi pengurus, selepas tiga bulan itu ketua MCA pula mempengerusikan mesyuarat iaitu Datuk Tan Cheng Lock.¹¹⁰

Kenyataan Tunku ini memperlihat ketinggian sikap toleransi di kalangan pemimpin parti politik kerajaan untuk membentuk kerajaan sendiri dan membina masyarakat pelbagai kaum yang progresif.¹¹¹ Malaysia merdeka pada tahun 1957 bukanlah usaha yang dilakukan oleh orang

¹⁰⁸ Karl Von Vorys, Democracy without Consensus, Communalism and Political Stability in Malaysia. Princon : 1975, hal. 113 - 120. Pendapat yang sama juga boleh didapati dlm Goh Cheng Teik, Racial Politics In Malaysia, Op.cit., hal 17. Lihat juga R Emerson, From Empire to Nation: The Rise to Self Assertion of Asian and African Peoples. Cambridge : Harvard Universiti Press, 1960, hal 278.

¹⁰⁹ Tunku Abdul Rahman, ibid. hal. 57.

¹¹⁰ Ibid. hal. 51.

¹¹¹ Ibid, hal. 52. Lihat juga Judith Strauch, Chinese Village Politics in the Malaysian State London: Harvard University Press, 1981 hal. 24. Katanya "Over the Chinese Party in the "partnership" in the federal Government. Lihat juga Nancy L S Nider, Malaysian Non Communal Political Parties, ed by John A Lent, Culture Pluralism in Malaysia: Policy, Military, Mass Media, Education, Religion and Social Class. Chicago : Illinois University Press, 1977, hal. 1.

Melayu sahaja, tetapi juga oleh sokongan kaum lain. Ini bermakna pengagihan kuasa antara kaum perlu dilakukan untuk menjamin kestabilan kerajaan. Corak politik begini telah diterima sebagai satu hakikat oleh Perikatan yang mendapat sokongan pengundi. Kerajaan yang dipimpin dan ditadbir oleh pelbagai kaum tetapi didominasi oleh orang Melayu.

Corak politik perundingan menjadi teras senario kerajaan Malaysia berterusan hingga kini.¹¹² Kenyataan ini dapat dilihat apabila tertubuhnya Malaysia 1963 dan terbentuknya Barisan Nasional (*National Front*) pada 1974 antara beberapa parti-parti politik yang ada di Malaysia.¹¹³ Penubuhan Barisan Nasional bertujuan untuk membangunkan negara bersama tanpa mengira kedudukan bangsa dan pegangan agama.¹¹⁴ Mahathir Mohamad mengungkapkan apa yang berlaku di Malaysia adalah satu pengalaman yang besar dan sebagai guru. Katanya ;

*Experience is the best teacher. Thirty seven years of experience should have taught the Alliance/National Front party a whole lot of things about Government, the administration and the policies that government should follow at least in Malaysia, a multi-racial country where the races do not share the wealth equitably.*¹¹⁵

Rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 mencabar pemimpin parti-parti politik sama ada mereka dapat mengawal pengikut masing-masing dan menebus gerakan dan meneruskan semangat pemuaafakan dan tolak ansur dalam berpolitik, atau mewujudkan politik berpuak di kalangan masyarakat. Kemasuhan negara akan terjadi kalau sentimen perkauman terus diperbesarkan.¹¹⁶

¹¹² Mahathir Mohamad, The Malaysian System of Government, Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri, 1995.

¹¹³ Antara parti politik yang menganggotai Barisan Nasional pada ketika itu ialah UMNO, MCA, MIC, PAS, PPP, SUPP, Parti Pusaka Bumiputera, dan GERAKAN.

¹¹⁴ Lihat James P Ongkili, Nation - Building in Malaysia 1946 – 1974, New York: Oxford University Press, 1985, hal. 162 - 171.

¹¹⁵ Mahathir Mohammad, op.cit., hal. 15.

2.2.4 Kesan kepada Sistem Pemerintahan

Pemerintahan Malaysia berdasarkan sistem demokrasi berperlimen¹¹⁷. Sistem ini telah diperkenalkan oleh British sebelum dan selepas Malaya mencapai kemerdekaan. Sistem ini telah diterima pakai oleh kerajaan Malaysia ketika hendak merdeka, kerana tidak ada pilihan lain melainkan menerima apa yang telah diperkenalkan itu, sebab Malaysia belum mempunyai pengalaman pentadbiran sebagai sebuah negara moden. Sistem ini banyak bergantung kepada rakyat untuk mendapatkan suara majoriti. Kuasa rakyat menjadi teras kepada kepimpinan negara. Rakyat dalam pilihan raya berhak membuat keputusan memilih siapa yang mereka kehendaki memimpin negara; yang boleh memenuhi kehendak dan keperluan mereka.

Kerajaan Malaysia dibentuk melalui pilihan raya yang mesti diadakan sekurang-kurangnya lima tahun sekali¹¹⁸. Sejak merdeka sehingga 1999, Malaysia telah mengadakan pilihan raya sepuluh kali¹¹⁹. Untuk membentuk sebuah kerajaan, parti yang bertanding dalam

¹¹⁶ Lloyd D Musoff and J Frederick Springe, Malaysian's Parliamentary System : Representative Politics and Policy-Making in Divided Society. United State : Westview Press, 1979, hal. 3.

¹¹⁷ Mahathir Mohamad, mengulas begini: "Apabila Malaysia merdeka pada tahun 1957, sistem yang dipilih ialah demokrasi berperlimen dan raja berpelembagaan". The Malaysian Sistem Government, op.cit., hal. 1. Walau bagaimanapun ada pendapat mengatakan sistem yang diamalkan di Malaysia berasaskan kepada sistem campuran antara demokrasi dan autokrasi. Lihat Horold Crouch, op.cit., hal. 4 - 5. Sementara penafsiran demokrasi dalam Perlembagaan Persekutuan disebut dalam perkara 44 mengertikan demokrasi berperlimen ialah; adanya pilihanraya yang bebas dan adil. Perkara 119 memberi hak kepada rakyat untuk memilih orang yang akan memerintah. Menurut Perkara 44 wakil mereka akan memerintah dan mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang. Kerajaan mempunyai kuasa Eksekutif untuk mengenakan cukai disebut dalam Perkara 96. Kerajaan berkuasa menyekat perbelanjaan awam disebut dalam perkara 99. Wakil yang dilantik daripada parti majoriti yang dipilih keperlimen dalam pilihan raya dan mereka dilantik oleh raja Menurut Perkara 43 (3). Mereka hendaklah meletak jawatan sekiranya mendapat undi tidak percaya dalam perlimen. (perkara 43 (3).

¹¹⁸ Mohd Salleh Abbas, Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hal. 159 - 207.

¹¹⁹ Tahun-tahun yang telah diadakan pilihanraya sejak merdeka ialah 1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1990, 1995 dan 1999. Pilihanraya di Malaysia diadakantidak lebih daripada lima tahun sekali, dan berlaku dalam dua peringkat iaitu pilihanraya dewan undangan negeri dan pilihanraya Federal. Lihat A Rashid Rahman, Perjalanan Pilihanraya Malaysia. Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1994.

pilihan raya umum mestilah memenangi majoriti kerusi yang dipertandingkan. Ketua pentadbiran bagi kerajaan adalah Perdana Menteri dan dibantu menteri-menteri kabinet. Perdana Menteri dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong berasaskan kepada keputusan pilihan raya.¹²⁰ Yang di-Pertuan Agong akan melantik ahli Jemaah Menteri atas nasihat Perdana Menteri. Jemaah Menteri yang dilantik bertanggungjawab secara kolektif menentukan dasar negara melalui keputusan mesyuarat kabinet yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.¹²¹

Walaupun kuasa tertinggi di bawah Yang di-Pertuan Agong, tetapi kuasa pentadbiran diperturunkan kepada Perdana Menteri sebagai ketua eksekutif kerajaan. Pemerintahan Malaysia dikendalikan oleh tiga badan yang mempunyai bidang kuasa masing-masing iaitu Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman. Badan Perundangan bertanggungjawab menggubal undang-undang¹²². Badan Eksekutif diketuai oleh Perdana Menteri bertanggungjawab tentang pentadbiran negara¹²³. Dan Badan Kehakiman bertanggungjawab dalam urusan kehakiman, badan ini pada teorinya bebas dari apda kawalan badan perundangan dan Kuasa Eksekutif¹²⁴. Dari segi Perlembagaan, ketiga-tiga badan kerajaan ini berasingan dan masing-masing sama taraf dan tidak ada satu badan yang lebih utama dan boleh mempengaruhi antara satu sama lain. Walau bagaimanapun ketiga-tiga badan

¹²⁰ Dalam membuat keputusan, Yang di-Pertuan Agong mestilah melantik Perdana Menteri berdasarkan kepada kedudukan suasana sebenar parti-parti politik yang berstanding, dan kecenderungan rakyat supaya tidak berlaku kekecohkan kaum.

¹²¹ Lihat A Rashid Rahman, *op.cit.*, hal. 13 - 14. Banyak parti yang bertanding dalam pilihan raya di Malaysia sejak merdeka sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Tidak kurang 30 parti politik yang telah daftar untuk bertanding. Ada di antara parti politik itu telah dibubarkan dan ada yang masih kekal.

¹²² Perkara-perkara yang menyentuh soal ini ialah Perkara 66, Perkara 74 senarai pertama dan tiga dalam Jadual Sembilan, Perkara 74 Senarai Dua Jadual 9, Perkara 159 (3) dan Perkara 128.

¹²³ Lihat Perkara 43 (3) dan 44.

¹²⁴ Perkara 4 (10).

tersebut saling kait mengait antara satu sama lain, dan boleh mempengaruhi pencapaian sesuatu cita-cita politik.

Berdasarkan sistem demokrasi, kerajaan Malaysia dibangun hasil daripada gabungan parti-parti yang mewakili kaum-kaum yang penting di Malaysia. Tidak kurang 13 parti politik yang bergabung di bawah Barisan Nasional. Walaupun setiap parti mempunyai dasar, ideologi, falsafah dan gagasannya tersendiri yang mungkin bertentangan antara satu sama lain, tetapi dapat dipertemukan dalam satu gagasan idea dan komitmen bersama atas dasar kerjasama. Dasar ini telah menjadi teras dalam mencapai dan memenuhi cita-cita politik kaum masing-masing. Mahathir Mohamad menyebut;

*The only word to describe the political philosophy of the National Front is 'pragmatism'. There are always prepare and willing to narrow the differing elements to the current ideologies which in their estimation can help them and the nation they rule*¹²⁵.

Malaysia adalah negara federal iaitu satu sistem yang mempunyai kuasa terpusat dan dianggotai oleh banyak wilayah. Sistem ini mempunyai undang-undang, peraturan, arahan dan pentadbiran bersama. Pemusatan kuasa ini dilakukan bertujuan untuk memberi keyakinan, kecekapan dan kelancaran pentadbiran. Walau bagaimanapun negeri-negeri mempunyai kuasa dan kerajaan sendiri. Wilayah yang bergabung di bawah kerajaan pusat bukanlah satu sistem 'subordinate' bagi kerajaan pusat tetapi adalah sebagai 'partner' atau rakan kongsi. Sistem ini adalah struktur yang telah dibentuk sejak Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan. Dari aspek kuasa, kerajaan pusat menguasai seluruh pembangunan negara atau wilayah, dan kerajaan negeri terbatas kepada wilayah yang mereka kuasai dari aspek sosial dan kegiatan politik. Untuk membentuk kerajaan negeri wakilnya dipilih melalui pilihan raya yang dilakukan sekurang-

¹²⁵ Mahathir Mohamad, op cit., hal. 13

kurang lima tahun sekali oleh penduduk di kawasan yang di bawah tadbir mereka. Kerajaan negeri mempunyai kuasa perundangan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.¹²⁶

Sepanjang 42 tahun merdeka, Malaysia terus menerus mengadakan pilihan raya dari masa ke masa. Kerajaan sentiasa dapat dibentuk walaupun dengan keupayaan 'simple majority'. Misalnya pada tahun 1969 Parlimen terpaksa digantung buat sementara, dan negara pada masa itu di bawah kawalan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)¹²⁷.

Dari tahun 1955 hingga 1969 Malaysia ditadbir oleh kerajaan campuran Parti Perikatan iaitu UMNO, MCA dan MIC. Pada tahun 1974 sehingga pilihan raya 1995, Perikatan telah diperluaskan kepada Barisan Nasional iaitu gabungan parti-parti yang mewakili semua kaum di Malaysia.¹²⁸ Selama 40 tahun kerajaan campuran dapat dipertahankan, iaitu satu jangka masa yang panjang bagi kekuasaan sebuah parti politik yang mengamalkan sistem demokrasi. Apakah yang menjadi punca kejayaan Barisan Nasional dapat bertahan begitu lama, malah semakin kukuh masa ke masa kalau diukur daripada pencapaian dalam pilihan raya.

Antara faktor yang menjadi tonggak kesinambungan pemerintahan itu ialah pembentukan satu barisan kepimpinan negara yang mempunyai aspirasi yang sama terutama dari aspek ideologi, falsafah perjuangan dan kehendak politik. Perikatan ditubuhkan untuk menyatukan tenaga, fikiran dan suara rakyat dalam satu usaha mencapai kemerdekaan dan

¹²⁶ Lihat Perlembagaan Persekutuan Jadual 9.. senarai bagi Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

¹²⁷ Selain Tun Abdul Razak sebagai pengurus, MAGERAN dianggotai oleh Tun (Dr) Ismail Menteri Dalam Negeri, Dato Hamzah Abu Samah Menteri Penerangan, Tun Tan Siew Sin, Tun Sambanthan, sementara Pegawai Awam Abdul Kadir Shamsudin Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ghazali Shafe'e Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negara, Tengku Othman Jiwa Ketua Turus Angkatan Tentera. Tan Sri Mohamad Salleh Ketua Polis Negara dan Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail menjadi Ketua Eksekutif.

¹²⁸ Istilah Barisan Nasional mula diungkapkan oleh Tun Abdul Razak semasa berucap melalui radio smpena sambutan hari kemerdekaan 30 ogos 1972. R S Milne, op.cit. hal. 217.

membangunkan negara. Atas kehendak itu, manifesto parti Perikatan dalam pilihan raya pertama 1955 berkisar kepada isu kemerdekaan, sesuai dengan kehehdak negara ketika itu¹²⁹

Selain isu kemerdekaan, Perikatan juga membawa isu keharmonian kaum. Oleh kerana semua parti yang wujud pada ketika itu berdasarkan kepada kaum, kebanyakannya intipati perjuangan mereka adalah untuk mempertahankan hak kepentingan kaum masing-masing. Ini dapat dilihat daripada isu-isu yang mereka perkatakan semasa kempen pilihan raya dan manifesto parti yang disebarluaskan kepada masyarakat. Misalnya dalam pilihan raya tahun 1957, PPP (*People's Progressive Party*) menyeru supaya hak istimewa yang sama antara kaum dan menghapuskan hak istimewa orang Melayu¹³⁰. Mereka juga memperjuangkan untuk menjadikan bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa rasmi bersama dan membenarkan bahasa ibunda digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah Cina atau Tamil. Sementara Parti Islam SeMalaysia (PAS) berkempen memperjuangkan untuk memperketat undang-undang imigresen, menghadkan jawatan Menteri Besar, menteri, Yang di-Pertuan Negeri, Ketua Turus Angkatan Tentera kepada orang Melayu/Islam.¹³¹ Isu kaum menjadi teras aliran pemikiran parti-parti politik yang bertanding dalam Pilihan raya. Mahathir Mohamad mengulas begini:

*menyedari bahawa pembangkang Melayu dan Cina semangkin mendapat sokongan melalui daya perkauman, calon-calon Perikatan juga menggunakan politik perkauman dalam kempen mereka menjelang akhir masa berkempen. Akibatnya sungguh bahaya, tiada perasaan bertanggungjawab sebaliknya ia diganti dengan lesen yang tidak terhad untuk membangkitkan sentimen kaum atas nama demokrasi*¹³².

¹²⁹ R S Milne, *ibid.* hal. 176. Lihat juga Means, *Malaysian Politics*, op.cit., hal. 164.

¹³⁰ *Ibid.* hal. 155.

¹³¹ R S Milne, *ibid.* hal. 183. Beliau mencatatkan sebagai bukti UMNO menjual negara kepada orang Cina. PAS menyatakan bahawa orang Cina telah menandatangani wang kertas yang baru diterbitkan (ditandatangani oleh Menteri Kewangan ketika itu). Lihat Manifesto PAS Pilihan raya 1957.

¹³² Mahathir Mohamad, *Problem of Democratic Nation-Building in Malaysia*, *Solidarity*, Jld. vi, vol 10, 1971, hal. 14. Lihat juga Martin Rudner, *The Malaysian General Election of 1969: A Political Analysis* "Modern Asian Studies", Jld. 1, No. 4, 1970, hal. 1 - 21.

Sifat perkauman bukan hanya berlaku dalam parti-parti pembangkang tetapi juga dalam parti pemerintah. Sentimen perkauman hanya dapat dibendung atau dikurangkan dengan adanya kerjasama, perundingan, pemuaafakan dan tolak ansur antara kaum demi kepentingan bersama. Umpamanya dalam aspek pembahagian kerusi untuk parti-parti komponen dalam perikatan. Dalam pilihan raya 1955 walaupun jumlah pengundi Melayu 84 peratus, 11 peratus Cina dan India 5 peratus dan tuntutan dalam perhimpunan agung UMNO 1955 supaya calon UMNO diperuntukkan 90 kerusi, namun masalah pengagihan kerusi itu dapat diselesaikan, dengan memberikan 35 untuk UMNO, 15 kepada MCA dan 2 untuk MIC¹³³. Hal yang sama juga berlaku dalam pilihan raya tahun 1959 apabila masalah pengagihan 104 kerusi yang dipertandingkan. Jumlah kerusi yang diperuntukkan ialah UMNO 70, MCA 31 dan MIC 3 iaitu bergantung kepada pecahan pengundi mengikut kaum. Dari aspek itu yang diperjuangkan juga sudah berubah, sebab jumlah penduduk Cina telah bertambah¹³⁴. Namun pembangkang tetap membawa isu perkauman sebagai isu yang 'strategik' dan armat berkesan¹³⁵.

Pilihan raya 1964 pula membawa isu mempertahanan negara daripada ancaman luar akibat berlakunya konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia. Walaupun pada awalnya isu penubuhan Malaysia menjadi topik yang popular tetapi telah ditenggelamkan oleh isu konfrantasi itu. Misalnya parti *United Democratic People* (UDP) dan PPP yang dulunya menentang penubuhan Malaysia, tetapi dengan isu konfrantasi, kedua-duanya telah menyokong usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk menentang tindakan provokasi Indonesia itu, PAS dan DAP tetap mengetengahkan isu perkauman.¹³⁶

¹³³ Francis G Carnell, The Malayan Election, *Pacific Affairs*, Jld. xxviii, No. 4, 1955, hal. 316. Lihat juga K. J Ratnam dan R S Milne, The Malayan Parliamentary Election of 1964, Singapore: Oxford University Press, 1967, hal. 186. Lihat juga R S Milne, op.cit., hal. 178.

¹³⁴ Peratusan pengundi pada tahun 1968 ialah 56.8 Melayu, 35.6 Cina dan 7.4 India. Lihat Means, Malaysian Politics, op.cit., hal. 252. Lihat juga R S Milne, ibid., hal. 179.

¹³⁵ R S Milne, ibid., hal. 183.

Selepas pilihan raya 1969, penyatuan beberapa lagi parti perkauman diusahakan dalam gagasan perpaduan Barisan Nasional. Peristiwa 13 Mei 1969 menjadi titik hitam hubungan kaum di Malaysia.¹³⁷ Terjadinya peristiwa ini bertitik tolak daripada isu-isu yang diketengahkan oleh pembangkang dan kerajaan berkisar dengan isu perkauman. Umpamanya PAS menyeru untuk memulihkan keunggulan politik Melayu, DAP mengutarakan konsep Malaysia untuk rakyat Malaysia (*Malaysian Malaysia*), PPP dengan kesamarataan politik dan *penghapusan hak istimewa orang Melayu*. Parti Rakyat (PR) berkempen untuk menamatkan sistem neokolonial dan feudalisme baru. Sementara Gerakan mengemukakan 30 agenda iaitu menyekat Perikatan daripada mendapat undi kelebihan suara dua pertiga dalam Parlimen dan mengecam Perikatan kerana berlakunya rasuah dan penyelewengan dalam kerajaan¹³⁸. Implikasi daripada isu ini keputusan Pilihan raya 1969 memperlihat Perikatan gagal mendapat majoriti dua pertiga di Parlimen. Daripada 103 kerusi parlimen yang dipertandingkan, Perikatan mendapat 66 kerusi iaitu UMNO menang 51 daripada 67 dipertandingkan, MCA menang 13 daripada 33 dan MIC menang 2 daripada 3¹³⁹. Pembangkang memenangi 47 kerusi.

Berikutnya rusuhan kaum 13 Mei 1969, kerajaan telah menitikberatkan soal perpaduan kaum sebagai teras cita-cita politik negara, dan unsur-unsur kesamaran dalam hubungan politik antara kaum cuba dihapuskan¹⁴⁰. Untuk merealisasikan cita-cita perpaduan, *Majlis Perundingan*

¹³⁶ Perikatan dapat memperbaiki prestasinya memenangi 89 kerusi daripada 104 kerusi yang dipertandingkan dengan memperoleh 58.3 peratus undi. Dengan bertambahnya kerusi pilihan raya dari Singapura, Sabah dan Sarawak majoriti Perikatan dalam pilihanraya bertambah menjadi 123 daripada 159 kerusi. Lihat Means, *op.cit.*, hal. 338.

¹³⁷ Lihat Snider, Communalism and the Breakdown of Malayan Parliament ary Democracy, *Asian Survey*, Jld. viii, No. 12, 1968, hal. 265- 266. Lihat juga R S Milne, *op.cit.*, hal. 187.

¹³⁸ Karl Von Vorys, Democracy without Consensus, Communalism and Political Stability in Malaysia, Princeton, 1975, hal. 265 - 272.

¹³⁹ Sementara Parti Pembangkang PAS mendapat 12 daripada 59 kerusi, PPP 4 daripada 6, Gerakan 8 daripada 14 dan DAP 13 daripada 24.

Negara (MAPEN) telah ditubuhkan. Sebagai badan perunding, MAPEN telah menyusun strategi perpaduan kaum. Antaranya ialah menubuhkan kerajaan campuran iaitu pada tahun 1970 an kerajaan campuran antara Perikatan dengan SUPP Sarawak¹⁴¹, Kerajaan campuran Perikatan dengan Gerakan di Pulau Pinang¹⁴², kerajaan campuran antara Perikatan dengan PPP di Perak pada 1 Mei 1972¹⁴³ dan Kerajaan campuran Perikatan - PAS di Kelantan pada 1 Jan 1973¹⁴⁴. Kerajaan Barisan Nasional dibentuk pada 1974¹⁴⁵. Selain menangani isu perkauman, MAPEN bertanggungjawab menjaga ketidakstabilan negara dan mempertahan kedudukan parti pemerintah.¹⁴⁶

Penubuhan Barisan Nasional sedikit sebanyak telah mengurangkan ketegangan politik perkauman. Guna tenaga yang banyak dihabiskan untuk politik berpuak telah dapat digembleng untuk membangunkan negara. Tun Razak Hussein orang yang bertanggungjawab dalam penggabungan tersebut menyatakan:

¹⁴⁰ Ghazali Shafe'e menulis "Politik negara telah dan harus kekal pada masa akan datang sebagai politik berdasarkan kaum, ia harus berdasarkan kaum yang bukan meyakini tolak ansur yang tidak benar, tetapi menyakini kerjasama dengan kaum, dim Negara Forum Pembangunan, Jld.11, No.2, Dis 1969, hal. 5 - 6, lihat juga R S Milne, Op.cit., hal. 204.

¹⁴¹ R S Milne, Op.cit., hal. 204 - 206.

¹⁴² Straits Times (Malaysia), 7 dan 8 Dis 1970. Lihat juga R S Milne, ibid. hal. 207 - 210, Straits Times (Malaysia), 14 dan 17 Feb 1972 dan 4 Mac 1972, dan The Star, 12 Mac 1972.

¹⁴³ R S Milne, ibid. hal. 210 - 212. Lihat juga M G G Pillai, "Redrawing the Battle Lines", Far Eastern Economic Review, 26 Ogos 1972, hal. 9. Straits Times (Malaysia), 17 April 1972, dan Straits Echo, 19 April dan Sept 1972.

¹⁴⁴ Straits Times (Malaysia), 22 dan 23 Dis 1972. Jawatankuasa PAS pusat telah bermesyuarat dan membuat pengundian dengan 190 menyokong, 94 menentang dan 19 berkecuali. Lihat berita PAS No 1 Jan 1973, hal. 1 - 7, dan No 4 / 5 April 1973, hal. 5.

¹⁴⁵ The Star, 2 Jun 1974.

¹⁴⁶ Sunday Times (Malaysia), 30 Jun 1974. Lihat juga Straits Times (Malaysia), 27 Jun 1974

*Revolusi sosio ekonomi akan gagal, tidak akan memberi apa-apa pengertian sekiranya keadaan sosio politik kita tidak stabil.... Konsep Barisan Nasional merupakan usaha positif ke arah mengurangkan ketegangan politik supaya kerajaan boleh menumpukan usahanya untuk memusatkan pembangunan*¹⁴⁷

Dalam erti kata lain pembangunan tidak mungkin dapat dilaksanakan dan dinikmati bersama sekiranya negara dalam keadaan tidak aman. Barisan Nasional dibentuk untuk rakyat sama-sama berganding bahu dalam memajukan negara dan memperseimbangkan taraf hidup antara kaum dalam Rancangan Malaysia Ke dua¹⁴⁸.

Dalam pilihan raya 1974, Barisan Nasional mendapat kemenangan besar. Penganalisis menyifatkan pilihan raya ini hanyalah merupakan pungutan suara rakyat untuk memilih pemimpin, bukannya satu pertandingan untuk menentukan parti mana yang menang untuk membentuk kerajaan.¹⁴⁹ Sedangkan isu yang dibangkitkan hanya berkisar dalam soal perpaduan dan pembangunan negara sementara isu kaum tidak banyak dibangkitkan. Barisan Nasional telah mengemukakan enam isu penting iaitu perpaduan, ekonomi, dasar luar negara, keselamatan, agama dan perkhidmatan sosial. Parti-parti dalam komponan Barisan Nasional mempunyai manifesto dalamannya sendiri umpamanya MCA dan PPP membicarakan lawatan Perdana Menteri ke China. Parti Gerakan membawa isu pemulihran ekonomi khususnya Pulau Pinang. Sementara PAS menimbulkan isu perpaduan di kalangan orang Melayu. Cuma DAP membawa isu kecaman terhadap Barisan Nasional, apabila mereka menuduh BN sedang berusaha menuahkan kerajaan satu parti. DAP melihat parti-parti yang bergabung dengan BN

¹⁴⁷ R S Milne, *op.cit.*, hal. 219. Lihat juga **Straits Times (Malaysia)**, 27 June 1974.

¹⁴⁸ Karl Von Vorys, *op.cit.*, hal. 400 - 406. Lihat juga R S Milne, *ibid.*, hal 374 - 390. Lihat juga RMK2, hal. 1 - 4. Lihat juga ucapan Tun Razak, "Perpaduan Nasional melalui Pembangunan" (Ucapan di Dewan Rakyat dalam membentangkan RMK2), 12 Julai 1971, Kuala Lumpur Jabatan Penerangan, 1971. Dalam tahun ini juga dilancarkan Dasar Ekonomi Baru, dan tujuan untuk memperseimbangkan pendapatan dan mengurangkan kemiskinan. Lihat juga Tan Sri Ghazali Shafe'i, **Demokrasi Kewataan yang Mesti Dihadapi oleh Rakyat Malaysia**. Ucapan di Dewan Negara, 5 Mac 1971.

¹⁴⁹ Lihat R S Milne, *ibid.*, hal 226. Dalam pilihan raya 1974 sebanyak 154 kerusi Perlimen dipertandingkan iaitu pertambahan 10 kerusi. BN telah meletakkan calon di semua kerusi iaitu 114 di Semenanjung, 16 di Sabah dan 24 di Sarawak. Lihat **Straits Times (S)**, 23 Julai 1974.

telah menggadai maruah dan prinsip perjuangan dan berjuang untuk mendapatkan kekayaan dan keuntungan¹⁵⁰.

Rumusan yang boleh dibuat ialah pilihan raya di Malaysia lebih cenderung kepada parti yang mengutamakan isu perpaduan kaum daripada parti yang memperjuangkan isu perkauman, kerana itu mereka boleh menerima konsep Barisan Nasional. Ini dapat dibuktikan melalui keputusan pilihan raya. Tahun 1974 Barisan Nasional mendapat 88 peratus kerusi, 1978 Barisan Nasional mendapat 85 peratus kerusi, 1982 BN meraih 86 peratus kerusi, 1986 BN meraih 84 peratus kerusi, 1990 BN hanya mendapat 53.3 peratus kerusi,¹⁵¹ 1995 BN mendapat 60 peratus kerusi. Kerosotan undi BN tahun 1990 kerana isu perpecahan di kalangan orang Melayu. Sepanjang sejarah pilihan raya sejak 1974 sehingga 1995 tidak wujud isu yang jelas menunjukkan kehendak dalam pelaksanaan undang-undang Islam oleh parti pemerintah. Ini bermakna isu pelaksanaan undang-undang Islam dalam pilihan raya tidak dapat dikesan dan tidak menunjukkan kewujudannya.

2.2.5 Pandangan non-Muslim terhadap Undang-undang Islam

Pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia sering kali dipertikaikan oleh masyarakat bukan Islam. Misalnya Lim Kit Siang, Setiausaha Agung *Democratic Action Party* [DAP], sebuah parti politik yang berteraskan faham kaum Cina. Lim Kit Siang bukan sahaja mempertikaikan kesahihan pelaksanaan undang-undang Islam, tetapi beliau beranggapan adalah tidak wajar bagi Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum dan anutan agama melaksanakan undang-undang Islam. Lebih-lebih lagi pada pandangan beliau, Malaysia bukan sebuah negara Islam tetapi

¹⁵⁰ *The Roker*, Jld 9, No 2, 1974. Lihat juga Manifesto DAP bagi Pilihan raya Umum 1974 (Kuala Lumpur) dedahkan penyelewengan Negara oleh Barisan Nasional.

¹⁵¹ Undi BN pada tahun ini merosot kerana berlakunya perpecahan dalam UMNO dan tertubuhnya Parti Semangat 46 dan bergabung dengan PAS (Angkatan Perpaduan Umah), PBS keluar daripada BN dan tertubuhnya satu barisan pembangkang yang terdiri daripada DAP + S46 + PBS dan (PAS ?) yang lebih terkenal dengan Gagasan Umah.

sebagai sebuah negara sekular¹⁵². D Vendargon¹⁵³, Presiden Persatuan Perundingan Agama-agama bukan Islam, memuji sikap Tunku Abdul Rahman sebagai seorang yang berpandangan jauh dan bijaksana dalam membina masyarakat dan menangani masalah kaum di negara ini, dengan meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara sekular.¹⁵⁴ Sikap Verdargon ini memperlihatkan ketidaksetujuan beliau terhadap pelaksanaan dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam sistem pentadbiran negara. Verdargon khawatir apa yang dilakukan oleh kerajaan seolah menjadikan Malaysia sebuah negara Islam. Sikap yang sama juga ditunjukkan oleh Tan Chee Khoon, bekas ketua pembangkang. Beliau menggunakan keautoritarian Tunku Abdul Rahman yang dianggap sebagai 'the Father of our constitution' untuk mempertegas bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular, dan tidak perlu dilaksanakan undang-undang Islam di dalamnya.

Kata Tan Chee Khoon;

*Malaysia is a secular state, I must confess that this surprised me, but we have the authority of the Tunku himself that this is the constitution provision.*¹⁵⁵

Sambungnya lagi, proses Islamisasi yang dilakukan oleh kerajaan adalah satu penyelewengan dasar negara sekular yang telah dibentuk sejak merdeka. Pada hemat beliau proses ini akan menyekat kemerdekaan dan kebebasan individu. Demikian juga dengan Rev Paul Tan seorang Mualigh Kristian, yang amat kuat mengkritik proses Islamisasi di Malaysia. Beliau beranggapan apa yang berlaku itu bukan hanya sekadar proses penerapan nilai-nilai Islam, tetapi penyerapan kepada prinsip-prinsip Islam ke dalam segala bentuk kehidupan

¹⁵² Lim Kit Siang, Human Rights in Malaysia, Kuala Lumpur: Democratic Action Party, tanpa tarikh.

¹⁵³ D Vendargon adalah seorang tokoh Katholik. Beliau Presiden bagi Persatuan Perundingan Agama-agama bukan Islam di Malaysia seperti Hindu, Budha, Kristian dan Sikh.

¹⁵⁴ Lihat D Vendargon, dalam Kata Pengantar kepada Contemporary Issues on Malaysian Religions, Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1984, hal. 1.

¹⁵⁵ Tan Chee Koon, Constitution Provision for Religious Freedom in Malaysia, dlm. *ibid.*, hal. 29.

masyarakat. Untuk memperkuuh pendapatnya, beliau mengambil pandangan Mahathir Mohamad dalam tulisan beliau. Kata Paul;

*I hope we will not waste any effort shouting slogans which sound nice to the ears but empty in content. Instead, we should go gradually forward in implementing Islamic principles.*¹⁵⁶

Kebimbangan Paul Tan bukanlah suatu yang tidak berasas. Untuk menunjukkan apa yang beliau didakwanya itu betul, sekali lagi beliau memetik pandangan Perdana Menteri yang memperlihat bahawa penerapan nilai-nilai Islam bukan sahaja dalam bidang pentadbiran, tetapi meliputi semua aspek kehidupan. Kata Perdana Menteri

*"And it is important that we prove that the Islamic system."*¹⁵⁷

Paul Tan berpendapat penerapan nilai-nilai Islam adalah suatu proses paksaan kerajaan kepada orang bukan Islam, sedangkan masyarakat bukan Islam tidak bersedia menerima. Paul Tan mempersoalkan kejujuran kerajaan dalam memperkatakan nilai-nilai Islam sebagai nilai-nilai 'universal' atau sejagat. Katanya;

*if the Government really means the Islamic values as Universal Values are also (sic) found in other religions, why cannot it use the term 'universal values', since the government is the government for everyone and not just for the Muslims...*¹⁵⁸

Kelompok non-Muslim bimbang akan proses Islamisasi dalam kerajaan kerana mereka khuatir proses itu akan sampai kepada pelaksanaan undang-undang Islam dalam undang-

¹⁵⁶ The Star, 2 Ogos 1985

¹⁵⁷ The Star, 18 Mac 1985.

¹⁵⁸ Lim Kit Siang, op.cit., hal. 105.

undang sivil. Mereka meraguinya kerana kalangan hakim ada yang berkecenderungan untuk merealisasikan cita-cita itu. Contohnya Salleh Abas menyatakan;

*Islamic law can be used but their principles have to be discovered and studied. We must find out first what these laws are all about. And when this is done, the non-Muslim must be persuaded to accept them which has to be done through example and not force.*¹⁵⁹

Kenyataan Salleh Abas ini juga telah menimbulkan kesan yang mendalam di kalangan penganut agama Hindu. Mereka juga menganggap penerapan nilai-nilai Islam telah menggugat kestabilan dan sistem sekular di negara ini. Justeru itu mereka berpendapat soal Islamisasi adalah suatu yang tidak sepatutnya berlaku dalam negara yang berbilang kaum. Malah orang-orang Melayu sendiri ‘sceptical’ dengan nilai tersebut.¹⁶⁰

Berasaskan kepada itu, S Francis Xavier telah menulis surat terbuka kepada Perdana Menteri untuk menyatakan sikap tidak senang masyarakat non-Muslim terhadap kenyataan Perdana Menteri yang boleh mengelirukan kedudukan Islam sebagai agama rasmi di negara ini, dan cuba memaksa orang lain supaya menerima nilai-nilai tersebut.¹⁶¹ Sementara Bishop A. Selvanayagam ketika memberi ceramah kepada penganut agama Kristian di Malaysia, telah memperingatkan peristiwa-peristiwa lampau dalam dekat-dekat 70 an, apabila kerajaan telah memberi dorongan yang sepenuhnya kepada perkembangan gerakan Islam dengan mengisyiharkan ‘Bulan Dakwah’. Katanya:

¹⁵⁹ The New Straits Times, 16 Dis 1984.

¹⁶⁰ Ghazali Basri, Christian Mission and Islamic Dakwah in Malaysia, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1990, hal. 32.

¹⁶¹ Ghazali Basri, A Comparative Study on Religious Tolerance in post Independence Malaysia and Nigeria with Special Reference to Christian- Muslim Relation, Phd. Thesis, University of Aberdeen, 1988, hal. 113.

*The clock may be turned back on the Christian progress in Malaysia, if Christian do not become more active in the secular life of their country.*¹⁶²

Justeru itu beliau mendesak kerajaan seharusnya tidak menekan orang-orang bukan Islam supaya tunduk dan patuh kepada undang-undang Islam, kerana mereka mempunyai peraturannya sendiri. Katanya:

Why force non Muslim to follow the provision of Syariah when they prefer the existing civil law... .¹⁶³

Demikian juga pendapat Lim Kit Siang, Setiausaha Agung parti DAP. Reaksinya terhadap pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini amat kritikal. Beliau bukan sahaja menentang tuntutan itu, tetapi telah membuat cadangan balas agar Perlembagaan negara dipinda dengan memasukkan peruntukan dicatat secara hitam putih bahawa negara Malaysia adalah sebuah negara sekular, dan menuntut agar diadakan juga satu peruntukan sebagai satu kesalahan bagi orang yang mempersoal dasar sekular Perlembagaan dan sistem pentadbiran negara.¹⁶⁴ Walau bagaimanapun kerajaan menolak pandangan dan pendapatnya. Malah Lee Kim Sai, bekas ketua Pemuda dan pemangku Presiden MCA mempertikaikan pandangan Lim Kit Siang itu dengan melihat apa yang diperkatakan itu hanya untuk mendapatkan sokongan dan undi kaum Cina.¹⁶⁵ DAP juga menentang satu draf undang-undang Islam kepada *Majlis Hal Ehwal agama Islam* yang membolehkan orang bukan Islam dikenakan hukuman sekiranya

¹⁶² Ibid., hal. 33.

¹⁶³ Ghazali Basri, ibid., hal. 33.

¹⁶⁴ The New Straits Times, 22 Jun 1972.

¹⁶⁵ Lihat Hussien Mutalib, Islam in Malaysia from Revivalism to Islamic State, op cit., hal. 103

mereka melakukan hubungan seks dengan orang Islam. DAP mendakwa draf tersebut bertentangan dengan kebebasan beragama yang terdapat dalam perlembagaan.¹⁶⁶

Pandapat Tan Chee Koon agak berbeza sedikit. Walaupun pada peringkat awal, beliau mengkritik dasar penerapan nilai-nilai Islam tetapi pada tahun 1993 pendapat beliau mula menunjukkan sikap toleransi apabila setelah sepuluh tahun penerapan nilai-nilai Islam berjalan. Dalam kenyataannya apabila ditemuramah oleh Hussien Mutalib menyatakan:

*Islam is not big problem in this country. The Chinese for instance, do not care so much about what is happening as long as they can continue to do business and are not deprived of the kinds of things they have been doing all this while in this country. Of course in recent years, with government support for Islam, racial polarisation of our people has led to religious polarisation too. But with a careful approach to the whole matter, Islamisation in Malaysia dose not necessarily mean worse things to come.*¹⁶⁷

Walau bagaimanapun beliau menyarankan supaya pelaksanaan undang-undang Islam haruslah mengambil pendekatan yang rasional dan sesuai dengan kepelbagaiannya agama dan bangsa. Katanya;

*will only make noise if rational and reasonable limits of tolerance are breached by either Muslim or non-Muslim. If people want to have an Islamic state, let we talk about it, but I would say, please don't up set non-Malays and do not deprive them of their livelihood and their business.*¹⁶⁸

¹⁶⁶ Rencana Pengarang **WATAN**, 15 jun 1978.

¹⁶⁷ Hussin Mutalib, ibid., hal. 101.

¹⁶⁸ Ibid., hal. 100.

Demikian juga pendapat yang dikemukakan oleh Lee Kim Sai. Beliau melihat pada umumnya Islam tidak menjadi masalah kepada non-Muslim. Yang menjadi masalah ialah ketidakfahaman masyarakat non-Muslim terhadapnya. Katanya:

*In general, Islam is not a problem to non-Muslim in Malaysia, for a long time, we all have come to know its importance to the Malays. So, we respect the wishes of the Malays.*¹⁶⁹

Huraian di atas memperlihat usaha-usaha yang telah dan sedang dilakukan oleh kerajaan boleh memberi impak kepada pelaksanaan undang-undang Islam. Kritikan masyarakat bukan Islam itu mempunyai asas hujahnya. Mereka menyatakan demikian, pasti ada sentimen ke arah pelaksanaan undang-undang Islam.

2.2.6 Kesan dalam sistem perundangan

Inggeris telah memperkenalkan sistem perundangan kolonial, walaupun sebelumnya Tanah Melayu telah dijajah oleh Portugis dan Belanda. Portugis tidak berminat untuk menerapkan undang-undang mereka ke atas orang-orang Melayu.¹⁷⁰ Berlainan dengan penjajah Inggeris selain bermotifkan keuntungan ekonomi mereka juga menggalakkan penyebaran agama Kristian, dan juga fahaman sekular, fahaman yang memisahkan agama daripada hal

¹⁶⁹ Ibid., hal. 102

¹⁷⁰ Ahmad Ibrahim mengatakan "Pada umumnya Portugis menyerahkan pentadbiran keadilan di tangan rakyat yang bukan beragama Islam dan yang berbangsa Asia, kepada ketua-ketua kaum, sementara orang-orang Portugis sendiri diletakkan di bawah kuasa hakim Portugis. Demikian juga dengan Belanda beliau berpendapat " Oleh kerana telah menjadi amalan Belanda di Jawa untuk membiarkan bumiputera mengamalkan adat dan undang-undang mereka sendiri, bolehlah dianggap amalan yang sama telah diikuti di Melaka. Bagi penduduk bangsa Eropah yang lain undang-undang Belanda dikuatkuasakan sementara itu bumiputera 'mungkin' dibiarakan mengamalkan undang-undang mereka sendiri. Lihat Ahmad Ibrahim, dan Ahilemah Joned, Sistem Undang-undang di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hal. 14.

ehwal awam. Tujuan mereka ialah untuk memasarkan pandangan hidup berkonsepkan materialistik dan ekonomi bebas berdasarkan falsafah sekular¹⁷¹.

Inggeris telah menggunakan kuasa politik mereka untuk menyingkir pelaksanaan undang-undang Islam,¹⁷² dan memperkuuh kedudukan undang-undang barat dalam sistem perundangan negara yang mereka jajah.¹⁷³ Misalnya kerajaan Iraq dan Turki¹⁷⁴, apabila kerajaan Turki menganggap hukum hudud sebagai hukum yang ketinggalan zaman, dan hendaklah digantikan dengan hukum ta'zir sama ada dalam bentuk rotan atau denda.¹⁷⁵ Pembaratan undang-undang ini bertaku juga di Mesir¹⁷⁶, Sudan¹⁷⁷ dan Libya¹⁷⁸, juga negara-negara Islam lain. Barat telah berjaya pada amnya memperluas faham sekular dalam sistem perundangan. Di samping itu telah semakin mereka terus berjaya mempengaruhi pemikiran

¹⁷¹ Muhammad Bakar, "Dunia Barat: Perspektif Timur", dlm Pemikir, bil. 8, April- Jun 1997, Utusan Printcorp, hal. 23 - 24.

¹⁷² Lihat Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, Bidangkuasa Jenayah dalam Undang-undang Syariah di Malaysia: Satu Penilaian daripada Aspek Pencapaian Objektif Hukum Syarak, Desertasi Ph.D., Universiti Malaya, 1992, hal. 153 - 154.

¹⁷³ Lihat Syikh Muhammad al-Khudari, Tarikh al-Tasyrik al-Islami, Kaherah : Maktabah al-Tijarah al-Kubra, ed. 6, 1964, hal 323.

¹⁷⁴ Lihat kenyataan yang dibuat oleh J.N.D Anderson, Islamic Law in the Morden World, New York: University Press, 1957, hal. 21. Lihat juga J. Schat, An Introduction to Islamic Law, London : 1964, hal. 91.

¹⁷⁵ Ahmad Syalabi, Manbu'ah al-Tarikh al-Islami, Mesir : Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, 1967, Jld. 5, hal. 528.

¹⁷⁶ Lihat Ahmad Shalaby, Manbu'ah al-Tarikh al-Islami, Jld. 5, Mesir: Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, 1967, hal. 528. Lihat juga Ali Rasyid, op.cit., hal. 89.

¹⁷⁷ N. J Coulson, op.cit., hal. 147 150.

¹⁷⁸ Ali Rasyid, op.cit., hal. 96 – 102

pemimpin Muslim untuk menerima pemikiran barat sebagai sesuatu yang moden dan bertamadun¹⁷⁹.

Di Malaysia langkah yang paling awal ialah Inggeris memperkenalkan undang-undang mereka pada tahun 1807 apabila Piagam Keadilan diperkenalkan¹⁸⁰. Misalnya kenyataan Sir Peter Benson Maxwell dalam kes Chulas Vs Kalsom berhubung dengan harta seorang perempuan. Beliau mengulas jika *Common law* diputuskan dapat dipakai, maka orang Melayu, di bawah penguatkuasaan undang-undang Islam dan *Common Law*, dapat menolak undang-undang Inggeris berhubung dengan pengambilan milik. Beliau dapat mengambil semua harta peribadi isterinya dan harta sosial isterinya bagi seumur hidup.¹⁸¹ Demikian juga dalam kes *In The Goods of Abdullah* iaitu seorang Islam yang melupuskan seluruh hartanya telah diputuskan sah sebab undang-undang Inggeris telah diperkenalkan di Pulau Pinang menerusi Piagam Keadilan yang pertama pada 1807. Walau bagaimanapun keputusan itu telah dikritik kerana ia bertentangan dengan hukum Islam.¹⁸² Satu lagi kes yang boleh dilihat bagaimana campur tangan undang-undang Inggeris terhadap orang-orang Melayu iaitu kes wasiat Arab Shaik Abu Bakar b Muhamad Lajim. Kes ini tentang wasiat seorang laki-laki Arab yang berdomisil di Arab Saudi dan melibatkan pelepasan harta tak alih di Singapura. Pewasiat telah berkahwin selepas membuat wasiat. Walaupun pewasiat berdomisil di tempat lain, mahkamah telah menggunakan peraturan percanggahan undang-undang iaitu bahawa wasiat menentukan pelupusan harta tak alih.¹⁸³ Sebelum daripada piagam ini diperkenalkan,¹⁸⁴ Inggeris sudah ada peraturan-

¹⁷⁹ Lihat Muhammad Bakar, *op.cit.* hal. 25.

¹⁸⁰ Berdasarkan Piagam ini sebuah mahkamah tinggi telah ditubuhkan dari Pulau Pinang yang akan melaksanakan kuasa-kuasa yang berasaskan kepada Undang-undang Inggeris.

¹⁸¹ C H Withers Payne, *The Law of Administration of and Succession to Estates in the Straits Settlements*, Singapura: Printers Bhd, 1932, hal. 60.

¹⁸² 1835 2ky. Ecc. Rs 8.

¹⁸³ [1935] S.S.L.R. 119. lihat juga [1935] M.L.J 137.

peraturannya tersendiri tetapi tidak dilaksanakan dengan jelas, walaupun bagaimanapun undang-undang tempatan dan Inggeris telah mula digunakan. M B Hooker menyatakan:

*sebelum diperkenalkan Piagam Keadilan pertama pada bulan Mac 1807 keadaan sebelumnya tidak begitu menentu. Dalam waktu peralihan undang-undang tempatan bagi pihak yang terlibat telah digunakan, walaupun ada asas untuk menyatakan bahawa undang-undang Inggeris yang boleh dilaksanakan di Banggala boleh digunakan dengan sewajarnya*¹⁸⁵.

Walau bagaimanapun menurut Norton Kyshe Piagam Pertama itu tidak cukup untuk menjadikan undang-undang Inggeris lebih mantap dan kukuh untuk dilaksanakan di Tanah Melayu¹⁸⁶. Justeru itu Inggeris telah memperkenalkan pula Piagam Kedua pada 1826, yang bertujuan untuk melaksanakan kuasa-kuasa Mahkamah Keadilan *Prince of Wales* ke atas Melaka, Singapura dan Pulau Pinang. Dengan adanya Piagam Kedua itu, mereka telah diberi kuasa menuuhkan mahkamah-mahkamah mereka di negeri-negeri tersebut¹⁸⁷. Pada tahun 1855 Piagam Ketiga telah diisyiharkan, untuk menyusun semula mahkamah yang sedia ada bagi memudahkan penyelarasan¹⁸⁸. Piagam Ketiga tidak membawa implikasi undang-undang sebab piagam ini hanyalah bertindak sebagai penyusunan semula mahkamah yang sedia ada di negeri-negeri berkenaan. Berdasarkan kepada piagam tersebut undang-undang Islam masih tetap berjalan dalam aspek-aspek tertentu, tetapi ianya mestilah disesuaikan dengan undang-undang Inggeris yang mereka fikir lebih adil dan saksama. Kata Wilkinson: "Sekiranya undang-

¹⁸⁴ M. L. R (1971) Vol. 13 (2), hal. 294

¹⁸⁵ M. B. Hooker, Islamic Law in South East Asia, Singapura: Oxford Universiti Press, 1984, hal. 249

¹⁸⁶ Norton Kyshe, A Judicial History of the Straits Settlements, MLR, 1969, vol. 11 (1): 38 – 39.

¹⁸⁷ Lihat Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, Sistem Undang-undang di Malaysia, op.cit., hal. 19

undang Inggeris tidak diterima pakai, maka sudah pasti undang-undang Islam akan menjadi undang-undang Tanah Melayu¹⁸⁸.

Pelaksanaan Undang-undang Inggeris di Negeri-negeri Melayu bersekutu bermula di Perak; iaitu dengan pemakaian Kanun Jenayah Negeri-negeri Selat (yang berdasarkan Kanun jenayah India). Pemakaian Kanun Jenayah tersebut di kuatkuasakan melalui arahan Majlis Pemesyuaratan Negeri bertarikh 28 Jun 1884. Kanun ini telah diperpanjangkan ke negeri-negeri lain yang bergabung dengan Negeri Melayu Bersekutu dan dimasukkan untuk semakkan undang-undang Negeri Bersekutu 1939 sebagai Bab 45¹⁸⁹.

Dengan kedudukan itu undang-undang Islam semakin terpinggir lebih-lebih lagi apabila Enakmen Undang-undang Sivil 1937¹⁹⁰. Penggubalan undang-undang ini bertujuan untuk memperkenal *Common Law* dan ekuiti Inggeris ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Melalui undang-undang ini, negeri-negeri Melayu dengan rasminya menerima undang-undang Inggeris. Undang-undang Sivil inilah yang sebenarnya merupakan satu pengesahan terhadap amalan prinsip undang-undang Inggeris yang telah berlaku sebelumnya.

Undang-undang Sivil yang digubal ini telah diperkenalkan di negeri-negeri Melayu bersekutu, dan kemudiannya dikembangkan ke Negeri-negeri Selat iaitu Melaka dan Pulau Pinang sebagai Ordinan Undang-undang Sivil 1956. Seterusnya pada tahun 1957 ia diperkenalkan di negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, Johor dan

¹⁸⁸ Ahmad Ibrahim, Toward a History of Law in Malaysia and Singapore, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hal. 1 - 2.

¹⁸⁹ Lihat Memorandum yang ditulis oleh Reffles di Singapura, pada 1923 dan dalam peraturan-peraturan iii dan iv dalam tahun yang sama. Regolition No. 111, Semak juga MLR (1968) vol. 10 (2). Hal 256. Lihat R.J Wilkinson "Paper of Malaya Subject". Undang-undang Bahagian 1 (Rangka Pengenalan), Kuala Lumpur: 1922, hal. 49.

¹⁹⁰ Ahmad Ibrahim, op.cit., 1981, hal. 25

¹⁹¹ Lihat Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Pengantar Undang-Undang Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997, hal.57.

Tarengganu sebagai Ordinan (lanjutan) Undang-undang Sivil 1957. Seksyen 3 Ordinan ini berbunyi:¹⁹²

Dari tarikh Ordinan ini berkuatkuasa, maka Mahkamah hendaklah menerima pakai Common Law of England dan rukun-rukun ekuiti sebagaimana yang dilaksanakan di England. Justeru segala peruntukan yang telah dibuat atau sebarang undang-undang bertulis berkuatkuasa di negeri-negeri Melayu Bersekutu atau di negeri-negeri yang lain akan diganti terima pakai dengan undang-undang yang tersebut. Ia dilakukan dengan syarat bahawa Common Law dan rukun-rukun ekuiti hanya diterima pakai sekiranya keadaan di negeri-negeri Melayu Bersekutu dan di negeri-negeri Selat serta penduduk memerlukannya. Pemakaian undang-undang tersebut adalah berdasarkan keperluan tempatan.

Seksyen 2(1) pula menyatakan :

...Sekiranya tiada terdapat sebarang perubahan terhadap undang-undang atau kanun-kanun lain yang dibuat, maka Enakmen ini adalah berkuatkuasa sebagai common law of England dan kanun ekuiti seperti yang dilaksanakan di England.

Dengan pelaksanaan undang-undang sivil itu, segala kes sivil tertakluk di bawah prinsip undang-undang Inggeris. Sementara undang-undang Islam tidak diberi perhatian dan terus diabaikan¹⁹³. Umpamanya pada 1880 satu set Ordinan perkahwinan telah dikuatkuasakan di negeri Selat bagi mengatur hal-hal perkahwinan dan penceraian mesyarakat Islam dan dengan Ordinan itu Undang-undang Islam secara resmi dipisahkan pemakaianya

¹⁹² Ordinan Undang-undang Sivil 1956. Sila Lihat juga kes Yong Jo Lin dan lain-lain Lwn Poi Fong. (1941) MLJ : 63.

¹⁹³ Kedudukan ini dapat dilihat daripada rumusan kenyataan Persuruhjaya Kehakiman dalam kes Ong Cheng Neo lwn Yap Kuan Seng. 1897. 1 S. S. L. R Supp. 1 Kes bagi negeri Selangor.

dalam hal-hal nikah dan cerai sahaja.¹⁹⁴ Demikian juga dengan Undang-undang Niaga Sivil 1878 yang telah memperkenalkan Undang-undang Niaga Inggeris. Mengikut ordinan itu segala hal yang timbul tentang perkongsian, koperasi, bank, pengangkutan, insuran dan apa juga berkenaan dengan pelanggan secara umum mestilah diputuskan mengikut apa yang diamalkan di England. Misalnya pada tahun 1880, Inggeris memperkenalkan *Order in Council* yang meletakkan undang-undang diri dengan merujuk kepada Undang-undang Perkahwinan, penceraian, pewarisan dan amalan keagamaan, tertakluk di bawah bidang kuasa pemerintah Inggeris. Kemudian diperkenalkan pula Ordinan Perkahwinan Muhamadan atau *Registration of Muhammadan Marriages and Divorces* 1855 yang berhubung dengan nikah cerai. Tujuan ordinan ini diperkenalkan adalah untuk mengawal pendaftaran perkahwinan dan penceraian orang-orang Islam.¹⁹⁵

Penggunaan prinsip-prinsip undang-undang Inggeris yang bertentangan dapat dilihat dalam kes *In The Goods of Abdullah*, iaitu seorang Muslim meninggal wasiat supaya membuang semua hartanya dan wasiatnya diputuskan sah, dengan alasan bahawa undang-undang Inggeris telah pun diperkenalkan di Pulau Pinang melalui piagam 1807. Pada tahun 1885 pihak berkuasa kolonial telah memperkenalkan pula Enakmen Pendaftaran dan Perkahwinan di Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang pada 1900. Ia dimasukkan kedalam bab 197 Enakmen Pendaftaran Perkahwinan dan Pencerayaan Muhamadan [semakan] Undang-undang Negeri Bersekutu 1935. Setelah itu, Inggeris memperkenalkan pula undang-undang perkahwinan di negeri-negeri bersekutu iaitu Johor 1919, Kedah 1934, Perlis 1913, Terengganu 1922 dan Kelantan 1938. Walau bagaimanapun menurut M B Hooker, undang-undang orang Islam merupakan undang-undang hanya sejauh mana pemakaianya diperlukan untuk mengelak berlakunya keadaan tidak adil, dan tidak ada peraturan dalam piagam negeri-

¹⁹⁴ Wu Min Aun, Pengenalan kepada Undang-undang Malaysia, ed.2. Kuala Lumpur: H.E.B. 1985, hal. 10.

¹⁹⁵ Kedudukan ini dapat dilihat daripada rumusan kenyataan Pesuruhjaya Kehakiman dalam Kes Ong Cheng Neo Iwn Yap Kuan Seng 1897. 1 S.S.L R Supp. 1 Kes bagi negeri Selangor

negeri Selat, sebagaimana dalam sesetengah piagam India, bahawa undang-undang Islam akan digunakan bagi orang-orang Islam.¹⁹⁶

Enakmen itu berhubung dengan perkahwinan dan penceraian sahaja. Sementara undang-undang pewarisan iaitu kanun pewarisan orang-orang Islam telah diterima pakai di Negeri-negeri Melayu.¹⁹⁷ Di Pulau Pinang dan Melaka, undang-undang yang bertentangan dengan undang-undang Islam telah diambil kira¹⁹⁸. Ini bermaksud penghakiman terhadap hal ehwal agama Islam yang dilakukan tidak konsisten dan bercampur-baur dengan undang-undang adat dan Inggeris. Kata M B Hooker, campur tangan statut dan tuntutan dari segi teknik oleh undang-undang Inggeris merupakan ciri biasa dalam penakrifan undang-undang untuk orang Islam.¹⁹⁹ Kenyataan Hooker ini boleh dipertahankan apabila melihat kes R Shaik Abdullah: A. G. vs Shaik Ali bin Awat. Dalam kes ini seorang Islam menyempurnakan wasiatnya menurut undang-undang Inggeris yang diikuti oleh sesuatu wilayah, dan seterusnya menyempurnakan wasiat mengikut cara Arab. Kandungan wasiat itu tidak selaras antara satu sama lain, lagi pun dalam wasiat Arab terdapat arahan tidak membatalkan wasiat Inggeris. Pewasiat juga telah menyempurnakan satu penyelesaian harta tak alih untuk tujuan wakaf dengan cara tidak selaras dengan wasiat Inggeris dan wasiat Arab. Percanggahan ini diselesaikan dengan menggunakan duluan Inggeris supaya wasiat yang terakhir dari segi masa dan niat yang dinyatakan ketika itu adalah tidak terpakai.²⁰⁰

¹⁹⁶ M B Hooker, op.cit., hal. 104.

¹⁹⁷ Taylor, E. N “Customary Law of Rembau”, JMBRAS, Jld VIII, 1929, hal. 92.

¹⁹⁸ Ordinan Muhamadan (Bab 57 Undang-undang Negeri Selat) 1936, Seksyen 27.

¹⁹⁹ M B Hooker, op.cit., hal. 106.

²⁰⁰ [1928] S.S. L. R 101

Hooker berhujah bahawa undang-undang Inggeris telah menjadi undang-undang yang dipakai setakat mana yang dibenarkan oleh agama, cara dan adat istiadat penduduk di situ.²⁰¹ Ini bermakna orang-orang Islam boleh memakai undang-undang sendiri sebagaimana keadaan yang berlaku di India apabila Hastings mengisyiharkan Peraturan 11 tahun 1772 yang membenarkan pemakaian undang-undang tempatan. Perkara ini dapat dilihat dari kes Salmah and Fatimah vs Yoolong berhubung dengan kesahan perkahwinan antara mazhab Shafi'e dengan Mazhab Hanafi. Kes ini melibatkan perkahwinan seorang perempuan Arab bermazhab Shaafi'e dengan seorang lelaki yang bermazhab Hanafi yang berlangsung tanpa kebenaran daripada wali. Wali telah mendapat injuksi menghalang penyatuan perkahwinan dan mahkamah enggan menolak injuksi itu atas permohonan pihak perempuan, sehinggalah beliau menjadi pengikut Mazhab Hanafi.²⁰²

Ada dua pendekatan yang digunakan oleh Inggeris dalam membentuk sistem perundangan di Malaysia. Pertama melalui perundangan apabila pihak British telah menasihati Raja supaya membuat undang-undang bertulis dan undang-undang itu mengikut contoh undang-undang Inggeris. Kedua melalui keputusan hakim [*judicial precedent*] yang mereka lantik di mahkamah-mahkamah sivil, dan mereka membuat keputusan berdasarkan kepada keputusan undang-undang Inggeris. Kata Ahmad Ibrahim

*dengan nasihat pihak berkuasa British, raja-raja Melayu telah mengadakan mahkamah dan hakim yang dilantik terdiri daripada hakim-hakim British yang selalunya membuat keputusan merujuk kepada undang-undang Inggeris*²⁰³

2.3 Muncul Gerakan Politik Muslim

Kesan pendidikan dan faham agama yang diperoleh oleh orang Melayu, timbul kesedaran di kalangan mereka untuk menuntut hak mereka yang telah mula diusik oleh kaum

²⁰¹ M B Hooker, op.cit. hal. 99

²⁰² | 1878 | Iky. 421

mendatang. Sekurang-kurangnya wujud tiga budaya pemikiran politik Muslim yang wujud di Tanah Melayu iaitu gerakan politik yang berteraskan nasionalisme konservatif, nasionalisme radikal dan parti politik berteraskan Islam. Menurut Khoo Kay Kim, semangat politik orang Melayu muncul seawalnya pada awal abad 20 an yang memperjuangkan soal-soal kebijakan, ekonomi, bahasa dan pendidikan bangsa Melayu.²⁰⁴ Walau bagaimanapun, orang Melayu Muslim sebelum itu telah menganggotai beberapa pertubuhan sosial yang tidak dihubungkait dengan politik. Antara organisasi yang wujud akhir abad sembilan belas ialah Penang Peranakan Clubs pada 1890, Persatuan Islam Singapura pada 1900, Persekutuan Harapan Belia (JB) pada 1916, Persatuan Indra Kayangan (Alor Star) pada 1916, Persekutuan Pertubuhan Orang-orang Islam pada 1919, Persekutuan Guru-guru Melayu dan Islam pada 1920, dan Pan-Malayan Malay Literacy Society pada 1924. Ia lahir berpunca daripada berlakunya peningkatan tahap pendidikan di kalangan orang Melayu sama ada mengikuti aliran agama yang dikendalikan oleh Pondok atau Madrasah dan aliran Inggeris yang dipelopori oleh penjajah, kebanyakannya terletak di bandar-bandar.

Antara tokoh gerakan reformis Melayu yang cukup lantang memperjuangkan hak-hak orang Melayu ialah Sayed Syikh al-Hadi.²⁰⁵ Melalui akhbar *'al-Imam'*,²⁰⁶ al-Hadi telah cuba membangkitkan semangat orang Melayu dengan semangat keMelayuan dan untuk memperjuangkan hak-hak mereka. Pada tahun 1926, sekumpulan orang Melayu telah

²⁰³ Ahmad Ibrahim, *Sekatan-sekatan dalam Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia*, dlm al-Ahkam, Islam dalam Perlembagaan, Jld 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hal. 46.

²⁰⁴ Khoo Kay Kim, The Malay Peninsula a Political Survey 1900 - 1941, dalam Glimpses of Malaysian History, ed. Zainal Abidin Wahid, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, hal. 79.

²⁰⁵ Sayed Syikh al-Hadi adalah salah seorang ilmuan Melayu yang telah mendapat pendidikan di Timor Tengah dan kembali ke Tanah Air berkerja sebagai wartawan.

²⁰⁶ Dalam satu rencana yang ditulis oleh Syikh al-Hadi dalam *al-Imam* yang meningkatkan semangat kemelayuan "Perhaps it may be said that our people most need skills of craftsmanship or agriculture, or that we should first preserve our country from its foes, or that we need education to rescue us from the sloughs of apathy, or that we must learn to unite amongst ourselves.... This is all true. But that which will fortify and realize all our desires is knowledge of the commands of our community. Lihat Koo Kay Kim, ibid hal 80

menubuhkan satu pertubuhan yang jelas memperjuangkan cita-cita politik orang-orang Melayu iaitu *Kesatuan Melayu Singapura* (KMS)²⁰⁷. KMS dianggotai oleh berbagai lapisan masyarakat dari latarbelakang pendidikan, agama, Melayu dan Inggeris.

Selepas tahun 1926 telah muncul beberapa pertubuhan yang jelas keterlibatannya dalam memperjuangkan aspirasi parti dan kehendak politik. Contohnya *Parti Nasional Semenanjung* 1927, *Ikatan Pemuda Pelajar* 1929, *Ikatan Semenanjong Borneo* 1930 dan *Kesatuan Melayu Muda* 1927. Kemuncak penubuhan parti politik Melayu ialah pada tahun 1945. Dari tarikh itu kemunculan parti politik Melayu yang memperjuangkan agama dan kemerdekaan tumbuh seperti *United Malay National Organization* (UMNO), *Parti Negara*, *Hizbul Muslimin*, *Parti Islam Se Tanah Melayu* dan lainnya²⁰⁸.

UMNO ditubuhkan pada tahun 1946 atas kesedaran berpolitik di kalangan orang Melayu.²⁰⁹ Ia mewakili faham nasionalisme konservatif menentang penjajahan Barat dalam masa yang sama mereka sedia berkerjasama dengan kolonial. Sifat konservatif UMNO bukan hanya sekadar mempertahankan tradisi kebangsaan Melayu, tetapi juga mempertahankan tradisi kerjasama dengan pihak kolonial. Menurut pandangan Ramlah Adam, pertubuhan ini telah memberi ruang kepada orang Melayu bergerak dalam politik menentang kerajaan British.²¹⁰

²⁰⁷ Khoo Kay Kim, *op.cit.*, hal. 60.

²⁰⁸ Antara 1927 - 1930 an lahir tiga pertubuhan bawah tanah yang telah diwujudkan oleh pelajar-pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim: 1930 *Persaudaraan Sahabat Pena* (Brotherhood of Friends Movement), 1938 *Pahang Malay Union*. Semasa pendudukan Jepun 1941 telah wujud PETA (Pembela Tanah Air), dan KRIS (Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung), MPAJA (Malayan People's Anti Japanese Army). 1937 Kesatuan Melayu Muda (KMM) di bawah pimpinan Ibrahim Yaakob. Parti PAS dan UMNO akan dihuraikan dalam bab berikutnya.

²⁰⁹ Untuk mendapat keterangan lanjut sila rujuk, V R Roff, *The Origine of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1967. Juga lihat Radin Seorno, *Malay Nationalism*, 1946 - 1986, dalam JSEAH, Vol. 1, 1960. Lihat juga Ramlah Adam, *UMNO Organisasi dan Kegiatan Politik*, Kuala Lumpur: Mohd Nawi Book Store, 1978, hal. 1.

²¹⁰ Ramlah Adam, UMNO : *Organisasi dan Kegiatan Politik*, *op.cit.*, 1978, hal. 2

Orang Melayu tidak senang dengan kerajaan British kerana kedudukan raja-raja Melayu terugat apabila cadangan penubuhan *Malayan Union*.²¹¹ Di samping itu British ingin kekal sebagai pemerintah di Tanah Melayu dan pengiktirafan kaum pendatang menjadi warganegara amat longgar tidak disenangi oleh orang Melayu.²¹²

Melalui perhimpunan pertubuhan-pertubuhan Melayu di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1 Mac 1946, gagasan *Malayan Union* dibantah.²¹³ Perhimpunan itu telah mengambil beberapa ketetapan; antaranya menubuhkan satu pertubuhan yang akan mempertahankan hak-hak orang Melayu.²¹⁴ Semua persatuan yang berdiri teguh di belakang UMNO dalam memperjuangkan hak-hak orang Melayu dan meminta supaya raja-raja dan orang

²¹¹ U.M.N.O, 10 Tahun, Ibu Pejabat UMNO, 1956, hal. 9.

²¹² Di antara syarat untuk menjadi warganegara ialah mereka yang dilahirkan ditanah jajahan Singapura, mereka yang telah tinggal di negara ini selama 10 tahun atau 15 tahun yang lalu, mereka yang tinggal di negeri Union atau tanah jajahan Singapura selama 15 tahun, rakyat British juga boleh mendapatkan kerakyatan tanpa menghilangkan kerakyataan British, dan mereka yang mengangkat sumpah setia kepada Malayan Union, lihat U. M. N. O, yang ke 10 Tahun, hal. 13.

²¹³ Antara pertubuhan yang hadir dan seterusnya menubuhkan UMNO ialah Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, Persatuan Melayu Keluang Johor, Kesatuan Melayu Johor, Kesatuan Melayu Kedah, Seberkas Kedah, Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan, Persatuan Melayu Kelantan, Pergerakan Semenanjung Melayu Melaka, Kesatuan Melayu Melaka, Persatuan Melayu Negeri Sembilan, Persatuan Wataniah Pahang, Persekutuan Guru-guru Melayu Pahang, Persatuan Melayu Seberang Perai, Kesatuan Melayu Pulau Pinang, Perikatan Melayu Perak, Persetiaan Melayu Cendering, Persekutuan Melayu Malim Nawar, Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor, Persatuan Melayu Selangor, Ikatan Setia Kg Baru, Dewan Perniagaan Melayu Malaya, Peranakan Penang Club, Persatuan Penghulu Selangor, Persatuan Guru Selangor, Darul Ehsan Club, Persatuan Kaum Ibu Selangor, Persekutuan Melayu Ulu Selangor, Persekutuan Boyan Selangor, Persekutuan Melayu Sabak Bernam, Kaum Darat Selangor, Persatuan Melayu Jawatan Rendah Selangor, Kesatuan Melayu Singapura, Persatuan Melayu Terengganu, Parti Kebangsaan Melayu Melayu. Lihat Ramlah Adam, op.cit., hal. 9 - 11.

²¹⁴ Ramlah Adam, ibid, hal. 15.

Melayu memulaukan hari perhimpunan perlantikan Gabenor *Malayan Union*.²¹⁵ Slogan 'Umat Melayu Bersatu' dijadikan teras kepada penubuhan UMNO.²¹⁶

Bermula dari detik itu segala penentangan kepada *Malayan Union* dikendalikan oleh UMNO²¹⁷. Kerana itu ada pengkaji sejarah seperti Ramlah Adam melihat perjuangan UMNO pada peringkat awal bertujuan semata-mata menentang *Malayan Union* dan memperjuang hak kedaulatan orang-orang Melayu.²¹⁸ Pendapat yang sama juga telah disokong oleh Presiden kelima UMNO, Mahathir Mohamed²¹⁹ dan Timbalan Presiden UMNO Anwar Ibrahim.²²⁰ Memang sejarah menyaksikan kehebatan UMNO awal ini menentang gagasan *Malayan Union*. Tetapi tuntutan UMNO itu tidak mendasar, cuma sekadar kembali kepada status 1941, dan bukan mencapai kemerdekaan. Kerananya Inggeris dapat menyesuaikan diri dengan tuntutan-

²¹⁵ Negara Kita Sejarah dan Dasar-dasar Pembangunan, Kuala Lumpur: Institut Tadbir Awam Negara, 1989, hal. 47.

²¹⁶ Selaku pengurus perhimpunan Dato Onn Jaafar mengatakan: "adapun maksud dan tujuan kita itu ialah keyakinan diri kita bahawa nasib bangsa kita hanyalah akan dapat diperkenalkan dengan kesatuan hati di antara kita, juga dengan kesatuan kebangsaan kita hanyalah dipelihara dengan berpegang teguh kepercayaan yang lebih besar... kita hendak meninggikan dan memelihara maruah serta kesopanan bangsa kita, kita berkehendakkan supaya tanah air dan bangsa kita ini terselamat dan kuat, keadaan itu hanya boleh kita buat jika kita bersatu padu". Lihat UMNO 10 tahun, hal. 26, 27, 28.

²¹⁷ UMNO, 20 tahun, hal. 37 - 38.

²¹⁸ Tun Dr Ismail mengungkapkan: "UMNO adalah parti yang jujur memperjuangkan hak Melayu tanpa membelakangkan konsep multi-racial negara dan kepentingan kaum-kaum lain. Dengan sebab itulah program yang boleh diterima oleh semua golongan sekalipun ada setengah-setengah golongan pembangkang UMNO bersifat communal dalam bentuknya". lihat Tun Dr Ismail, Tindakan baru Pemuda dan Wanita UMNO, dlm. Perjuangan Suci UMNO, suntingan A Karim Hj Abdullah, Kuala Lumpur: Bookmark Enterprise, 1993, hal. 12.

²¹⁹ Abdul Karim Abdullah. ibid, hal. 28.

²²⁰ UMNO pada asasnya ditubuhkan untuk membela dan memelihara kepentingan bangsa Melayu dengan tidak melupakan dan mengenepikan kaum bukan Melayu. Lihat Anwar Ibrahim, UMNO: Wadah Perjuangan Abad 21, dlm. UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan, Kuala Lumpur: Mahur Publication, Sdn Bhd, 1993, hal. 23.

tuntutan itu. Sikap sedemikian tidaklah dikira sebagai anti-penjajah, walaupun ada yang menyatakan demikian. Menurut Khong Kim Hoong:

*However, it should be noted that while this strand of Malay nationalism grew in scope in response to British policy, it was not anti-British. These protest against the Malayan Union led by the upper class Malays did not challenge the basic principle of British colonial rule in the country. At no time did they demand that the British withdrew from Malaya. The protests were always accompanied by assurances that they wanted the British to remain in the country.*²²¹

Corak penentangan yang lunak itu, tidak menghairankan maka British bersedia berunding dengan UMNO dan raja-raja Melayu. Perbincangan ini menghasilkan terbentuknya perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.²²² Bahkan ketika British mengumumkan darurat pada June 1948 dan melarang wujudnya kegiatan politik, tetapi UMNO diperbolehkan bergerak sehingga petang politik Melayu di Tanah Melayu menjadi monopoli UMNO.²²³

Selain dari memperjuangkan hak orang Melayu, UMNO juga memperjuangkan agama Islam. Perlembagaan UMNO telah menyenaraikan sebelas tujuan ia ditubuhkan. Salah satunya adalah bertujuan untuk mempertahan agama Islam.²²⁴ Walaupun perlembagaan UMNO sejak

²²¹ Khong Kim Hong, Dr., Merdeka British Rule and the Struggle for Independence in Malaya 1945 – 1957, Kuala Lumpur: Insan, 1984, hal. 84. Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh Hua Wu Yin, Class Mommunalism in Malaysia: Politics in a Dependent Capitalist State, London : Zed Book Store, 1983, hal. 80.

²²² Zainal Abidin Abdul Wahid, Sejarah Malaysia Sepintas lalu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972, hal. 124 – 129.

²²³ Ibid., hal 157 - 153.

²²⁴ Fasal 2 darihal Tujuan: 1. Mengelolakan dan menjalankan di Malaya sebuah pertubuhan siasah yang sempurna yang dijadikan punca bagi menjalankan kerja dengan bermuafaka dan bersatu padu. 2. Menjalankan ikhtiar dan langkah dengan tujuan mendirikan kerajaan yang memerintah dengan merdekaan di Malaya. 3 Memajukan faedah orang-orang negeri dan khasnya ahli UMNO dalam hal yang berkaitan dengan perkara siasah dan kebijakan hidupnya serta kebudayaannya dan iktusasnya. 4. Membuktikan dengan seberapa yang terdaya akan asas yang dipersetujukan oleh Majlis Agung UMNO dari satu ke satu masa. 5. Menubuh dan mengelolakan bahagian-bahagian UMNO bersama-sama dengan cawangannya serta menyatukan pekerjaannya. 6. Menubuhkan dan mengelolakan perikatan pemudaan UMNO bersama dengan cawangannya serta menyatukan pekerjaannya. 7 Mendapatkan orang-orang yang

ditubuhkan telah mengalami banyak perubahan, tetapi tujuan dan aspirasinya tidak berubah dari aspek keinginan mempertahankan dan memperjuangkan agama Islam.²²⁵

Ramlah Adam, membahagikan sejarah perjuangan UMNO kepada empat tahap. Tahap pertama ialah terhadap perjuangan menentang *Malayan Union* dan membebaskan negara daripada British. Kedua ialah menuntut kemerdekaan dan kerajaan sendiri. Tahap ketiga adalah tahap proses mengisi erti kemerdekaan dengan pembangunan negara. Tahap keempat ialah tahap memperkuatkan pengisian kemerdekaan iaitu melanjutkan usaha-usaha pembangunan negara.²²⁶ Berdasarkan kepada perlembagaan UMNO, perjuangannya

ditentukan supaya diangkat menjadi ahli bagi sebuah Majlis Mesyuarat Kerajaan atau Jemaah anggota kerajaan yang lain di Malaya sama ada dengan dipilih seseorang itu ataupun dengan diundiakan oleh orang-orang negeri. 8 Menjalankan bersama-sama dengan kumpulan lain satu pertubuhan di Malaya atau di sebuah negeri di Malaya itu sebarang ikhtiar atau langkah berkenaan dengan hal siasah atau lain-lain yang sesuai dengan undang-undang tubuh UMNO itu. 9. Menjalankan bersama-sama dengan pertubuhan bangsa-bangsa lain barang ikhtiar atau langkah bagi mengalakkan dan memelihara perhubungan berbaik-berbaik antara bangsa-bangsa itu sama ada di seluruh Malaya ataupun di sebuah negeri di Malaya itu. 10 *Mengutamakan agama Islam dan menjalankan segala ikhtiar bagi mengembangkan agama yang maha suci itu* dan 11. Amnya menjalankan sebarang ikhtiar atau langkah yang diharuskan bagi membuktikan sebarang daripada tujuan-tujuan yang tersebut di atas ini. *Perlembagaan UMNO 1949*. Lihat Ramlah Adam, Dato Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan, Kuala Lumpur: Dewan Bahawa dan Pustaka, 1993, hal. 401 - 402.

²²⁵ Perlembagaan UMNO [Baru] 1994 telah meluluskan beberapa tujuan antaranya:

- Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara
 - Mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara, Perlembagaan Negeri-negeri dan Raja Berperlembagaan.
 - Menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama.
 - Mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi Berperlimen serta memajukan ekonomi rakyat Melayu dan Bumiputera khasnya dan rakyat Malaysia amnya.
 - Menjamin kedudukan Bahasa Kebangsaan [Bahasa Melayu] sebagai bahasa resmi yang tunggal dan kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kebudayaan Melayu,
 - Mewujudkan kerjasama antara kaum bagi melahirkan satu bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu berasaskan kepada Hak-hak Asasi Manusia dan Hak-hak Istimewa Orang Melayu dan Bumiputera.
- Lihat *Perlembagaan UMNO* [baru], hal. 1 - 2. 1994

²²⁶ Kenyataan ini dapat diambil daripada kata-kata Dato Onn Jaafar: 'setelah selesai perjuangan menghapuskan Malayan Union ini maka UMNO telah melangkah masuk babak perjuangan baru iaitu perjuangan mengemas kinikan susunan pentadbiran parti dan mengisi perlembagaan baru Tanah Melayu dalam menuju cita-cita kebangsaan dan kemerdekaan tanah air'. Lihat Senu Abdul Rahman, UMNO 20 Tahun, hal. 41. Lihat Ramlah Adam, UMNO: Organisasi dan Kegiatan-kegiatan 1946 - 51, op.cit., hal. 18.

berasaskan kepada nasionalisme Melayu dan tidak meletakkan Islam sebagai ideologi politik. UMNO berpandangan fahaman nasionalisme tidak bertentangan dengan agama; baginya semangat cinta akan bangsa adalah sifat semula jadi manusia. Oleh kerana UMNO tertubuh dalam suasana menentang *Malayan Union* yang memerlukan kesatuan dan perpaduan umat, jalan yang paling berkesan adalah meniupkan semangat cintakan negara dan bangsa di kalangan orang Melayu. Semangat nasionalisme telah menyatukan dan mempengaruhi orang-orang Melayu untuk menuntut kemerdekaan. Tunku Abdul Rahman mengatakan:

*sebagai sebuah negara baru dengan keadaan rakyat yang berbilang bangsa, semangat kebangsaan [national spirit] dan keperibadian kebangsaan [national character] mesti ditanam dan dipupuk kerana ia merupakan alat bukan sahaja mencapai perpaduan tetapi juga menegakkan kebangsaan dan kehormatan national’.*²²⁷

Faham kebangsaan yang difahaminya agak berbeza daripada faham perkauman [*asabiyah*]. Bagi UMNO, faham kebangsaan bukan sahaja memperjuang hak-hak orang Melayu tetapi juga hak-hak kaum lain yang tinggal di Tanah Melayu²²⁸. Senu Abdul Rahman selaku Setiausaha Agung UMNO menjelaskan bahawa: “di dalam menuntut supaya hak-hak orang Melayu dikekalkan, UMNO sekali-kali tidak menafikan hak golongan-golongan bangsa lain yang telah menjadi warganegara Malaysia. Bagi Senu Abdul Rahman UMNO tidak ada niat untuk menafikan persamaan hak di antara warganegara Malaysia yang telah diakui dalam Perlembagaan.²²⁹ Faham kebangsaan yang diyakini oleh UMNO suatu yang luas dan dapat dan fleksibel dengan keadaan dan perubahan dari masa ke masa. Bagi UMNO dasar fleksibel

²²⁷ Senu Abdul Rahman, UMNO 20 Tahun, op.cit., hal. 23.

²²⁸ Ramlah Adam, op.cit., hal. 18.

²²⁹ Senu Abdul Rahman, op.cit., hal. 54.

ini telah membolehkannya berkerjasama dengan parti politik bukan Melayu, seperti MCA dan MIC.²³⁰

UMNO yakin dengan dasar dan falsafah ini, kerana ia mampu membina kekuatan bangsa dan negara. Setiausaha Agung UMNO Senu Abdul Rahman, begitu yakin bahawa dasar ini sahaja satu-satu dasar yang realistik dan paling sesuai untuk dijadikan asas pembentukan dan perpaduan bangsa serta keamanan Malaysia.²³¹ Justeru itu beliau telah memperkenal dasar '*Demokratik Nasionalisme*' atas tujuan untuk menyatukan masyarakat berbilang kaum. Pada Senu Abdul Rahman, dasar ini membolehkan persetujuan dicapai dengan jalan perundingan dan tolak ansur antara kaum dalam membangunkan negara²³².

UMNO dikritik oleh pembangkang kerana mengekalkan dasar tersebut lantaran ia dikatakan tidak mempunyai ciri-ciri universal, dan tidak mempunyai falsafah dan ideologi perjuangan yang jelas berbanding dengan parti PAS. Namun UMNO tetap berpendapat mereka mempunyai ideologi, cuma mereka tidak mahu menonjolkan ideologinya. Sikap ini diambil untuk mengelak daripada pergeseran ideologi dengan parti-parti gabungan dalam Barisan Nasional, dan untuk membolehkan kerjasama dengan parti-parti yang berlainan ideologi.

Ini diperakui oleh para pejuang UMNO seperti apa yang diperkatakan oleh Senu Abdul Rahman:

*Pertubuhan ini adalah berdasarkan kebangsaan atau nasionalisme dan inilah perjuangan yang menjadi dasar perjuangan UMNO, dan nasionalisme yang diperjuangkan oleh UMNO ini ialah satu faham kebangsaan yang luas yang bermakna tidak terkongkong kepada satu-satu aliran atau kepada satu-satu masa dengan kebangsaan yang luas itu dimaksudkan ialah faham kebangsaan yang dapat diasaskan dengan perubahan-perubahan, dengan keadaan-keadaan dan kehendak-kehendak masa dan rakyat Malaysia.*²³³

²³⁰ Ibid.

²³¹ Ibid. hal. 52.

²³² Ibid. hal. 54.

²³³ Ibid. hal. 50.

Kenyataan di atas memperlihat UMNO adalah sebuah parti yang mempunyai dasar perjuangan pragmatis dan liberal yang boleh diubahsuai mengikut kehendak keperluan semasa. Pendekatan yang dibawa oleh UMNO dalam memperjuangkan hak dan kedaulatan Islam berasaskan kepada nilai kesederhanaan dan pragmatisme. Tafsiran faham kesederhanaan dan pragmatisme UMNO longgar dan bebas, akibatnya UMNO dilihat oleh banyak pihak sebagai sebuah parti politik yang tidak mempunyai pendirian yang jelas, tegas dan mantap khususnya dalam cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam. UMNO selalunya berubah dari semasa ke semasa. Perubahan ini diperakui oleh pemimpinnya seperti Mahathir Mohamad Perdana Menteri keempat seperti katanya:

*UMNO tetap berubah pada tiap-tiap kali kepimpinannya berubah, UMNO di bawah kepimpinan Dato Onn Jaafar berbeza daripada UMNO di bawah pimpinan YM Tunku Abdul Rahman, yang berbeza pula UMNO di bawah Tun Abdul Razak yang berbeza dari UMNO di bawah YAB Dato Hussein Onn. Tetapi perbezaan ini adalah perbezaan stil, pendekatan dan perbezaan tekanan dan sikap. Namun prinsip asas perjuangan tidak berbeza dan UMNO masih UMNO yang ditubuhkan 32 tahun lalu*²³⁴

UMNO percaya perjuangan sederhana dan pragmatisnya telah dapat diterima oleh semua pihak terutama golongan bukan Melayu. Tetapi dengan dasar itu UMNO mampu menguasai senario politik negara sejak merdeka. UMNO mempunyai pertimbangan dan sebab tersendiri dalam membuat perhitungan untuk memilih dasar berkenaan, sebagaimana disebut oleh Mahathir Mohamad:

Kesederhanaan UMNO bukan disebabkan oleh kurang keberanian tetapi berasaskan kepada perhitungan yang waras yang tidak dikongkong oleh perasaan dan nafsu. Kesederhanaan UMNO adalah kesederhanaan yang mengutamakan

²³⁴ Lihat ucapan Mahathir Mohamad Selaku Naib Presiden UMNO pada perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita UMNO, di Dewan Bahasa dan Pustaka, Utusan Malaysia 14 Sept 1978, hal. 4.

*kejayaan perjuangan untuk agama, bangsa dan tanah air lebih dari kepuasan hati.*²³⁵

Dasar pragmatis dan sedarhana UMNO meliputi semua bidang, sama ada bidang politik, ekonomi malah dalam menentukan dasar perundangan Islam.²³⁶ Dasar ini tetap dipertahankan, dan UMNO beranggapan dengan dasar ini ia tidak akan dilihat sebagai golongan pelampau agama dan perkauman Melayu. Dari dasar inilah UMNO telah mencari dan membentuk keharmonian kaum di Malaysia. Tunku Abdul Rahman mengatakan:

*sebenarnya UMNO ini bukan parti politik menanamkan dasarnya sebagaimana parti politik yang kita ketahui, ada kiri [labour] dan ada yang kanan [Conservative] dan ada yang tengah [Liberal] UMNO ini parti politik yang menjalankan dasar dan tugasnya yang didapati sesuai dengan aliran zaman dan kecenderungan orang-orang Melayu khasnya dan warganegara Malaysia umumnya.*²³⁷

Sambungnya lagi:

*kami bersedia menerima apa sahaja yang kami benar-benar fikir baik dan berfaedah dari segi politik dan sosial.. tidak ada bahagian yang tidak boleh ditembusi dalam dasar kami... dalam parti saya kami berada di kanan, di tengah dan di kiri mengikut apa yang diperlukan dan apa yang kami fikirkan paling baik.*²³⁸

Apa yang diperkatakan oleh Tunku ini memperlihat dasar pragmatis UMNO yang boleh mengundang pertikaian di kalangan umat Islam. Pendirian yang sama juga telah dikemukakan

²³⁵ Mahathir Mohamad, ibid., hal. 10

²³⁶ Wan Mohd Mahyiddin, op.cit., hal. 105.

²³⁷ Tunku Abdul Rahman, UMNO 20 tahun, op.cit., hal. 3.

²³⁸ Tunku Abdul Rahman, Perikatan, Jld 1, no. 14, April 1967, hal. 2. Lihat juga R S Milne dan Diana K Mauzy, Politik dan Kerajaan Malaysia, op.cit., hal. 152.

oleh para pemimpin UMNO seperti Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Mahathir Mohamad.²³⁹

Dari tahun 1941 hingga 1945, semasa Tanah Melayu di bawah pemerintahan Jepun, tidak banyak organisasi politik Melayu tumbuh. Yang ada ialah *Malayan People's Anti Japanese Army* (MPAJA) dan *All Malay Youth Congress* (AMYC). Tujuan pertubuhan ini ialah untuk menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun pada tahun 1956 AMYC dibubarkan dan ahlinya sama ada masuk UMNO atau *Parti Rakyat (People's Party)*.²⁴⁰

Nasionalisme radikal yang ditunjangi peranannya oleh *Kesatuan Melayu Muda* [KMM] bukan sekadar antikolonialisme, mereka juga antifeudalisme dan berjuang ke arah nasionalisme yang lebih luas, iaitu nasionalisme Nusantara. Tokoh utamanya ialah Ibrahim Hj Yaacob. Menurut A Samad Ahmad, KMM didirikan tidak sahaja sebagai saingan, bahkan sebagai tentangan terhadap organisasi-organisasi Melayu yang telah ada di beberapa buah negeri, kerana organisasi Melayu itu bergerak secara kooperatif dengan pemerintah, yang mengharapkan perlindungan, dan takut menentang penjajah Inggeris. Sikap KMM jelas tidak berkerjasama malah menentang kekuasaan penjajah. Bagi Ibrahim Yaacob, UMNO adalah parti kaum raja yang membela hak kaum raja dan menuntut kemerdekaan untuk mengembalikan hak kedaulatan raja-raja Melayu.²⁴¹ Sementara Ishak Haji Muhammad seorang tokoh gerakan nasionalis menyindir kaum feudal yang terlalu berlembut dan lemah sehingga mudah diperalat dan ditipu oleh Inggeris, Cina dan India. Mereka gemar berfoya-foya, berjudi dan memelihara gundik sehingga berhutang kepada tauke-tauke Cina.²⁴² Ishak juga mengkritik UMNO kerana

²³⁹ Mahathir Mohamad, *op.cit.*, hal. 10.

²⁴⁰ Ada di kalangan ahli AMYC memasuki *Parti Rakyat* kerana tidak bersetuju dengan UMNO mengendalikan urusan kemerdekaan, dan menganggap UMNO pro-British. Lihat N J Funston, *op.cit.*, hal. 40.

²⁴¹ Ibrahim Hj Yaacob, *Sekitar Malaya Merdeka*, Jakarta: Kesatuan Malaya Merdeka, 1957, hal. 66.

²⁴² Abdul Latif Abu Bakar, *Ishak Haji Muhammad Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1977, hal. 76 – 80.

organisasi ini mengekalkan status quo raja-raja Melayu. Baginya kaum feudal bersikap mementingkan diri sendiri dan hanya bersenang-senang dalam hidup dan mematuhi penjajah, sedangkan rakyat jelata hidup miskin dan malarat.²⁴³

Gerakan nasionalisme radikal ini tidak menolak feudalisme sepenuhnya. Burhanuddin al-Helmy misalnya dalam ucapan beliau di *Kongres Parti Rakyat Malaya* 1955 menegaskan:

*Saya harus mengatakan bahawa corak konstitusi yang kita kehendaki atau menurut perjuangan kita pada tahap sekarang ini, tidak mengusik kedudukan raja-raja Melayu. Duli Yang Maha Mulia itu adalah lambang persatuan negeri. Mereka jelas berdaulat dalam negerinya.*²⁴⁴

Pada 14 March 1948, parti *Hizbul Muslimin* ditubuhkan untuk berjuang ke arah terbentuknya Negara Islam. Kewujudan ini telah menimbulkan persaingan dengan Dato' Onn yang ingin mengekalkan konsep negara nasionalis yang direstui oleh Inggeris. Menurut wartawan Mokhtar Petah:

*Saya masih ingat, Allahyarham Dato' Panglima Bukit Gantang dalam pertemuan dengan saya memberitahu bahawa kejayaan UMNO yang didirikan oleh Dato Onn menentang Malayan Union serta menghancurkan menegakkan Negara Islam di Tanah Melayu. Dia dan rakan-rakannya memandang bahawa Malayan Union, sama besar bahayanya dengan gerakan menegakkan Negara Islam oleh parti Hizbul Muslimin.*²⁴⁵

Apabila *Hizbul Muslimin* diharamkan pada 1946, ada di kalangan anggotanya masuk UMNO dan organisasi-organisasi yang telah wujud ketika itu. Namun pada tahun 1951 sebahagian Jawatankuasa Agama UMNO yang tidak bersetuju dengan dasar nasionalisme

²⁴³ *Ibid.* hal. 103 – 105.

²⁴⁴ Kamaruddin Jaafar [penyusun]. Dr Burhanuddin al-Helmy: Politik Melayu dan Islam, Kuala Lumpur: Yayasan Anda, 1980, hal. 141.

²⁴⁵ Mokhtar Petah, Pandang Tembus: Penerapan Nilai Islam, Imami, no. 7, thn 1, Julai 1990, hal. 11.

UMNO, telah keluar dan menubuhkan *Pan-Malayan Islamic Party* atau PAS. Kemunculan Parti PAS dalam arena politik Muslim di Tanah Melayu memberi ruang kepada golongan yang cenderung memperjuangkan Islam sebagai dasar dan ideologinya melalui medan politik. Menurut Ahmad Kamar Abdul Rahman, perjuangan PAS bukanlah bertitik tolak daripada parti *Hizbul Muslimin* yang diharamkan oleh pihak penjajah, tetapi ia berakar umbi daripada usaha alim ulama yang memperjuangkan Islam yang dipelopori oleh gerakan Islah dan Tajdid yang di sekolah-sekolah pondok.²⁴⁶ Gerakan ini bukan sahaja bertujuan untuk mendapatkan kuasa politik, tetapi juga untuk menyebarkan ideologinya di kalangan masyarakat Melayu.²⁴⁷

Cetusan idea kepada penubuhan PAS berlaku semasa persidangan alim Ulama pertama di Johor Baharu anjuran UMNO pada Februari 1951. Persidangan itu menampakkan satu aliran idea yang tidak seimbang dan sealiran dengan apa yang hendak dibawa oleh UMNO. Ini dapat dilihat apabila persidangan itu telah mengambil keputusan untuk menubuhkan *Persatuan Ulama SeTanah Melayu* yang bebas daripada pengaruh politik.²⁴⁸ Keputusan ini sebenarnya satu bibit pengasingan peranan ulama dengan gerakan politik, apabila ulama sudah tidak senang dan serasi dengan aliran pemikiran nasionalisme kepimpinan UMNO yang mengenepikan Islam.²⁴⁹

Sejak ditubuhkan, PAS bercita-cita untuk menegakkan Negara Islam. Ini jelas disebut oleh Dr Burhanuddin Helmi Yang dipertua PAS dalam Muktamar pada 24 Ogos 1957. Katanya: Islam menjadi agama rasmi dalam ertikata yang betul mengikut ajaran al-Qur'an dan al-

²⁴⁶ Ahmad Kamar Abdul Rahman, Parti Islam SeMalaysia di Peringkat Negeri [Kedah] dan di Peringkat Kawasan [Kubang Kerian]: Satu Kajian tentang Agama, Politik dan Kepimpinan, Thesis Ph.D, Universiti Malaya, 1984, hal. 175.

²⁴⁷ Nakha e Hj Ahmad, "Gerakan Islam di Malaysia dan Pengalaman dalam Politik", Kertas Kerja yang dibentangkan di Simposium politik, anjuran *Malaysian Islamic Group*, Amerika Syarikat, 1987.

²⁴⁸ Y Mansor Marican, The Political Accommodation of Primordial Parties: The DMK [India] and The PAS [Malaysia], Thesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, 1974, hal. 186.

²⁴⁹ Shafie Ibrahim, The Islamic Party of Malaysia its Formative and Ideology, Kelantan: Nawawi Ismail, 1981, hal. 26.

"Sunnah".²⁵⁰ Ideologi ini dipertahan dan diperkokoh dari semasa ke semasa. Kata Yusof Rawa Presiden keempat PAS:

*PAS mempunyai hasrat dan cita-cita murni mahu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, walaupun masyarakatnya berbilang bangsa. Sebabnya ialah kita percaya bahawa semua makhluk di dunia ini adalah ciptaan Allah, oleh itu undang-undang-Nyalah yang semestinya kita ikuti.*²⁵¹

Pada 1983, PAS meminda perlembagaan dengan memberi tumpuan kepada kepimpinan ulama. Di bawah kepimpinan ulama, ideologi PAS diperkokohkan dengan memperjuangkan Islam secara menyeluruh tanpa mengira bangsa dan agama, dan menolak nasionalisme yang didokongi oleh UMNO. Kata Yusof Rawa:

*Faham kebangsaan hanya akan menimbulkan kesombongan sesuatu bangsa untuk menindas bangsa lain. Faham ini dipupuk oleh pemerintah disebabkan tamakkan kuasa.*²⁵²

PAS bercita-cita untuk menghidupkan kesedaran Islam yang tulin, menghidupkan undang-undang Islam dan mahukan sebuah negara Islam yang berdasarkan kepada kepimpinan ulama.²⁵³ Hasrat ini jelas diperlihat dalam manifesto pilihanraya 1986 PAS negeri Kelantan antara lain menyebut keinginannya untuk meminda undang-undang Perlembagaan Negeri

²⁵⁰ Halim Mahmood, Asri Dalam Delima, Kuala Lumpur: Interpress, t. t, hal. 35 – 37.

²⁵¹ Panji Masyarakat, Kuala Lumpur: Penerbit Panji Masyarakat Jalan Pantai Baru, Mac 1983, hal. 52

²⁵² Yusof Rawa, "Mengempur Pemikiran Asabiyah". Ucapan Dasar Muktamar Agung PAS kali ke- 30, pada 13 April 1984, hal. 14

²⁵³ Lihat Abdul Ghani Ismail, Muzakarah UMNO dan PAS, Kuala Lumpur: Pustaka Islam Sdn Bhd, 1987 hal. 34. Lihat juga Ibrahim Ahmad, Konflik UMNO PAS Dalam Isu Islamisasi, Petaling Jaya: Buku Sdn Bhd, 1987, hal. 55.

sesuai dengan kehendak Islam, mengemukakan undang-undang dan peraturan dalam bidang kehidupan manusia, menguatkuaskan undang-undang Islam di seluruh negeri dengan tidak meletakkan perbezaan atas sebab berlainan keturunan, bangsa dan agama dan akan merombak dengan menyusun semula sistem kehakiman yang berjalan dalam negeri Kelantan.²⁵⁴

Satu lagi aspek yang menjadi pertikaian antara UMNO dengan PAS ialah kerjasama politik antara Muslim dengan bukan Muslim yang didokongi oleh UMNO. Sejarah memperlihatkan pada peringkat awal penubuhannya, PAS menutup pintu untuk berkerjasama dengan golongan bukan Islam. Antara faktor jabatan Agama UMNO keluar daripada parti tersebut dan menuhubukan PAS kerana keengganahan anggota dalam Jabatan Agama membuka keanggotaan kepada golongan non-Muslim.²⁵⁵ Sikap PAS ini dilihat oleh Khoo Kay Kim telah menakutkan orang bukan Muslim dan melebalkanya sebagai parti Muslim yang fanatik dengan semangat keMelayuannya.²⁵⁶

Walau bagaimanapun pada dekad 70-an, PAS merombak dasar tidak berkerjasama dengan non-Muslim, malah mereka memperakui kegagalan PAS dalam banyak pilihan raya kerana mereka gagal mendekati golongan ini.²⁵⁷ PAS mula membuka pintunya berkerjasama dengan parti non-Muslim apabila mereka bersedia mengabungkan diri dalam kerajaan campuran Barisan Nasional 1973. Mohamad Asri Hj Muda Yang dipertua ketiga PAS, menyatakan antara faktor PAS menyertai kerajaan Barisan Nasional ialah untuk menentukan survival bangsa Melayu dan Bumiputera sesudah berlakunya insiden 13 Mei 1969.²⁵⁸ PAS mula berusaha

²⁵⁴ Lihat Manifesto Parti PAS bagi Pilihan raya 1986, Pejabat Penerangan PAS, hal. 5

²⁵⁵ Lihat Alias Mohamed, PAS's Platform Development and Changes 1951 – 1986, Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd., 1994, hal. 29.

²⁵⁶ Wawancara dengan Khoo Kay Kim, Dr. di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya pada 4 ogos 1997.

²⁵⁷ Yusof Rawa, Ucapan Dasar PAS ke- 30, op.cit. hal. 25.

²⁵⁸ Abu Bakar Hamzah, Parti PAS Dengan Tahalluf Siyasinya, Kuala Lumpur: Media Cendiakiawan, 1992, hal. 20 – 21.

berkerjasama dengan golongan non-Muslim secara terus apabila mereka menandatangani MoU [*Memorandum of Understanding*] dengan *The Chinese Consultative Council* [CCC] pada tahun 1986. Walaupun mengadakan MoU dengan CCC, PAS tidak meninggalkan prinsip perjuangannya untuk menegakkan negara Islam. Ini dapat dilihat dari kenyataan Hasan Salleh, seorang jawatankuasa PAS Pusat seperti katanya:

*Kita bersyukur dengan ahli jawatankuasa CCC yang bersedia untuk menerima negara Islam melalui PAS*²⁵⁹

Gagasan idea memperjuangkan Islam ini bukan lahir secara spontan tanpa ada susurgalur yang meransangnya. Peranan ulama yang mengungguli institusi pondok telah berfungsi mengikut lunas-lunas yang telah mereka gagaskan. Ulama bukan sahaja dilihat sebagai penyampai ilmu dan mendidik masyarakat, tetapi juga telah turut berkecimpung dalam sistem pemerintah. Mereka acapkali lahir sebagai manusia penentu, pembuat-dasar dan perancang sosial, yang kadangkala berfungsi di rumah atau dari rumah mereka.²⁶⁰ Umpamanya *Kesatuan Melayu Muda* [KMM] di antara kesatuan yang terawal memfokuskan gerakan mereka kepada kepartian Muslim, pada 1940 telah menujuhkan cawangannya di *El Ehya al-Sharif* di Gunong Semanggol. Antara ahli jawatankuasa yang dipilih daripada *Madrasah El Ehya* ialah ustaz Osman Hamzah sebagai Timbalan Pengerusi, Sabri Abdul Kadir Setiausaha, Ahmad Mahir, Yahya Nasir.²⁶¹ Selain memberi sumbangan dalam gerakan politik Muslim, sebahagian penghuni *Madrasah Ehya* telah menterjemahkan pemikiran dan kefahaman ilmu mereka dalam tulisan-tulisan melalui surat khabar seperti *Utusan Melayu*, *Warta Negara* dan

²⁵⁹ Watan, Sabtu 16 – 18 Ogos 1986, hal. 3. Rujuk juga wawancara saya dengan Nakha ie Hj Ahmad. di Pusat Islam, pada 29 Ogos 1997.

²⁶⁰ Muhammad Abu Bakar, op.cit., hal. 16.

²⁶¹ Lihat Nabir Hj Abdullah. Ma'ahad Il-Ehya Asshariff Gunong Semanggol 1934 – 1935. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1978, hal. 77 – 78.

Warta Kinta. Antara penyumbang dalam penulisan itu ialah Osman Hamzah, Harun Fahmi, Yahya Nasir dan Sulaiman Najib.²⁶²

Berdasarkan kepada huraian di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa kewujudan parti-parti politik Muslim berpunca daripada dasar Inggeris di Tanah Melayu, yang tidak seimbang, dan tidak adil kepada penduduk tempatan. British lebih mengutamakan masyarakat pendatang dalam pengagihan kekayaan negara. Muhajir Cina ditempatkan di bandar-bandar besar yang membangun dan lengkap dari aspek infrastruktur dan kemudahan²⁶³ dan dominan dari segi pembangunan ekonomi, sosial dan pendidikan. Ketidakseimbangan ini mendorong orang Melayu bersatu dan membangunkan organisasi sendiri.²⁶⁴ Disebabkan oleh sensitiviti dan pengaruh faham agama, masyarakat Melayu tidak senang dengan tindak-tanduk dan perbuatan orang-orang Inggeris yang bertentangan dengan adat dan resam masyarakat Melayu. Konflik pegangan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan guru agama yang mengajar di pondok-pondok²⁶⁵. Mereka telah mempengaruhi orang Melayu supaya menentang penjajah, dengan alasan bahawa British membina sekolah-sekolah Kristian adalah bertujuan untuk mengkristiankan orang-orang Melayu²⁶⁶. Sehingga ada di kalangan orang Melayu tidak mahu menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah Inggeris. Apabila pelajar-pelajar itu kembali ke tanah air mereka telah menubuhkan satu gerakan reformis (pembaharuan) yang lebih terkenal dengan panggilan kaum muda. Gerakan *Kaum Muda* adalah *Kumpulan Pemuda* yang radikal

²⁶² *Ibid.*, hal. 73.

²⁶³ Lihat N J Funston, *op. cit.*, hal. 27 - 29

²⁶⁴ SITC yang ditubuhkan pada 1922 telah melatih guru-guru Melayu yang lulus *secondary level*. Lihat, Malaya Merdeka, June 2, 1955 (FMDPS), N J Funston, *ibid.*, hal. 33. Md Atan Bulat, Peranan Guru-guru Melayu dalam Perjuangan Mencipta Kemerdekaan Tanah Air dalam Persekutuan Guru-guru Melalu Selangor, Bingkisan Merdeka, 1957, hal. 33.

²⁶⁵ Lihat Muhammad Bakar, Ulama Terangganu : Satu Sorotan, *op. cit.*, 6 - 7.

²⁶⁶ Muhammad Abu Bakar, *ibid.* Lihat juga N J Funston, *op. cit.*, hal. 28

memperjuangkan hak dan nasib orang-orang Melayu.²⁶⁷ Walaupun perkara ini tidak diingini oleh British, generasi muda sedar nasib bangsanya perlu diperjuangkan terutama dari aspek pendidikan, ekonomi dan ilmu yang jauh ketinggalan daripada bangsa-bangsa lain. Golongan inilah yang menerokai perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu, sehingga terbentuk satu pertubuhan yang menyokong gagasan itu iaitu *Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) 1945*²⁶⁸.

2.3.1 Parti Politik Muslim dalam Parlimen

Perlembagaan boleh diubah dengan suara majoriti dua pertiga di Parlimen. Ini memberi implikasi besar kepada cita-cita melaksana undang-undang Islam di Malaysia. Walaupun Malaysia dikuasai oleh kerajaan Barisan Nasional yang didominasi oleh parti politik Muslim iaitu UMNO, ini belum pasti memungkinkan pelaksanaan undang-undang Islam dapat dilakukan, kerana undang-undang yang hendak dilaksanakan mesti mendapat kelulusan dua pertiga ahli Parlimen.

Melihat kepada keputusan pilihan raya sejak merdeka iaitu tahun 1959 dan pilihan raya-pilihan raya seterusnya, kerusi yang dimenangi oleh orang Muslim sama ada pihak pemerintah iaitu UMNO dan parti pembangkang iaitu PAS belum dapat memenuhi kouta dua pertiga majoriti di Parlimen. Pilihan raya pertama tahun 1959, UMNO mendapat 52 kerusi dan PAS mendapat 13 kerusi iaitu 64 kerusi daripada 104 kerusi. Ini bermakna jumlah kerusi yang dimenangi oleh calon Muslim belum sampai suara majoriti dua pertiga. Tahun 1964 daripada 104 kerusi parlimen yang dipertandingkan, UMNO mendapat 59 kerusi dan PAS mendapat 9 kerusi bersamaan 68 kerusi, iaitu kurang dua kerusi daripada majoriti dua pertiga.

Pilihan raya 1969, kerusi yang dimenangi oleh orang Melayu terus merosot. Daripada 103 kerusi, UMNO mendapat 51 sementara PAS 12 kerusi iaitu 63 kerusi. Akibat tragedi 1969, parlimen digantung dan negara di bawah kuasa Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), atas

²⁶⁷ Lihat N J Funston, *ibid* hal 30 - 31

²⁶⁸ Terutama apabila Hatta dan Sukarno datang melawat Tanah Melayu. Lihat N J Funston, *ibid*, hal. 35.

kuasa-kuasa darurat. Pada situasi ini sebenarnya kerajaan boleh membuat pindaan perlembagaan malah kuasa pemerintahan boleh diserahkan kepada orang melayu sahaja.²⁶⁹ Walau bagaimanapun isu perpaduan kaum lebih penting daripada isu pelaksanaan undang-undang Islam, sudah pasti pertimbangan yang dibuat oleh kerajaan ialah melihat perkara yang lebih utama untuk diselesaikan iaitu isu perpaduan.

Pilihan raya tahun 1974 telah memperkuat kedudukan parti pemerintah menguasai Parlimen. Pada tahun ini, Barisan Nasional mendapat 119 kerusi daripada 144 kerusi yang dipertandingkan, UMNO mendapat 61 kerusi dan PAS 14 kerusi.²⁷⁰ Kedudukan kerusi yang dikuasai oleh orang Melayu pada pilihan raya kali ini ialah 75 kerusi belum cukup untuk mempengaruhi Parlimen dengan suara majoriti dua pertiga. Pilihan raya 1978 daripada 154 kerusi yang dipertandingkan UMNO memenangi 69 kerusi dan PAS 5 kerusi sahaja. Bumiputera yang beragama Islam dari Sabah memiliki 9 kerusi dan Sarawak 5 kerusi. Jumlah kerusi yang dimenangi oleh orang Melayu ialah sebanyak 88 kerusi belum cukup untuk mendapat undi majoriti dua pertiga. Undi majoriti dua pertiga diperlukan sebanyak 103 kerusi. Demikian juga dalam pilihan raya 1982 Melayu mendapat 87 kerusi daripada 154. Tahun 1986, daripada 177 kerusi yang dipertandingkan, Melayu mendapat 99 kerusi. Tahun 1990 iaitu apabila pecahan sempadan pilihan raya dilakukan daripada 180 kerusi yang dipertandingkan, Melayu mendapat 99 kerusi.

²⁶⁹ Tun Abdul Razak selaku pengurus MAGERAN pernah memberi amaran kepada masyarakat Cina dan India bahawa sekiranya mereka tidak mahu berkerjasama dan masih memainkan isu perkauman, beliau tidak teragak-agak untuk menubuhkan kerajaan sendiri di bawah kekuasaan orang Melayu sahaja. Lihat R. S Milne, op.cit., hal. 217

²⁷⁰ Kata Dato' Asri: "pilihan raya 1974 telah memberikan satu gambaran yang jelas betapa kerjasama antara PAS dan BN telah menjadi lambang kegiatan usaha-usaha perpaduan ummah yang dinantikan oleh rakyat termasuklah perlantikan beberapa ahli PAS sebagai calon BN di beberapa buah negeri yang pada adatnya jika ia bertanding atas nama sendiri, kemungkinan untuk menang amat tipis sekali. Mohd Asri Hj Muda, Politik Asri meniti Arus. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993, hal. 98

Jadual 1

Tahun	Jumlah Kerusi	UMNO	PAS/ S46	B/putera Sabah	B/putera Sarawak	Jumlah menang
1959	104	52	13			65
1964	104	59	9			68
1969	103	51	12			63
1974	154	61	14	11	5	91
1978	154	69	5	9	5	88
1982	154	70	5	9	5	87
1986	177	83	1	9	6	99
1990	180	70	15	8	6	99

Sumber : *Laporan keputusan pilihan raya Parlimen daripada Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia dari tahun 1959 hingga 1990.*

Berdasarkan analisa ini suatu perkara yang agak sukar untuk kerajaan melaksanakan undang-undang Islam melalui proses perubahan Perlembagaan di Parlimen, kerana suara majoriti kerusi orang-orang Melayu beragama Islam tidak memenuhi kehendak suara majoriti dua pertiga undi di Parlimen. Walaupun terdapat kesangsian dua pertiga majoriti ahli Parlimen Muslim belum pasti dapat menerima pelaksanaan undang-undang Islam, tetapi mewujudkan kuasa Muslim dua pertiga di Parlimen adalah mustahak untuk membolehkan undang-undang Islam diluluskan, sekiranya ada di kalangan mereka mempunyai cita-cita yang kuat.

2.4 Undang-undang Malaysia

Undang-undang Malaysia mengekalkan, malah memantapkan sistem perundangan kolonial Inggeris. Perlembagaan Malaysia yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Reid telah meluluskan bahawa undang-undang tertinggi bagi Persekutuan ialah Perlembagaan. Perkara 4 [1] menjelaskan:

Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas hari merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.

Fasal [3] menegaskan bahawa keesahan sebarang undang-undang yang telah digubal oleh Parlimen atau mana-mana Badan Perundangan Negeri hendaklah tidak dipersoalkan di atas dasar bahawa Parlimen atau Badan Perundangan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk menggubal sebarang peruntukan undang-undang, kecuali mengenai prosiding perisytiharan bahawa sesuatu undang-undang itu adalah tidak sah berasaskan alasan berkenaan atau [a] sekiranya undang-undang tersebut digubal oleh Parlimen, di dalam prosiding-prosiding di antara kerajaan Persekutuan dan sebuah atau beberapa buah kerajaan negeri; [b] sekiranya undang-undang tersebut digubal oleh badan perundangan sesebuah negeri, iaitu di dalam prosiding di antara kerajaan Persekutuan dan negeri berkenaan. Perkara 3 [4] Perlembagaan Persekutuan memperkokoh lagi undang-undang Persekutuan sebagai undang-undang utama negara.

Ini bermaksud setiap undang-undang yang hendak diluluskan dan dikuatkuasakan dalam mana-mana negeri di Malaysia mestilah tidak bercanggah dengan perlembagaan. Sungguhpun hak dan kuasa untuk menggubal undang-undang Islam diberikan kepada negeri, tetapi dengan peruntukan itu undang-undang Islam tidak boleh dilaksanakan.²⁷¹ Contoh Enakmen Jenayah Syariah 11 1993 Kelantan, iaitu undang-undang jenayah yang boleh dikenakan hukuman had, yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 1993 tidak dapat dilaksanakan kerana ia bertentangan dengan perlembagaan Persekutuan. Ada pendapat mengatakan peruntukan 4[1] tidak melibatkan undang-undang Islam sebagaimana Ahmad Ibrahim melihat peruntukan 4[1] hanya merujuk kepada undang-undang bertulis dan tidak memberi kesan kepada Undang-undang Syariah.²⁷² Tetapi pendapat itu belum mendapat tindak balas yang baik daripada Parlimen. Ini dapat dilihat dari kes Mamat Daud Iwn Government of Malaysia [1988] 1 MLJ 119. Seksyen 298A Kanun Kesiksaan telah dipertikaikan. Seksyen itu menyatakan adalah menjadi satu kesalahan jika seorang melakukan perbuatan yang boleh mendatangkan mudarat

²⁷¹ Lihat Perlembagaan Persekutuan Jadual 9 Senarai 11.

²⁷² Ahmad Ibrahim, "Islam and The Constitution", *Kertas Kerja Seminar the Malaysian Constitution After 30 Years*, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1987.

kepada orang-orang yang menganut agama Islam. Orang yang dituduh dalam kes tersebut bertindak sebagai bilal, khatib dan imam solat Jumaat di Kuala Terengganu tanpa izin.

Perkara 3 [1] telah memperuntukkan satu kedudukan yang istimewa kepada agama Islam iaitu dengan menjadikan Islam agama rasmi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh dianuti secara aman dan harmoni di mana-mana tempat di dalam Persekutuan²⁷³. Bagi memastikan kedudukan hak asasi orang bukan Islam tidak terjejas, maka Fasal [4] Perkara [3] telah memperuntu bahawa perkara berkenaan adalah setara dengan Peruntukan-peruntukan lain dalam Perlembagaan. Kebebasan beragama disebut dalam Perkara 11[1] apabila setiap warganegara mempunyai hak untuk menganut dan mengamalkan sesuatu agama yang dianutnya, dan ia adalah tertakluk kepada Fasal [4] untuk menyebarluaskanya. Fasal [4] ada menyatakan bahawa Undang-undang Negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menghadkan penyebarluasan sebarang doktrin agama atau kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam. Responden telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri [ISA] kerana dikatakan terlibat dengan rancangan mengembangkan agama Kristian di kalangan orang Melayu. Responden telah menjadi Kristian dan telah pun membawa enam orang Melayu menjadi Kristian. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berpendapat bahawa responden hanya menjalankan haknya untuk menganut dan mengamalkan agamanya yang dijamin di bawah perkara 11 [1] Perlembagaan dan memerintahkan tahanan itu tidak sah.

Banyak pendapat telah diberikan berhubung dengan pentakrifan Islam agama bagi Persekutuan. Peruntukan Islam sebagai agama Persekutuan, bukan bermakna Malaysia sebuah negara Islam. Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman dalam perbahasan Dewan Perundangan antara lain menyatakan:

²⁷³ J. De V. Allen dan rakan-rakan, 1982, op.cit, hal. 150.

*Saya ingin menjelaskan bahawa negeri ini bukan negara Islam sepetimana difahami oleh umum. Kita hanya memperuntukkan bahawa Islam menjadi agama rasmi negara.*²⁷⁴

Pemikiran yang dikemukakan oleh Tunku ini sejajar dengan apa yang ditafsirkan oleh hakim Sheridan dan Harry E Grover yang menegaskan bahawa Perkara 3(1) Perlombagaan itu tidak membawa implikasi dari segi undang-undang, dan peruntukan itu hanyalah untuk menentukan supaya adat istiadat dan upacara Persekutuan dibuat mengikut adat istiadat Melayu Islam.²⁷⁵ Pendapat Tun Mohammad Sufian bekas Ketua Hakim Negara memperkuuh lagi pendapat sebelumnya, apabila beliau berhujah peruntukan itu hanyalah untuk kepentingan upacara resmi seperti majlis pertabalan raja-raja, sambutan kemerdekaan dan upacara-upacara yang seumpama dengannya.²⁷⁶ Kesan tafsiran itu dapat dilihat dalam kes yang diputuskan oleh Tun Salleh Abas dalam kes Che Omar b Che soh Lwn Pendakwa raya²⁷⁷ apabila dua orang yang merayu hukuman mati yang dikenakan kepada mereka di bawah Akta Dadah Berbahaya kerana mengedar dadah dan di bawah Akta Senjata Api adalah tidak sah kerana bertentangan dengan undang-undang Islam yang tidak termasuk dalam kategori hudud atau qisas. Mahkamah agong dalam keputusannya telah menolak permohonan itu kerana iaanya bertentangan dengan Perlombagaan dan sejarah perundangan Persekutuan dan juga Undang-undang Sivil yang memperuntuk penerimaan undang-undang Inggeris. Katanya:

ini bukanlah yang dimaksudkan oleh mereka yang merangka Perlombagaan. Mereka berpendapat Islam hanyalah merangkumi kehidupan yang sempit iaitu

²⁷⁴ Official Report of Legislative Council Debate, 1958.

²⁷⁵ Sheridan L A & Harry E Grover, The Constitution of Malaysia, M L J (P T R), Ed. 3, Singapore 1979, hal. 37

²⁷⁶ M. Suffian Hashim, "The Relationship between Islam and the State in Malaya", *Intisari*, Shible Gardon (ed) Singapore Malayan Sociological Research Institute Ltd, Jild 1, No. 1, hal. 8

²⁷⁷ (1988) 2 M. L. J 55 (Mahkamah Agung)

*undang-undang mengenai perkahwinan, penceraian dan harta pusaka sahaja. Jika niat dan pendapat mereka seperti apa yang kita faham dan inginkan maka sudah tentu satu peruntukan khas telah dimasukkan di dalam Perlembagaan yang memperuntukkan bahawa apa-apa undang-undang yang bertentangan dengan undang-undang Islam maka undang-undang itu batal.*²⁷⁸

Ahmad Ibrahim ketika memberi komentarnya tentang keputusan hakim Mahkamah Agung itu, berkata:

*Apa yang menyediakan ialah Mahkamah Agung nampaknya bersedia menerima hujah bahawa perkataan Islam yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah difahamkan sebagai meliputi hanya perkara-perkara yang berhubung dengan upacara dan adat istiadat agama sahaja. Telah dikatakan bahawa inilah makna yang dimaksudkan oleh pihak yang merangka Perlembagaan itu dan ia adalah akibat pemerintahan tidak langsung oleh British dalam masa penjajahan dahulu dan wujudnya institusi sekular. Soalnya apakah kita masih terikat dengan kedudukan masa penjajah itu sedangkan kita sudah mencapai kemerdekaan.*²⁷⁹

Dalam kes Teo Eng Kuat Iwn Kadi Besar Pasir Mas [1990] 2 MLJ 399 Mahkamah Tinggi berhadapan dengan masalah interpretasi Perkara 12 [3] dan Fasal [4] Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukan:

Tiada siapa pun boleh diwajibkan menerima ajaran-ajaran mengenai apa-apa agama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu agama yang lain daripada agamanya sendiri.

²⁷⁸ Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood, 'Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia,' al-Ahkam, edit oleh Ahmad Ibrahim, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hal. 8.

²⁷⁹ Ahmad Ibrahim, Undang-undang Islam di Mahkamah Sivil. Kertas kerja yang dibentangkan di Simposium pindaan Perlembagaan Malaysia: Implikasi undang-undang. Petaling Jaya: Universiti Islam Antarabangsa, 5 Julai 1989.

Sementara perkara 12 [4] menyebut:

Bagi maksud Fasal [3] agama bagi seorang yang berumur kurang daripada lapan belas tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaga.

Dalam kes ini, seorang gadis bukan Islam yang berumur 17 tahun telah dilsiamkan oleh seorang Kadi tanpa kebenaran dan pengetahuan bapanya. Bapanya telah membawa tuntutan ke Mahkamah sivil memohon satu pengistiharan bahawa penganutan itu tidak sah kerana menurut undang-undang dan perlembagaan seorang bapa dan penjaga berhak menentukan agama, pelajaran dan asuhan anaknya. Mahkamah merujuk kepada perkara 11 dan 12 Perlembagaan Persekutuan dan menolak permohonan bapanya.

Sementara pendapat yang mengatakan peruntukan Islam dalam Perlembagaan itu bagi membolehkan doa dibaca pada upacara rasmi sahaja²⁸⁰, juga disangkal sebagaimana pendapat yang dikemukakan oleh hakim Hashim Yeop Sani begini:

Saya menentang keras pandangan ini kerana tidak berdasarkan kepada apa-apa peruntukan dalam Perlembagaan dan ini ialah satu tafsiran yang berjiwa crusader. Oleh sebab itu Perkara 3 Perlembagaan itu sangat jelas dan tidak boleh diputarbelikan lagi bahawa agama negara ialah Islam maka mana-mana tafsiran yang mewujudkan satu percanggahan di antara dokumen ciptaan manusia dengan perintah Allah (al-Qur'an) dan al-Sunnah maka tafsiran itu boleh dipertikai.²⁸¹

Ahmad Ibrahim berpendapat:

kalau perkataan 'agama' merangkumi bukan sahaja kepercayaan dan amalan tetapi juga termasuk undang-undang yang terpakai kepada penganut agama tersebut maka, makna yang sama juga sepatusnya diberikan kepada agama Islam²⁸².

²⁸⁰ Tun Muhammad Sufian, op.cit., hal. 8

²⁸¹ Hashim Yeop Sani, Islam dalam Perlembagaan, Kuala Lumpur : Institut Dakwah dan Latihan Jabatan Perdana Menteri, t. t, hal. 17

Tetapi pendapat sebegini belum diktiraf di sisi undang-udang negara.

Perlembagaan juga telah memperuntuk bahawa kuasa agama di bawah bidang kuasa negeri untuk negeri yang mempunyai raja atau sultan. Bagi negeri yang tidak mempunyai raja, kuasa agama tertakluk di bawah Yang di-Pertuan Agong. Walaupun Perlembagaan memperuntukan kuasa agama kepada negeri-negeri tetapi masih tertakluk dibawah Peruntukan yang telah dinyatakan dalam Senarai 2 Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan seperti berikut ini:

283

Kecuali mengenai Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, naikah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat atau khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu, zakat, fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan cara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali yang setakat diberi oleh Undang-undang Persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang

²⁸² Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood, op.cit, hal. 3. Lihat juga Ahmad Ibrahim, "Kedudukan Agama Dalam Perlembagaan, dlm M. Suffian, H.P. Lee dan FA. Trindade (ed), Perlembagaan Malaysia Perkembangan 1959 - 77. Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1978, hal. 41 - 68.

²⁸³ Perlembagaan Persekutuan Jadual 9 senarai 2 [senarai negeri.]

menganut Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.

Berdasarkan kepada peruntukan ini, Badan Perundangan Negeri berkuasa menggubal undang-undang Islam dan menubuhkan organisasi pentadbiran sendiri untuk melaksana Undang-undang Islam. Kata Ahmad Ibrahim:

*Kuasa Badan Perundangan negeri untuk menggubal perkara-perkara mengenai undang-undang Islam termasuklah kuasa menubuhkan Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa ke atas orang-orang Islam. Tetapi diperuntukan juga yang mahkamah tersebut tidak boleh melanggari batas kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat mana yang diberi oleh undang-undang Persekutuan, walaupun peruntukan itu nyata perkara yang telah dimasukkan dalam Senarai Negeri.*²⁸⁴

Walau bagaimanapun penggunaan undang-undang Islam di mahkamah-mahkamah syariah adalah terbatas. Ia hanya merujuk kepada undang-undang diri, dan terhad kepada orang Islam sahaja. Kata Tun Muhammad Sufian:

*Mahkamah Syariah yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa negeri mempunyai bidang kuasa hanya terhadap orang-orang Islam dan ianya mempunyai bidang kuasa berhubung dengan kesalahan, kecuali setakat mana yang diberikan kuasa oleh undang-undang persekutuan.*²⁸⁵

Selain itu, aspek tafsiran undang-undang diri yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan terlalu sempit tidak mencakupi apa-apa yang dikehendaki oleh undang-undang diri dalam Islam. Berdasarkan bidang kuasa sivil, Mahkamah Syariah hanya bertanggungjawab dalam perkara pertunungan, nikah dan cerai, memberi harta benda atau tuntutan terhadap harta.

²⁸⁴ Ahmad Ibrahim, Sistem Undang-undang di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hal. 54.

²⁸⁵ Lihat Muhammad Sufian, Mengenal Perlembagaan Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hal. 349.

nafkah orang di bawah tanggungan, anak yang sah, taraf penjagaan kanak-kanak atau pemeliharaan kanak-kanak, pemberian, harta sepencarian, wakaf atau nazar.²⁸⁶

Pada praktisnya Mahkamah Syariah hanya membicarakan dan menguruskan kes-kes seperti perkahwinan, penceraian, nafkah anak dan isteri, warisan dan harta sepencarian. Sementara bidang kuasa jenayah, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah telah menyenaraikan kesalahan tersebut seperti:-

1. Kesalahan-kesalahan matrimoni seperti menganiaya isteri dan tidak taat kepada suami;
2. Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan seks seperti persetubuhan haram, khalwat, pelakuan sumbang dan melacur;
3. Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan minuman keras, seperti meminum, menjual dan membeli arak;
4. Kesalahan dari aspek keimanan seperti tidak melaporkan dan mendaftar masuk atau keluar daripada agama Islam dan kesalahan yang berhubung dengan pengambilan anak angkat; dan
5. Pelbagai kesalahan lain yang tidak termasuk dalam ketegori di atas.²⁸⁷

Perkara yang digaris itu belum menepati kehendak sistem perundangan Islam, terutama dalam bidang kuasa jenayah. Perkara yang sama juga berlaku dalam Jadual 9 Senarai 2 [Senarai Negeri] yang diperuntukkan dalam Perlembagaan memperihatkan suatu skop yang sempit. Berdasarkan kepada peruntukan itu ia dapat disimpulkan:-

1. Undang-undang Islam yang dilaksanakan dan dikuatkuasakan adalah hanya untuk orang-orang Islam sahaja,

²⁸⁶ Lihat Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Melaka, 1983.

²⁸⁷ Lihat Kanun Jenayah Syariah Negeri Melaka 1991.

2. Badan Perundangan Negeri yang telah diberi kuasa untuk menggubal undang-undang Islam dan menubuhkan Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa ke atas orang-orang Islam sahaja; dan
3. Bidang kuasa Mahkamah Syariah yang telah diperuntukkan itu, tidak boleh mempunyai kuasa tentang kesalahan kecuali setakat mana yang diberikan oleh Persekutuan.²⁸⁸

Mulai dekad 1980 an kerajaan Persekutuan telah berusaha mempertingkat undang-undang Islam dengan melakukan beberapa pindaan dalam Perlembagaan Persekutuan. Antaranya ialah pindaan Perkara 121 [1A]. Pindaan ini bertujuan untuk meninggikan taraf hakim dan meningkatkan kewibawaan Mahkamah Syariah. Sebelum dari pindaan itu kes-kes yang tertakluk di bawah Mahkamah Syariah masih boleh dibicara dan diputuskan di Mahkamah sivil. Misalnya dalam kes Commissioner of Religious Affair Terengganu vs Tengku Mariam . Kes ini berhubung dengan tanah wakaf khas yang dibuat oleh keluarga Tengku Cik, sah atau tidak. Perkara ini telah dirujuk kepada Mufti dan Mufti telah memberi fatwa bahawa wakaf itu adalah sah mengikut undang-undang Islam. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi di Terengganu telah memutuskan wakaf itu tidak sah kerana ia berpendapat terikat dengan keputusan mahkamah Privy Council.²⁸⁹

Dalam kes Re Bibi, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memutuskan seorang perempuan Islam boleh dituduh dan dihukum kerana kesalahan pecah amanah harta suaminya. Isteri juga boleh dihukum kerana mencuri harta suaminya, kerana konsep kesatuan harta suami isteri di bawah undang-undang Inggeris tidak boleh dikenakan kerana perempuan bersuami.²⁹⁰ Demikian jugat ada beberapa akta yang boleh menyekat kelincinan perjalanan Mahkamah Syariah dan menghalang penguatkuasaan hukum yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah

²⁸⁸ Lihat Perlembagaan Persekutuan Jadual 9 Senarai 2.

²⁸⁹ | 1970 | MLJ 222

yang perlu dipinda seperti Akta Penguatkuasaan Nafkah, Akta Orang yang Menganut Agama Islam di bawah umur 18 tahun, dan Akta Probet dan Pentadbiran No 97 tahun 1955 semakan 1977 dan Akta Pusaka Kecil Pembahagian No 98 tahun 1955 dan 1977.

Seterusnya perkara yang berhubung dengan Akta Undang-undang Sivil [Civil Law Act] yang dibuat dalam tahun 1937. Ia dikuatkuasakan di negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1956, dan ke seluruh Malaysia pada tahun 1972. Penguatkuasaan telah memberi keistimewaan kepada undang-undang Inggeris iaitu *common law*. Perkara 3[1],[a], [b], [c]. dan Perkara 4 serta 5, menjelaskan:

*...Di Malaysia Barat atau mana bahagian yang memakai common law England dan kaedah ekuiti sebagaimana yang ditadbir di England 17 April 1956. Di Sabah memakai common law England dan kaedah-kaedah ekuiti beserta dengan statut pemakaian am, sebagaimana ditadbir atau dikuatkuasakan di England pada 12 Disember 1951. Di Sarawak memakai common law England dan kaedah-kaedah ekuiti beserta dengan statut-statut pemakaian am, sebagaimana ditadbir atau berkuatkuasa di England pada 12 Disember 1949.*²⁹¹

Peruntukan itu menunjukkan bahawa undang-undang yang hendak dilaksanakan di negeri ini mestilah berdasarkan undang-undang yang dilaksanakan di England. Istilah undang-undang dalam Perlembagaan ini ditakrifkan sebagai:

*Undang-undang termasuklah undang-undang bertulis, common law... dan apa-apa adat atau kelaziman yang mempunyai kuatkuasa undang-undang dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya.*²⁹²

Common Law England ini telah diterima pakai di Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dan di Sabah dan di Sarawak. Hakim-hakim Inggeris yang mengetuai Mahkamah Sivil telah menggunakan Common law England apabila tidak ada undang-undang bertulis.

²⁹⁰ | 1955] MLJ 166.

²⁹¹ Lihat Undang-undang Malaysia, Akta Undang-undang Sivil 1956, [semakan] 1972, Perkara 3 [a,b,c], Perkara 4 dan 5.

²⁹² Lihat Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan

Enakmen ini telah diperluaskan ke Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu oleh Ordinan Undang-undang Sivil [perluasan], 1951. Pada tahun 1956, pemakaian Common Law dan kaedah-kaedah ekuiti bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu telah diselaraskan oleh Ordinan Undang-undang Sivil, 1956 dan pada tahun 1970 Ordinan itu telah disemak dan diperluaskan di Sabah dan Sarawak. Seksyen 3 Akta Undang-undang Sivil Memperuntukan:

1] Melainkan ada ubahsuai yang telah dibuat atau akan dibuat oleh undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Malaysia, mahkamah hendaklah:

a] di Malaysia Barat atau di mana-mana bahagian daripadanya memakai Common Law England dan kaedah-kaedah ekuiti seperti yang ditadbirkan di England pada 7 April 1956;

b] di Sabah, memakai Common Law England dan kaedah-kaedah ekuiti, bersama dengan statut-statut pemakaian am, seperti yang ditadbirkan atau berjalan kuatkuasa di England pada 1 Disember 1951; dan

c] di Sarawak, menguatkuasakan Common Law England dan kaedah-kaedah ekuiti bersama dengan statut-statut pemakaian am seperti yang ditadbirkan atau berjalan kuatkuasa di England pada 12 Disember 1949, tetapi tertakluk kepada sub-seksyen 3 [ii]: dengan syarat bahawa Common Law, kaedah-kaedah ekuiti dan statut pemakaian am itu akan dipakai sejauh yang diizinkan oleh keadaan-keadaan di negeri-negeri dalam Malaysia dan penduduknya dan tertakluk kepada penyesuaian-penyesuaian seperti yang dianggap perlu oleh keadaan tempatan".

2.5 Penutupan.

Malaysia masih banyak mengamalkan undang-undang yang diperkenalkan oleh Inggeris, terutama dari aspek sumber.²⁹³ Walaupun sudah ada usaha untuk mempertingkatkan

²⁹³ Sumber undang-undang Malaysia ialah Perlembagaan Persekutuan, atau negeri, statut atau akta yang digubal oleh Parlimen Ordinan jika digubal oleh Dewan Undang Negeri dan Enakmen yang digubal oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak atau Sabah. Ketiga undang-undang yang digubal oleh orang perseorangan atau institusi yang diberi kuasa oleh Undang-undang Persekutuan. Keempat keputusan hakim Kelima undang-undang Islam. Keenam undang-undang Hindu. Ketujuh undang-undang adat yang

kedudukan Mahkamah Syariah dan Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah, tetapi masih belum sampai ke tahap yang digarisi oleh undang-undang Islam, terutama apabila melihat undang-undang tertinggi bagi Persekutuan adalah Perlembagaan yang boleh membatalkan undang-undang yang bertentangan dengannya. Walau bagaimanapun, Perlembagaan Persekutuan boleh dipinda melalui saluran yang termaktub. Badan yang berkuasa membuat undang-undang Persekutuan ialah Parlimen, yang terdiri daripada Yang di-pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Sementara bagi undang-undang negeri dibuat oleh Dewan Undangan Negeri yang terdiri daripada Sultan atau Yang di-Pertua dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Sungguhpun terdapat banyak sekatan yang masih lagi ada sama ada dalam perlembagaan, atau akta-akta yang diwujudkan yang boleh membatasi terlaksananya undang-undang Islam, tetapi undang-undang Islam akan dapat dilaksanakan kalau beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan diubah atau dimansuhkan.²⁹⁴

Kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu telah merubah budaya, amalan ekonomi, politik dan undang-undang orang Melayu. Pihak berkuasa kolonial berjaya merubah sistem politik orang Melayu daripada sistem tradisi kepada sistem demokrasi yang memerlukan kerjasama antara kaum lain yang datang ke Tanah Melayu atas urusan ekonomi keluarga atau ekonomi penjajah. Politik kerjasama, perundingan dan tolak ansur telah mendominasi politik Tanah Melayu, malah inilah prasyarat yang ditekankan oleh British untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Dasar inilah yang telah melatari politik Malaysia selepas merdeka. British juga telah berjaya merubah sistem undang-undang Tanah Melayu yang pada amnya bersandarkan kepada undang-undang Islam bertukar kepada undang-undang Inggeris yang merujuk kepada undang-undang bertulis England dan telah mengklasifikasikan undang-undang Islam kepada subjek-subjek tertentu yang tidak melibatkan urusan awam. Sistem yang diperkenalkan ini pada amnya berterusan selepas merdeka. Pemerintah British bukan sahaja telah menyiapkan draf undang-

terdiri daripada *adat Melayu*, Cina dan undang-undang anak watan. Kelapan *Common law Inggeris* dan rukun ekuitinya.

²⁹⁴ Lihat Ahmad Ibrahim, al-Ahkam, op.cit. 1994, hal. 55 - 56.

undang tetapi juga menyediakan sumber tenaga manusia dan prasarana yang lengkap untuk mengekalkan sistem mereka sebelum memberikan taraf kemerdekaan. Abdul Rahman Abdullah menyebut penjajah Barat telah membawa pelbagai akibat dan malapetaka terhadap umat Islam. Umat Islam telah hilang kuasa politik dan pemerintahan akibatnya. Kuasa politik yang dipaksakan itu telah menggantikan corak pentadbiran dan undang-undang tradisional dengan corak pentadbiran Barat sekular.²⁹⁵ Inilah apa yang diperkatakan oleh Lord Cromer²⁹⁶. Dan kemerdekaan negara jajahan hanya akan diberi apabila penjajah telah yakin negara tersebut mengamalkan sistem yang mereka perkenalkan. Kenyataan Lord Macualay seperti yang dipetik oleh Khurshid Ahmad mengulas peranan mereka dalam pencorakkan nilai dan pemikiran masyarakat tanah jajahan.²⁹⁷

Huraian dalam bab ini memperlihatkan bentuk fahaman yang telah mempengaruhi umat Melayu, bermula dengan fahaman anamisme kemudian Hindu-Budha, diikuti oleh Islam dan Barat. Perubahan ini berlaku secara sistematik bermula dari peringkat pemerintah sehingga rakyat keseluruhannya. Selama 446 tahun Barat mencengkam budaya, pemikiran, politik dan undang-undang masyarakat Melayu dan memaksa undang-undang British ke atas mereka, soalnya apakah mungkin umat Melayu bersedia kembali membentuk cita-cita untuk melaksana sistem perundangan Islam di negara ini?

²⁹⁵ Abdul Rahman Abdullah, Pemikiran Islam Masa kini Sejarah dan Aliran, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hal. 33.

²⁹⁶ Lord Cromer, Modern Egypt, New York, 1908, hal. 565.

²⁹⁷ Kurshid Ahmad, Islam and the West, Lahore Hari Islamic Publications, 1979, hal. 10.